



## DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

### PENGGAL KELIMA

### MESYUARAT KEDUA

---

**Shah Alam, 10 Julai ( Selasa )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

#### **YANG HADIR**

**YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Liu Tian Khiew

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

**YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali

YB Tuan Ng Suee Lim

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

YB Tuan Lee Kim Sin

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

YB Tuan Lau Weng San

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

YB Tuan Haji Saari bin Sungib

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

YB Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz

YB Tuan Amirudin bin Shari

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam

YB Puan Lee Ying Ha

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

YB Puan Gan Pei Nei

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

YB Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)  
YB Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,

DPMS., JSM., SSA

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

YB Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

YB Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

YB Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

YB Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

YB Tuan Yap Ee Wah

YB Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

YB Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Yap Lum Chin

YB Tuan Philip Tan Choon Swee

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin

YB Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

YB Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Redzuan bin Adam  
Encik Ibrahim bin Mat Mom  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )**

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Selangor Ke Dua Belas pada hari yang kedua 10 Julai 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA.**

**YB TUAN SPEAKER :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Silakan Setiausaha Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat kedua. Pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**YB TUAN SPEAKER :** Meru.

**YB TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN :** Tuan Speaker, soalan No. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : MASALAH AIR**

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Benarkah dakwaan pihak pembangkang yang diuar-uarkan di dalam media mereka bahawa negeri Selangor akan menghadapi krisis air menjelang 2014 ? Apakah hujah dan fakta kerajaan negeri Selangor bagi menafikan tohmahan ini ?
- b) Apakah bentuk-bentuk kerugian yang akan di tanggung oleh rakyat negeri Selangor sekiranya kerajaan negeri Selangor akur dan menurut kehendak kerajaan pusat dalam menangani krisis air di negeri Selangor ? Sila perjelaskan.
- c) Apakah perancangan-perancangan masa hadapan yang akan dicadangkan oleh kerajaan negeri Selangor bagi menangani masalah air di Selangor ?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Tuan Speaker. Meru bertanya keterangan masalah air. Isu tidak cukup air ini telah dibangkitkan oleh SYABAS kepada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri Selangor semenjak tahun 2005 lagi. Pada masa itu kapasiti air dari 33 loji rawatan air adalah sebanyak 4,326 juta liter sehari. Dari jumlah itu masih ada loji yang tidak mengeluarkan air mengikut kapasiti reka bentuk. Ada juga loji yang mampu mengeluarkan air melebihi kapasiti reka bentuk namun disebabkan tidak ada *interconnectivity* yang lengkap maka lebihan

air dari loji tersebut tidak dapat disalurkan ke kawasan permintaan tinggi. Contohnya loji Sungai Selangor, fasa tiga boleh mengeluarkan air sebanyak 800 ml sehari tetapi jumlah yang diminta oleh SYABAS untuk diagihkan kepada pengguna hanya dianggarkan sebanyak 600 mld. Begitu juga loji Air Rasa boleh mengeluarkan air sebanyak 200 mld tetapi permintaan banyak setakat purata 150 mld sahaja. *Actual metered consumption* setakat 2011 adalah sebanyak 2808 mld. Kadar NRW *Non Revenue Water* yang tinggi mempengaruhi permintaan air dan anggaran yang diberikan oleh SYABAS adalah mengambil kira *buffer* sebanyak 10% dan keadaan ini menyebabkan permintaan air dilihat meningkat secara mendadak. Beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi seperti berikut:

Nama projek. Projek Pembangunan Loji Sungai Labu. Kita akan ini loji baru dan jumlah kapasiti tambahan pada tahun ini ialah 45, tahun akan datang ialah 40 mld. Dan jumlah semuanya ialah 105 mld.

Yang dua projek peningkatan kapasiti SS P.1 pada tahun 2013 kapasitinya akan naik sampai 120 mld. Dan peningkatan keupayaan pengeluaran harian dari 760 mld kepada 950.

Dan No. 3 ialah tarif yang diadakan 25 tambahannya ialah 25 ml sehari. Ini akan meningkatkan keupayaan pengeluaran dari 15.6 ml kepada 40.6 ml. Projek pengagihan semula kapasiti SS P.1 ialah 50 dalam tahun 2015 kita akan adakan 50 mld. Yang menaikkan sebanyak 120 pada pengguna.

Pro agihan SS P.3 ialah pada tahun 2015 ialah 120 ml bagi mengagihkan lebih air di loji SS P.3 sebanyak 120 ml kepada pengguna.

Program agihan loji Rasa pada tahun 2015 kita akan adakan lebih kapasiti tambahan 100 mld bagi mengagihkan lebih air di loji SS P.1 sebanyak 100. *Programme Non Revenue Water* ini yang penting, *Non Revenue Water* kapasiti tambahan *Non Revenue Water* ialah semua sekali dalam tahun 2013 dan 2014 kita akan menurunkan NRW kalau program-program yang telah dirancang untuk sampai 2014. Sekarang NRW ialah setakat 35% dan kalau kita boleh menurunkan NRW, adakan 5% atau 10% itu kita akan adakan tambahan ah! Mld kepada pengguna-pengguna di kawasan. Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang tahun 2014. Dan dengan siapnya projek mitigasi ini terdapat 621 mld air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna. Kepada soalan yang kedua. Pendirian Kerajaan Negeri dalam hal pengurusan Industri Perkhidmatan Air di Negeri Selangor adalah untuk memuktamadkan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Tujuan penstrukturkan semua industri perkhidmatan air di Negeri Selangor adalah untuk mematikan industri perkhidmatan air di Negeri Selangor dikendalikan secara holistik

oleh satu operator bermula dari proses rawatan ke proses hingga mengagihkan kepada pengguna. Model holistik yang sememangnya telah terbukti sebagai penyelesaian ke atas semua masalah pengurusan bekalan air secara komprehensif dan dapat menjamin pengurusan air yang mengutamakan tahap kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan serta memperkuuhkan integriti daya saing dan juga kemampanannya di samping tidak membebankan rakyat keseluruhannya sebagai mana yang telah dicapai di kejayaan pelaksanaan model holistik di Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Tuan Speaker. Kerajaan sentiasa mengambil langkah positif untuk memastikan rakyat Selangor sentiasa mendapatkan bekalan air yang mencukupi dan masalah bekalan air tidak menjelaskan projek-projek pembangunan di Negeri Selangor. Justeru itu beberapa projek sumber air tambahan telah pun dilaksanakan bagi memastikan sumber bekalan air adalah mencukupi. Antaranya adalah seperti yang telah dinyatakan dalam jawapan tadi. Projek-projek mitigasi ini dijangka siap menjelang akhir 2014 dan dengan siapnya projek mitigasi ini terdapat 621 mld air terawat tambahan yang boleh diagihkan kepada pengguna. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan operator loji pembersihan air seperti SPLASH, ABAS dan Puncak Niaga serta agensi yang terlibat dan Pesuruhjaya Air Negara SPAN. Langkah-langkah mitigasi telah dilakukan seperti berikut:

- Hanya melepaskan air dari empangan berdasarkan keperluan optimum loji sahaja.
- Menjalin persefahaman yang mantap bagi semua pihak yang berkepentingan dalam mengurus sumber air supaya bekalan air bersih tidak terganggu.
- Memantau paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang di ampang adalah mencukupi dan tidak memberi kesan kepada atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.
- Sentiasa memantau dan bertindak sewajarnya sekiranya simpanan air mencapai tahap 50%.
- Masyarakat umumnya sentiasa diminta berjimat cermat terhadap penggunaan air sewaktu musim kemarau.

Selain itu LUAS sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan air di negeri Selangor turut mengambil kira beberapa langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku masalah air di negeri Selangor. Salah satu penyelesaian adalah pengguna sumber air alternatif iaitu menggunakan air permukaan seperti air tasik, lombong dan sebagainya untuk keperluan harian. Sumber air bumi juga merupakan penyelesaian terhadap kekurangan air di negeri Selangor. Walau bagaimana pun sumber air bumi

masih belum meluas penggunaannya dan perlu di *commercialise* kan. Pakar air yang telah dilantik oleh kerajaan negeri Selangor juga akan membuat kajian bagi mengenal pasti loji-loji rawatan air yang boleh dioptimumkan pengeluaran di samping membuat kajian mengenai penggunaan teknologi baru di dalam mempertingkatkan pengeluaran air bersih dari loji-loji sedia ada. Tiga syarikat yang kerajaan negeri telah pun *identified* ialah *Halcrow, Suez dan Wessex* dari U.K. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN LEE KIM SIN :** Ya. Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin hendak bertanya akan rancangan yang spesifik yang selain daripada jawapan yang diberi oleh pihak kerajaan iaitu disebutkan ada tiga, tiga syarikat yang akan terlibat ya, dalam pembinaan loji atau pun pembekalan air. Jadi kita memang ucap tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya membina satu loji penambahan merawat air di Sungai Labu. Dan apakah rancangan secara konkrit dan tepat di manakah loji penapisan air ini akan dibina dan bilakah akan siap dan adakah keizinan atau pun kebenaran yang akan diberi oleh pihak Persekutuan Ya, Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih, Kajang. Loji Labu telah pun dibina dan juga sekarang diberikan kuasa urusannya kepada Negeri Selangor di bawah syarikat, anak syarikat negeri Selangor sekarang sudah pun dimulakan ya, dan air itu akan disampaikan kepada kawasan di KLIA dan sebagainya. Tetapi bukan 100% lagi sebab kita akan hantar air-air yang telah pun dirawat dan di dalam kawasan itu kepada tempat-tempat khususnya, kalau ada kekurangan air di dalam kawasan itu sahaja. *Inter connectivity* ini penting, bukannya kita buka satu tempat sahaja, keseluruhan negeri Selangor boleh dapat air daripada satu loji. Sebab tanpa *inter connectivity* kita tidak boleh hantar air kepada kawasan-kawasan yang lain. Itu penting. Kita kena faham ya.

Apa yang kita hadapi ialah saya telah senaraikan tadi beberapa program mitigasi yang kita telah laksanakan dan sekarang diproses dan di dalam kerja. So dalam tahun 2014 atau pun 2015 mitigasi program mitigasi ini akan selesai dan lepas itu kita akan nampak peningkatan air di dalam beberapa kawasan juga. Tetapi pada masa yang sama kerajaan negeri telah membuat kajian atas *alternative sources of water* yang kita katakan dan juga cara-cara yang ada sekarang, kita boleh gunakan cara-cara yang terbaru yang menggunakan *membrane technology* dan sebagainya tanpa menghenti mana-mana kerja, di mana-mana loji kita boleh terus mengadakan teknologi yang baru ini untuk disiapkan dalam satu tahun sahaja untuk meningkatkan air-air terawat di dalam beberapa tempat loji-loji yang tertentu yang kita telah buat kajian sekarang. So, tidak ada masalah dengan air yang kita akan keluarkan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya, apakah perancangan kerajaan negeri khasnya dalam menggantikan paip-paip yang sudah lama lebih kurang 20 tahun ke atas seperti di Rawang. Saya sendiri telah membuat permohonan kepada SYABAS memandangkan banyak kes paip bocor yang berlaku disebabkan bilangan penduduk bertambah dan permintaan air yang telah meningkat. Jadi apakah perancangan Kerajaan sebab saya rasa ini adalah salah satu sumber yang juga menyebabkannya *non-revenue water* (NRW), meningkat disebabkan keadaan paip yang sudah lama dan tidak boleh menampung kapasiti air.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Rawang. Itulah yang kita katakan negeri sekarang sedia menghantarkan tiga (3) syarikat pakar untuk kaji apa yang telah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tertentu. Adakah kita kekurangan air, atau pun adakah kita kekurangan sumber air yang terawat, atau pun *raw water* dan apa permintaan di dalam negeri Selangor. Sebab kita dapatkan *figure figure* yang dilontarkan sekarang sahaja dari satu pihak, bukan dari keseluruhannya. Sebab itu tiga (3) syarikat pakar ini akan beri kerja untuk dapatkan satu kajian dan lepas itu kita akan adakan kertas kerja yang telah disiap-siapkan oleh mereka. *Non-revenue water* (NRW) ini ialah memang dari mulanya adalah satu-satu isu yang kita telah bincang lama dan panjang. Di dalam negeri Selangor, *non-revenue water* sekarang dikatakan dengan taraf 35%. Memang kita kena belanja besar untuk atasi masalah ini dan kalau kita boleh turunkan *non-revenue water* dari 30%. Adakah 5% atau 10%, kita akan adakan cukup air untuk dirawatkan semua? Dan ini program yang diteruskan. Kita akan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat tertentu, paip-paip berkenaan di seluruh negeri Selangor akan kita cuba untuk kita tukar di mana-mana ada, kalau ada prioriti kita akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini untuk tukarkan paip-paip berkenaan.

**TUAN SPEAKER:** Balakong. Tidak hadir. Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Tuan Speaker. Soalan no. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK : PENGGUNAAN GERAN SELANGORKU**

14. Kerajaan negeri telah memperuntukkan Geran Selangorku berjumlah RM300 juta bagi program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah prestasi perbelanjaan geran RM300 juta ini mengikut kawasan DUN dan daerah?
- b) Apakah impak positif dari segi ekonomi dan sosial hasil perbelanjaan geran ini?
- c) Apakah mekanisme bagi memastikan perbelanjaan geran mengikut tatacara kewangan yang betul dan sampai kepada kelompok sasaran tanpa mengira fahaman politik?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, YB Paya Jaras bertanya tentang penggunaan Geran 'Selangorku' dan soalan ini juga saya rangkumkan dengan soalan nombor 120, 140, 141, 144, 159, 180, 200 dan 206. Sebelum saya menerangkan, perlu saya sebut pada bulan November yang lepas, saya telah membentangkan rancangan penggunaan Geran Selangorku yang berjumlah RM300 juta.

Pertama, saya telah senaraikan juga senarai-senarai rancangan penggunaan dana tersebut. Antara lain :-

- Pengenalan gaji minimum - RM10 juta
- Program pembasmian rasuah dan penyelewengan - RM15 juta
- Pemerksaan wanita - RM30 juta
- Kebajikan kepada pekerja - RM20 juta
- Keusahawanan muda - RM30 juta
- Program sokongan pendidikan - RM30 juta
- Infrastruktur - RM50 juta
- Pembinaan infrastruktur sukan - RM30 juta
- Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar - RM5 juta
- Program jangkaan kehidupan bandar - RM10 juta
- Program pejabat ke rakyat - RM20 juta
- Program pengukuhan budaya - RM3 juta
- Program pengukuhan demokrasi - RM5 juta
- Penerangan maklumat negeri - RM10 juta
- Program peningkatan kualiti hidup rakyat - RM5 juta
- Program peningkatan kemahiran penjawat awam - RM5 juta
- Penggerak dan pembangunan luar bandar - RM22 juta

Seperti yang saya nyatakan, itu sebab Geran Selangorku berbeza dengan bajet yang kita lakukan. Pada tahun lepas, kita ada juga bajet RM1.6 juta. Di samping bajet tersebut, kita juga ada geran RM300 juta. Jadi untuk geran RM300 juta, ini dia punya penggunaan dan kalau ditanya mengenai perbelanjaan mengikut kawasan DUN dan daerah. Kita fokus kepada dua (2) perkara yang boleh kita laksanakan melalui DUN dan daerah iaitu program infrastruktur prasarana dan program pembinaan infrastruktur

sukan iaitu kalau di campur kedua-duanya ialah RM80 juta dan kita telah meminta setiap PBT dan juga setiap daerah untuk diberi, mengemukakan cadangan-cadangan mereka dalam usaha untuk bukan membina tetapi *to maintain* atau pun memperbaiki jalan-jalan, longkang-longkang yang rosak supaya dengan Geran Selangorku, ia dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dari kebiasaannya walaupun ia masih mengambil tatacara yang dikehendaki dalam usaha menunjukkan kita ada apa yang dipanggil *financial discipline*. Maknanya kita memantau tentang penggunaan dan juga pemilihan dan juga memantau tentang kualiti yang dilakukan. Jadi kita juga bercadang, saya ada dia punya senarai 56 DUN yang kita ada. Jadi oleh sebab itu saya tak nak menggunakan masa yang panjang untuk membacanya. Saya boleh serahkan kepada semua ahli Dewan, kedua kita juga ada website, kita ada laman web yang boleh memantau tentang fasa berapa? Sekarang kita sudah ada lima (5) fasa yang kita telah lakukan dalam program infrastruktur. Jadi sekarang kita boleh pantau tentang fasa-fasa tersebut dan siapa yang membuatnya di DUN dan siapa juga ditugaskan seperti juga JKR, JPS, MBPJ, PTD Gombak. Semuanya kita ada usaha pemantauan dan infrastrukturnya, pecahannya pun kita telah lakukan. Jadi adakah semua Dewan Negeri mempunyai peruntukan tersebut? Jawapannya, ia semua.

Soalan yang biasa ditanyakan, mekanisme Geran Selangorku. Kita buat mengikut tatacara yang dibuat di kerajaan persekutuan iaitu *Implementation Coordination Unit* (ICU). Jadi kita salurkan melalui PBT dan kita tentukan projek-projek yang sudah dikenal pasti dan dilaksanakan dan kita *do the follow up*. Perkara ini akan..... oleh kerana ICU tidak lebih *Implementation Co-Ordination Unit* itu tidak ada keberterusan dengan Perbendaharaan, kita akan minta Perbendaharaan untuk supaya mengurangkan birokrasi. *To do random check audit*, maknanya sama ada mereka itu laksanakan dengan betul dan tatacaranya dengan betul. Kalau tidak dia mengambil masa yang lama. Adakah kelompok sasaran tidak mengira fahaman politik? Jalan dia tak ada, saya tak tahu lah kita tidak ada menyekat orang apa itu menggunakan jalan dengan cara fahaman politik sebab maknanya mana jalan yang rosak kita perlu baiki dan saya tidak tersangka bahawa ini akan dibeza-bezakan.

Kedua, adakah impak positif kepada ekonomi? Jawabnya, yes tapi kali ini kita boleh tunjukkan kos yang kita buat adalah tidak memberikan keuntungan yang lumayan pada kontraktor. Tidak. Ia akan dapat untung, ia akan dapat untung yang munasabah seperti keuntungan yang dibuat di sektor swasta dan kita boleh bandingkan pendapatannya. Jadi kita tidak bagi projek yang kalau nilainya kalau RM300,000.00 boleh dibuat dengan harga RM500,000.00, tidak. Kita semak lagi sekali, kalau RM300,000.00 dan kontraktor itu mendapat untung 7% dan kita teruskan dengan andaian mereka diberi projek tersebut. Jadi projek itu dibuat secara sebut harga dan juga dibuat secara tender dan dipantau dari segi pelaksanaannya. Walaupun kita tidak bercadang untuk mengurangkan masa, *one to one* pantau tapi kita adakan apa yang

dipanggil *random checking* dan kalau kita tahu ini keadaan yang tidak betul baru kita adakan semakan yang sangat besar. Jadi jawapan kita ialah kita memberi kepercayaan kepada profesional dalam JKR, profesional dalam PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) untuk menjalankan tugas mereka dengan cara yang terbaik supaya mereka dapat menggunakan duit amanah rakyat, Geran Selangorku ini untuk kepentingan rakyat dengan menjalankan projek-projek itu dengan harga yang sesuai dan tidak memberikan keuntungan yang melampau atau pun tidak akan terdapat satu kerugian sebab kontraktor boleh jadi lari kerana tak boleh buat kerja. Jadi kedua-dua tu mestilah kita seimbangkan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. Adakah Geran Selangorku ini merupakan satu geran yang bersifat *ad hoc* kerana misalnya, kerana kelebihan wang ada RM300 juta dan sebagainya. Kalau kita lihat kandungan dalam Geran Selangorku ini adalah banyak di duplikasi dari peruntukan tahunan yang kita telah adakan? Adakah ini menjadi prosedur pada tahun akan datang, ada lagi Geran Selangorku 2, 3 dan sebagainya? Apakah ia tidak lebih baik dimasukkan sahaja dalam peruntukan tahunan? Kalau dah perkara ini memang dah difikirkan penting dan tidak ertinya berulang-ulang dan kita terpaksa membuat permohonan tiap-tiap kali Geran Selangorku dikeluarkan. Kadang-kadang macam yang telah dikeluarkan baru-baru ni, Bangi tak masuk nampaknya dalam peruntukan. Mungkin masuk akan datang. Ertinya banyak kerja sepatutnya perkara ini boleh disatukan dalam peruntukan tahunan sahaja. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Bangi, itu soalan yang betul. Iaitu Geran Selangorku bukan selalu ia geran ini seperti yang saya katakan hasil daripada kutipan hutang dan pelaksanaan yang kita lakukan dalam pengurusan Menteri Besar Incorporated (MBI) kita terdapat lebihan dana sebanyak RM30 juta atau lebih, jadi kita gunakan RM300 juta ini untuk sebagai tambahan kepada belanjawan kita yang kita buat pada tahun lepas ini bukan tiap-tiap tahun ada, Geran Selangorku tengoklah kita dapat pendapatan yang lebih banyak lagi kita boleh gunakan tapi jawapannya betul, ini tidak boleh dijadikan sebagai satu usaha baru tapi tujuan saya Geran Selangorku akan memperlihatkan beberapa perkara, iaitu penggunaan dana berlebihan itu tidak boleh disimpan dalam negeri tetapi mesti disalurkan balik kepada rakyat, itu jelas. Kedua penggunaan dana ini ialah satu pemangkin dari usaha pembangunan sebagai contoh memperkasa wanita maknanya kita mesti ada program pemangkin jadi dengan adanya program pemangkin ini kita erti lebih baik keutamaan bila kita buat bajet belanjawan masa depan, jadi sebagai contoh kita kata program pengukuhan pendemokrasian kita telah tunjukkan bagaimana penggunaannya dapat menolong kita memahami pengundi-

pengundi di negeri Selangor jadi dan program mengenai program pembasmian rasuah dan penyelewengan sebagai contoh, itu tidak termasuk dalam bajet negeri dan itu adalah beberapa usaha sebagai pemangkin jadi jawapan saya kita akan pantau sudah tentulah wakil dewan atau ahli dewan sudah akan bertanya apa pembangunan MBI supaya pembangunan MBI itu lebih baik sudah tentu dia akan mendapat pendapatan untuk kita gunakan. Apakah jawapan mengapa kita tidak masukkan terus jadi soalan itu? Wang ini dana ini bukan di dalam akaun yang disatukan dana ini bukan dalam akaun yang disatukan seperti yang saya terangkan dalam bajet 20 bulan November tahun lepas Bajet Belanjawan Negeri ialah RM1,600 juta jadi pendapatan RM1,600 juta kita gunakan RM1,600 juta, RM300 juta ini tidak termasuk dalam akaun yang disatukan tetapi RM300 juta ini datangnya dari MBI sebab MBI mempunyai lebih, lebih dari RM300 juta dan yang penting untuk makluman dewan ialah bagaimana penggunaan dan bagaimana kita pantau penggunaannya supaya penggunaan-penggunaan ini dapat memberi makna kepada rakyat jadi bagaimana? dan sudah tentulah kita boleh berbahas tentang patut kah kita bagi macam ini dan seterusnya tetapi dengan cara itu, dengan perbahasan kita, kita akan dapat mengutamakan perkara-perkara yang penting untuk diperhatikan dan digunakan oleh rakyat. Jadi dua perkara ini bukan *permanent*.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kg. Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih, saya ingin bertanya YAB Menteri Besar adakah ini dalam menimbangkan projek-projek infrastruktur di bawah Geran Selangorku ini adakah kerajaan juga menerima cadangan daripada adun-adun pembangkang dan apakah dasar kerajaan dalam permohonan ini adakah kerajaan bersikap terbuka terhadap permohonan sekiranya ada dari wakil rakyat dari pembangkang?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Untuk infrastruktur kita tidak menyekat semua jadi permohonan-permohonan itu dari persatuan pun kita terima daripada ketua-ketua kampung pun kita terima tapi pada kebiasaan penerimaan kita telah banyak bukan sedikit tapi keutamaan dari segi keutamaan bukan permohonan banyak tapi keutamaan kita berikan kepada Adun yang berkenaan untuk ini saya mengambil contoh itu saya nak bagi tahu saya mengambil contoh yang dibuat oleh (ICU) Ahli Parlimen Kerajaan itu dia gunakan, kalau Ahli YB Pembangkang Selangor nak protes, protes dan dia buka semua di persekutuan kita juga akan buka di semua untuk negeri Selangor jadi jawapannya kita boleh dan pada untuk infrastruktur pada saya kita tidak boleh bezakan sebab penggunaan jalan, longkang adalah untuk semua.

**TUAN SPEAKER:** Sg Air Tawar, tidak hadir. Kuala Kubu Bharu

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker soalan No. 16

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**YB TUAN WONG KOON MUN**  
**(KUALA KUBU BHARU)**

**TAJUK : KECURIAN PASIR**

16. Walaupun kerajaan negeri telah lama menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) untuk mengawal industri pasir, didapati kes kecurian pasir masih berlaku dan ini merugikan harta rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri mengakui terdapat kelemahan aspek penguatkuasaan bagi mengawal industri ini?
- b) Apakah faktor-faktor menyebabkan ia masih berlaku dan bagaimanakah mekanisme efektif untuk membanteras masalah ini?
- c) Apakah kerajaan negeri mengutamakan keuntungan semata-mata berbanding penguatkuasaan?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Kuala Kubu Bharu, Kuala Kubu bertanyakan tentang perkara kecurian pasir jadi dia berminat tentang perkara itu, dan saya nak tunjukkan statistik kita ada laporan setiap bulan Setiausaha Kerajaan Negeri mempengerusikan satu jawatankuasa memantau dan jumlah operasi mengikut daerah, kita ada operasi mengikut daerah dan untuk tahun 2008 pada masa itu selepas 2007 kita menetapkan supaya kita kena pantau bukan sahaja pengurusan pencurian pasir tetapi juga pengurusan pasir jadi kita bagi dua kita tubuhkan kita mula mencadangkan menubuhkan pada 2008 sebuah syarikat yang kemudianya dinamakan Kumpulan Semesta untuk mengendalikan operasi pasir tetapi pemantauan tentang kecurian-kecurian itu dibuat oleh daerah-daerah di bawah kelolaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Untuk itu pada tahun 2008 kita terdapat banyak pemantauan yang kita lakukan 969 operasi dan 2009 apabila kita mula menubuhkan Kumpulan Semesta operasi itu dapat kita satukan dan terdapat 889 operasi sebab 2010 operasi itu berkurang sebab sudah ada tempat-tempat yang tak payah dipantau lagi 727, 2011 mula berkurang kepada 653, 2012 sampai bulan Jun kita sudah memantau operasinya 350, jadi *range* nya telah menurun tetapi *very selective now*, jadi itu sebab operasi pemantau kecurian pasir, kemudian saya tengok pula tangkapan, jadi kita tengok kalau kita dah pantau kita tengok pula dari segi tangkapan, tangkapan pada 2008 tangkapan tinggi maknanya ramai 974, lepas itu dia menurun 159 pada tahun 2009, dia menurun 2010 menjadi 91 tangkapan dan pada tahun 2011 kita menjalan operasi apa yang dipanggil perampasan

tanah kalau salah gunakan jadi kalau kita tolak operasi rampasan tanah hanya 37 sahaja yang dikatakan tangkapan jadi kalau kita tengok 900 pada 2008, 2009 (159), 2010(91), 2011 (30) jadi 2011 kita juga dalam Jun nombornya adalah (26) dan Kuala Langat yang mempunyai tangkapan yang teramai kali ini jadi antara kawasan-kawasan yang mempunyai tangkapan ialah Kuala Langat, Sepang dan Hulu Selangor ada tiga termasuk kawasan saya tak tahu Kuala Kubu tapi dalam kawasan tersebut ada di sini, kemudian saya tengok perangkaan laporan kutipan kompaun, jadi kita tengok sama ada dia trend, pada tahun 2008 kompaun kita adalah RM1.3 juta, pada 2009 dia menurun RM425,000, pada 2010 dia menurun kepada RM21,000, pada 2011 RM27,000 jadi kompaun jadi maknanya kalau kita bandingkan perangkaan satu ialah operasi sudah mula berkurang, rampasan sudah juga berkurang dan kutipan kompaun juga mula menurun maknanya fahaman daripada perangkaan-perangkaan ini sudah tentulah operasi kecurian pasir itu berkurang walau bagaimanapun kita telah meminta memperkemaskan apa yang dipanggil operasi pemantauan kecurian pasir ini jadi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 30 Mei 2012 kita telah meluluskan cadangan mewujudkan lima jawatan kontrak, *establish permanent* unit iaitu jawatan Pegawai Perancang Bandar dia akan kaji kawasan tersebut dari segi perancangan dan Pegawai Undang-undang kita ada kalanya kita lambat dari segi penguasaan undang-undang Pegawai Penilaian, Juru Ukur Bahan dan Penolong Pegawai Tanah Pejabat Daerah Selangor, bagi tujuan pemantauan dan pengawalan tanah jadi kita boleh monitor keberkesanan sebab ada kalanya pemantauan tidak semestinya untuk daerah tetapi untuk seluruh negeri jadi dengan cara itu kita akan dapat tahu apa yang dapat selesaikan jadi kita memberi kuasa pada pasukan ini untuk menyelesaikan jadi apa hasilnya jadi saudara akan tanya daripada bukan hasil dari segi apa yang kita panggil dari segi pendapatan pasir tetapi ada satu lagi pendapatan yang kita pantau iaitu royalti yang dibayar, royalti yang dibayar untuk sekarang jumlah besar royalti dalam masa dalam masa enam bulan saja kita mengutip enam juta ringgit ini berbanding sebelum 2008 untuk satu tahun tidak lebih dari tiga juta, jadi menunjukkan bukan sahaja hasil apa tu aktiviti kecurian pasir berkurang tapi royalti untuk negeri bertambah dan operasi Kumpulan Semesta juga meningkat, untuk menentukan ketelusan jadi salah satu dari usaha kita adalah untuk menentukan ketelusan kita telah melantik Pengerusi Kumpulan Semesta dari orang *Independent Board Member*.

Beliau ialah seorang yang mewakili *Transparency International*. Beliau ialah seorang engineer yang juga bergerak aktif dalam *Transparency International*, supaya beliau akan dapat menentukan pelaksanaan dan operasi Kumpulan Semesta, dibuat dengan telus, bertanggungjawab dan juga tidak ada penyelewengan berlaku. Jadi, untuk makluman, saya berharap rakan kita daripada Kuala Kubu Baharu akan menggunakan fakta ini untuk supaya tidak angka-angka itu berbeza dan dengan itu tidak ada kekeliruan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN :** Tuan Speaker, soalan tambahan. Sekiranya kalau penguatkuasaan daripada Kumpulan Semesta itu, begitu efisien, saya nak tanya semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sini, siapa tahu, siapa yang ditangkap, apakah hukuman, dan kes-kes yang telah disebut itu adakah terperinci. Dan saya tak pernah nampak di surat khabar, sesiapa dihukum kerana pencurian pasir. Ini satu. Yang kedua, kalau nak bandingkan hasil sebelum 2008, dengan hari ini, kita nampak banyak perbezaan. Tapi masalah sampingan itu, ialah sebelum 2008 tiada jambatan runtuh, tiada jalan runtuh, tiada tebing sungai runtuh. Kalau kita tengok hari ini, kebanyakannya sungai, runtuh, jambatan runtuh, sampai hari ini masih belum dibaiki. Kalau dalam aspek, dalam segi pendapatan dengan kerugian, saya nak tanya Yang Amat Berhormat, sama ada pendapatan itu boleh untuk mengganti kerugian yang telah berlaku di Selangor ini. Sekian.

**YAB DATO' MENTERI BESAR :** Dato' Speaker, logik yang digunakan oleh Kuala Kubu ini, agak rendah daripada segi ini. Jadi logik yang digunakan dengan kecurian pasir, jambatan runtuh, dengan kecurian pasir, tadi saudara bukan bercakap di kedai kopi, boleh jadi di Kuala Kubu, saudara bercakap dengan saya. Saya melihat dari segi perangkaan. Saya tanya JPS tentang apa yang menyebabkan jambatan runtuh, apa yang menyebabkan, adakah disebabkan oleh kecurian pasir. Ataupun disebabkan oleh faktor-faktor yang lain. Jawapannya, tidak, kecurian pasir tidak memberi kesan walaupun kita sudah pantau, lebih baik keadaannya. Jadi kalau menggunakan logik sebagai satu tanda, satu alasan untuk mengatakan, oleh sebab pasir dicuri, jambatan runtuh, oleh sebab pasir dicuri, tanah runtuh, oleh sebab pasir.... Itu sebab kalau tidak, dalam kajian kita sampai panggil IKRAM untuk buat kajian. Dan IKRAM juga tidak mengatakan perkara tersebut. Jadi kalau nak jadi Wakil Rakyat pun, status kita mesti tinggi sikit. Jadi kalau status kita mesti tinggi supaya jangan gunakan logik, *simple logic to explain* perkara yang betul tak betul. Jadi umpamanya, sebagai contoh, tengok RM390 juta dari TALAM, logiknya, ini kerajaan Selangor menyelewengkan satu RM1,000 juta, RM1,000 juta. Logik macam mana. Tak tahu RM1,000 juta. Dari mana datangnya RM1,000 juta. Jadi nak mengajar pun dah terlalu tua untuk di ajar. Jadi macam mana nak dibuat. Jadi, fakta, itu sebab saya tunjukkan. Bila saya jawab, saya tanya, soal pegawai, eh, betul ke ni? Betul ke perkara ini berlaku? Jadi kita mesti gunakan fakta itu betul. Jadi jangan macam ini, oleh sebab kemarau air hujan, hari tak hujan lepas tu air tak cukup. Logik-logik macam ini, hanya berlaku apabila rakyat tidak tahu perkara yang sebenar. Jadi kita menangkap penangkapan, kejayaan negeri Selangor. Kejayaan Negeri Selangor, berapa kali diterbitkan dalam Star, ataupun Utusan Melayu, ataupun Berita Harian. Star menggunakan fakta yang dibagi oleh MCA. Kata menyeleweng RM1,000 juta. *It is The Star*, jadi saya pun, tahap macam itu *is lower than average*. Jadi itu.....

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Speaker, saya ingat salah jawab soalanlah tadi. Saya tanya lain dia jawab lain pula.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tidak, saya nak menerangkan .....

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Yang Amat Berhormat, jawab soalan yang saya tanya. Ini bukan kedai kopi.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Tidak, saya nak menerangkan, saudara dari kedai kopi itulah. Sebab saya nak menerangkan, kedua saya nak terangkan, saudara tanya soalan yang kata, oleh sebab terdapat kecurian pasir, jambatan runtuh, tanah runtuh semua runtuh. Jadi jawapan itu, tidak, saudara tidak boleh, saudara kena tunjukkan di mana kawasan yang hasil daripada kecurian pasir, jambatan runtuh.

**YB TUAN WONG KOON MUN** : Ini ada menunjukkan Yang Berhormat tidak turun padang. Orang kedai kopi pun faham. Runtuh tebing sungai adalah kerana asas sungai sudah rendah. Saya dari bidang kejuruteraan awam, jangan cakap saya cakap kedai kopi.

**YAB DATO' MENTERI BESAR** : Saudara, ini kenyataan saudara. Memalukan, memalukan, pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, saudara memalukan Pegawai Daerah. Ini bukan saya, dia yang turun padang, Pegawai Daerah, saudara tidak lebih daripada Pegawai Daerah. Pegawai Daerah dan Jurutera Daerah. (Tepuk). Saudara memalukan. Ini kita ada kawasan, Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat. Dia yang memantau, bukan saya yang menulis. Adakah saudara tidak percaya kepada mereka. Jadi jangan buat kenyataan begitu. Kenyataan itu menunjukkan saudara mengatakan penjawat-penjawat awam tidak menjalankan kerja dan membohongkan rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Tenang. Tambahan, soalan tambahan, sila Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih yang Berhormat Tuan Speaker. Apa yang disebutkan oleh Dato' Menteri Besar tadi merupakan satu fakta yang saya amat setuju sepenuhnya. Soalan ini datang daripada kedai kopi

**TUAN SPEAKER:** Tenang.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Lorong belakang. Kedai kopi di lorong belakang, kerana kalau kita lihat soalan yang dikemukakan, dia sebut soalannya di sini ialah tentang penguatkuasaan oleh Kumpulan Semesta. Kumpulan Semesta ditubuhkan bukan untuk tujuan penguatkuasaan. Penguatkuasaan adalah di bawah Pejabat Tanah dan Daerah. Tadi pun dalam soalan tambahan yang dikemukakan, Yang Amat Berhormat Ijok, disebut juga perkataan penguatkuasaan oleh Kumpulan Semesta. Jadi soalan saya ialah saya minta 2, 3 minit, Yang Berhormat Ijok terangkan

tujuan Kumpulan Semesta ini, bukan tujuan untuk penguatkuasaan. Penguatkuasaan masih di bawah Pejabat Tanah dan Daerah. Dari segi pengurusan saja, Yang Amat Berhormat Ijok terangkan kepada Kuala Kubu Baharu dan semua ahli Dewan. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Muda. Sri Muda sudah menjawab. Ada dua perkara yang penting, dalam operasi pasir. Satu, saya dapati kecurian pasir yang berlaku berleluasa sejak beberapa lama dan pada 2008 kita telah membuat keputusan untuk menyelesaikan perkara ini. Antara sebabnya pendapatan berkurang dan juga kecurian berleluasa. Jadi kita butuhkan sebuah syarikat untuk kita melantik kumpulan profesional yang boleh mengendalikan operasi pasir. Jadi kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu nak tahu siapa dia CEO Kumpulan Semesta, kita pilih mereka, sekurang-kurangnya beliau mempunyai ijazah sebagai *civil engineer*. Jadi maknanya sebagai jurutera, dia tahu penggunaan alam sekitar dan semua. Itu sebab kita pilih. Sebab, operasi ini menentukan usaha jangka panjang. Selain daripada kita mesti mendapat hasil daripada usaha tersebut. Dan kita tidak menidakkannya tanggungjawab Pejabat Tanah, dalam usaha memantau bukan saja kecurian pasir, banyak perkara-perkara yang mereka pantau. Jadi tanggungjawab mereka kita pertingkatkan supaya kedua-duanya dengan cara kedua-dua ini kita telah tunjukkan, bahawa dengan cara ini pergerakan ataupun operasi pembangunan pasir di Selangor lebih baik daripada 2007. Saudara tidak boleh mengatakan dia tidak lebih baik. Angka-angka kita menunjukkan sebelum 2008, dia dalam keadaan yang tak tentu arah. Tapi sekarang selepas 2008, kita telah tunjukkan operasi bagaimana dia punya hasilnya. Pemantauan, bagaimana dia punya hasilnya. Semuanya itu telah kita lakukan. Apa yang kita lakukan Pakatan Rakyat, apabila diberi kesempatan menambah baik dari segi pengurusan negeri Selangor dan menambah baik itu kita juga terjemahkan hasilnya. Kita terjemahkan. Dapat untung Kumpulan Semesta kita ada pula program Jom *Shopping* untuk warga emas. Kita terjemahkan. Jadi, sebelum 2008, tidak terfikir begitu sebab tak ada apa yang dibuat, asyik kelam kabut. Yang tidak untungnya tak ada, operasinya pun tidak dipantau dengan baik. Jadi itu, jadi saudara bandingkan. Walaupun ada tujuan saudara untuk memburukkan tapi jawapannya jelas. Dia sangat lebih baik daripada 2008.

**TUAN SPEAKER:** Kajang

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, Soalan No.17

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LEE KIM SIN  
(KAJANG)**

**TAJUK: KEMPEN KURANG PENGGUNAAN BEG PLASTIK**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah beg plastik yang dapat dikurangkan sehingga Mac 2012?
- b) Berapakah jumlah kutipan bayaran beg plastik sehingga Mac 2012?
- c) Senaraikan penerima dan jumlah wang yang diagihkan dari tabung kutipan dari bayaran beg plastik tersebut.

**YB PUAN ELIZABERTH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, kempen tanpa beg plastik telah diperkenalkan di negeri Selangor pada tahun 2010. Objektif secara tidak langsung adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai menjaga alam sekitar. Kami juga berharap dengan langkah permulaan tersebut rakyat negeri Selangor juga akan mengurangkan penggunaan bahan-bahan yang tidak mesra alam sekitar seperti kotak makan, botol air plastik, beg plastik dan sebagainya. Selepas tiga (3) bulan kempen ini dijalankan sebanyak 54 pengusaha pasar raya telah menandatangani *deklarasi* dengan kerajaan negeri Selangor dan sekurang-kurangnya 2 juta beg plastik juga telah dapat dijimatkan dalam tempoh tersebut. Mengikut anggaran dan laporan yang diterima oleh pengusaha-pengusaha lebih daripada 5 juta beg plastik telah berjaya dikurangkan daripada pada tahun pertama kempen ini dijalankan. Pada hari ini kami telah berjaya mendapat penglibatan hampir seratus peruncit ini termasuk syarikat-syarikat besar yang mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negeri, pusat membeli belah, kedai-kedai secara individu dan juga restoran-restoran.

Untuk makluman semua, caj 20 sen telah dikenakan bagi setiap beg plastik yang disalurkan kepada badan-badan kebajikan dan juga NGO-NGO alam sekitar yang ditentukan oleh pengusaha pasar raya. Sebagai contohnya, EON Jusco telah mengutip sebanyak RM25 000.00 dalam masa dua (2) bulan dalam kempen ini dan telah menyalurkan dalam program mananam pokok di negeri Selangor. Di mana di IKEA telah menyumbangkan pemungutan mereka kepada *Malaysian Associates Society* (MAS). Pada tahun 2011 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menjalankan kempen serupa pada peringkat negeri. Seperti kempen hari tanpa beg plastik di negeri Selangor dan kempen kerajaan pusat juga melibatkan pembayaran 20 sen untuk beg plastik pada hari Sabtu. Kita mengalu-alukan langkah positif daripada kerajaan pusat dan kita boleh dikatakan antara negeri-negeri yang menjadi mencetus kempen tersebut. Pada masa yang sama bukan sahaja kempen ini masih dijalankan, tetapi sejak tahun lepas kita juga telah memulakan beberapa kempen lagi untuk mengurangkan beg plastik. Sebagai contohnya, semasa bazar Ramadhan tahun lepas kita telah juga menjalankan kempen untuk memberi kesedaran awam kepada pengguna-pengguna atau pengunjung-pengunjung bazar Ramadhan untuk

mengurangkan kegunaan beg plastik dan juga bekas makanan. Kempen ini akan dijalankan juga tahun ini.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan No.18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK : PROJEK YANG TIDAK DISOKONG OLEH SYABAS**

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah projek pembangunan yang masih tidak dapat memperolehi sokongan teknikal oleh pihak SYABAS di Selangor mengikut PBT dan nyatakan sebabnya?
- b) Apakah anggaran kerugian pelaburan untuk (a) di atas?
- c) Bagaimanakah kerajaan negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, soalan nombor 18 tentang loji pembersihan. 18, ialah berapa jumlah projek. Saya telah membaca projek tersebut. Projek yang tidak disokong oleh SYABAS, dia tanya berapakah unit projek pembangunan yang masih tidak diperolehi sokongan teknikal oleh pihak SYABAS di Selangor mengikut PBT dan nyatakan sebabnya. Anggaran kerugian pelaburan dan bagaimana kerajaan negeri bercadang untuk mengatasi masalah ini. Ini sebagai contoh bagaimana kerajaan pada 2004 telah menswastakan-menswastakan operasi air untuk tujuan supaya terdapat kecekapan dan juga pengurusan yang efektif dalam usaha menentukan setiap rakyat dan operasi dalam negeri Selangor mendapat air cukup. Jadi jawapannya pada 2012, bulan Mei 2012 SYABAS telah menunjukkan bahawa dia tidak dapat memberikan kelulusan untuk Petaling 37 permohonan, Klang 30, Gombak 5, Hulu Langat 39, Sepang 12, Kuala Langat 18, Kuala Selangor 4, Hulu Selangor – tiada, Sabak Bernam pun tidak ada kelulusan, boleh jadi tiada projek di sana dan Kuala Lumpur 16, Putrajaya 1. Jadi terdapat 162. Dan kita telah melihat bahawa projek-projek ini boleh diluluskan oleh SYABAS jika SYABAS benar-benar mahu melaksanakan program-program yang telah dijanjikan pada tahun 2004 dalam perjanjian tersebut.

Kalau SYABAS tidak boleh melaksanakannya, kerajaan negeri telah mencadangkan kepada kerajaan persekutuan dan ini memang sudah beritahu mereka bahawa kajian yang dibuat dengan pada selepas 2004 dan 2005 menunjukkan syarikat-syarikat yang

menjalankan penswastaan operasi air di Semenanjung tanah Melayu sepatutnya diubah kerana mereka ini adalah syarikat-syarikat yang dipilih tidak mempunyai kemampuan-kemampuan kewangan dan juga keupayaan pengurusan. Oleh sebab itu kerajaan persekutuan pada tahun 2006 telah meluluskan satu undang-undang yang dipanggil WSIA warta untuk menyelesaikan masalah ini. Bererti, Kerajaan-kerajaan negeri diminta untuk mengambil semula operasi pengurusan air. Ini berlaku dan ini sudah mula dilakukan di Johor, di Negeri Sembilan dan juga di Melaka dan negeri-negeri yang telah dinyatakan oleh ahli EXCO kita Yang Berhormat Dr. Xavier. Jadi jawapannya ialah SYABAS pemilik sahamnya tidak berupaya oleh sebab itu kerajaan negeri kata kalau tidak berupaya kita buat dalam bentuk yang dipersetujui oleh Parlimen dan kita ambil alih operasi tersebut. Dan operasi tersebut kita telah menghantar surat kepada kerajaan persekutuan untuk kata kita boleh ambil alih seperti yang dicadangkan di bawah WSIA ataupun dalam Akta Parlimen tersebut. Dan kita juga telah berjumpa dengan SYABAS untuk mengatakan kepada mereka tidak dapat lakukan perkara ini lesen mereka boleh ditarik balik. Jadi kita juga tidak bercadang cara begitu tapi kalau mereka tidak boleh melakukannya lesen boleh kita tarik balik. Walau bagaimanapun untuk bersikap profesional, bersikap profesional kita telah meminta tiga (3) syarikat yang telah dinyatakan oleh YB Dr. Xavier tadi, tiga (3) syarikat persendirian untuk mengkaji apakah masalah sebenar SYABAS ini sehingga ia tidak dapat menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang diperjanjian dalam perjanjian 2004.

Jadi dengan cara itu kita bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah ini. Jika kita mengambil alih daripada SYABAS kita sudah siap sedia tentang perkara yang mesti kita utamakan dalam-dalam pengambilan syarikat-syarikat ini. Jawapannya tentu Ahli Dewan bertanya adakah kenapa kerajaan negeri sangat-sangat mementingkan pengambilan air ini. Di dalam dewan yang mulia ini saya ingin mengatakan kalau kita tidak setuju dengan pengambilan alih syarikat-syarikat ini kita akan bebankan rakyat Selangor termasuk juga rakyat di Wilayah Persekutuan dengan peningkatan harga air lebih daripada 75%. Jadi kalau hari ini saudara bayar RM1.00 kita tidak ambil, dia kena bayar RM1.75. Jawapannya kalau negeri ambil dan urus, dan ia tidak akan terdapat kenaikan air sebab, sebab apa? Sebab bukan kerana kita efisien sahaja. Kita kepentingan keuntungan tidak merupakan kepentingan utama negeri. Itu sebab WSIA pada tahun 2006 menyatakan kepentingan hak asas tidak boleh diswastakan untuk mendapat keuntungan yang lumayan. Pemilik saham SYABAS tidak terima tawaran negeri Selangor. Sembilan, untuk keseluruhannya 9500 Juta 9.5Bilion. Ia konsesi-konsesi yang lain menerima tetapi SYABAS dan Puncak tiada menerima sebab. Sebab dia cakap keuntungan tidak cukup, keuntungan tidak cukup, dia nak dapat lagi 1.2 Bilion. Dia dah untung tapi dia hendak untung bertambah 1.2 bilion. Kalau saya bagi bayar 1.2 Bilion, semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang akan membayarnya dalam bentuk tarif air meningkat. Jadi, untuk kepentingan rakyat Selangor kita tidak boleh terimanya. Dan, untuk kepentingan rakyat Malaysia saya bersedia untuk ditimbang tara

tentang jumlah yang ditawarkan oleh negeri dengan jumlah yang diminta oleh pihak SYABAS dan Puncak Niaga supaya seluruh dunia boleh mengadili bahawa keuntungan yang kita bagi ini munasabah. Ataupun keuntungan yang dia minta oleh SYABAS dan Puncak Niaga munasabah. Maknanya dia hendak dapat keuntungan 75%. Saya tidak tahu dalam *business* mana kalau boleh jadi yang silap kira di MCA boleh jadilah tapi dalam *business* mana yang boleh mendapat keuntungan sebegini.

Jadi, saya telah meminta dan sudah difahamkan SYABAS telah memberi kebenaran pula. Itu sebab lepas kita cakap ini kerana ia tahu kita tiga (3) projek yang dalam program untuk meningkatkan keluaran air. Tapi, saya hendak tunjukkan lagi sekali, saya tidak hendak, saya tidak mahu syarikat yang bekerja untuk rakyat menyalahgunakan fakta dan menakutkan rakyat. Jadi saya tidak hendak. Jadi hendak ingatkan lagi, maknanya semalam, saya berharap saudara Kuala Kubu, Yang Berhormat Kuala Kubu masih ada lagi, sebab saya takut apabila *lunch hour* tidak ada pula, jadi lepas saudara mengatakan bahawa, sebabnya *reserve* negeri Selangor ini meningkat. Itu sebab saya cakap dia hendak beritahu Kuala Kubu *reserve* negeri Selangor ini meningkat sebabnya Selangor tidak bayar hutang kepada kerajaan persekutuan. *Look I teaching you the statistic*, saya tengok daripada 2005 hutang negeri Selangor kepada kerajaan persekutuan ialah satu perpuluhan kosong tujuh bilion. Jadi *that answer, that means* dan 2006, 1039 bilion. 2007, 1004 dan kita bawa dia hanya mula menurun daripada 2010, 2011 sampai bulan Jun iaitu sekarang ialah lapan ratus lima puluh tujuh bilion. Jadi saudara seorang *Engineer*, saudara buat graf, graf menunjukkan penurunan hutang kerajaan negeri, kenaikan rizab negeri is *that..... between* kenaikan saya kata rizab naik sebab hutang naik. Jadi kalau saudara buat graf ini you are *Civil Engineer that means your graph is show grow down and this one grow up so that means you cannot use that logic again*. Itu memalukan saya sebab itu *you cannot use the logic so I proved to you* dan kalau kita tolak tujuh ratus juta adalah kerana paip-paip air yang kalau kita susun semula semua itu akan dibayar, kita hanya dapat dua ratus ribu juta hutang sahaja. Dua ratus juta itu termasuk Amanah Saham Selangor yang dulu pun salah kira sekali terpaksa berhutang, pinjam duit daripada Kerajaan Persekutuan untuk selesai. Rumah kos rendah yang mana kita kena pulang balik kepada Kerajaan sebab pembinaan sangat tidak bagus. Jadi jawapannya *logic* saudara dengan menyatakan pada orang Kuala Kubu, rizab itu naik sebab Selangor tidak bayar hutang kerajaan, tidak betul. *You should cut that ....*

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan No.19

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB**

**(HULU KELANG)**

## **TAJUK : AIR BUMI**

19. Merujuk Forum Air Selangor 2012 berkenaan air bumi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar dan program Kerajaan Negeri terhadap sumber air bumi?
- b) Apakah langkah-langkah persediaan di segi perundangan, pelaksanaan dan penguatkuasaan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri sekiranya potensi sumber air bumi ini dibangunkan?
- c) Apakah Kerajaan Negeri sudah mempunyai rancangan untuk mewujudkan "*pilot project*" bagi membangunkan loji sumber air bumi di Selangor?

**YB TUAN DR XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker terima kasih kepada Hulu Kelang atas soalan berkenaan apakah dasar dan program kerajaan negeri terhadap sumber air bumi?

Kerajaan negeri telah mengambil pendirian bahawa penggunaan sumber air bumi hendaklah diuruskan dengan cara yang terbaik dan tidak digunakan dengan keterlaluan melainkan sebagai langkah kontingensi bagi mengatasi waktu kekurangan bekalan air.

Kerajaan negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor telah melaksanakan Skim Caj dan Pelesenan Abstraksi Sumber Air bagi air bumi melalui Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 di mana, mulai 1 Julai 2005, semua pengabstrak sumber air bumi diwajibkan mendapatkan Lesen Abstraksi Sumber Air Bumi dengan caj sebanyak satu sen tiap-tiap meter kiub bagi tujuan utiliti awam dan lima sen tiap-tiap meter kiub bagi tujuan komersial. Langkah pelesenan ini penting bagi memudahkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan sumber air bumi diabstrakkan secara mampan dan tidak memberikan kesan negatif kepada alam sekitar. Dengan skim ini LUAS mempromosikan penggunaan air terus dari sumber air terutamanya pihak industri yang tidak terlalu bergantung pada bekalan air terawat dengan kos yang lebih rendah.

Pembangunan sumber air bumi untuk menyokong industri perkhidmatan dan pembekalan air pula sedang dalam kajian dan pertimbangan serius oleh kerajaan negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor bersama-sama dengan satu jawatankuasa khas yang turut disertai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia iaitu NAHRIM.

Terdapat beberapa peruntukan yang jelas di dalam Enakmen LUAS 1999 yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan sumber air bumi seperti kuasa perundangan untuk:

- i. Melesenkan aktiviti mengabstraksi sumber air bumi,

- ii. Menentukan jumlah/kuantiti sumber air bumi yang boleh/dibenarkan diabstrak pada satu-satu masa.
  - iii. Mengarahkan pemasangan meter supaya kuantiti air bumi yang diabstrak tidak melebihi had yang dibenarkan.
  - iv. Penyediaan dan pewartaan zon perlindungan dan kawasan yang ditetapkan (sekiranya perlu untuk memastikan pengurusan air bumi dilaksanakan secara mampan).
  - v. Menguatkuasakan semua perkara berkaitan pengurusan air bumi dan akhir sekali Mengenakan caj ke atas abstraksi sumber air bumi.
- b) Terdapat beberapa peruntukan yang jelas di dalam Enakmen LUAS 1999 yang berkaitan dengan kuasa penguatkuasaan bagi pengurusan dan pembangunan sumber air bumi seperti pengeluaran notis, kompaun, pendakwaan di mahkamah dan membuat pemotongan bekalan bagi perkara berkaitan penggunaan sumber air bumi.

LUAS telah menyediakan Peraturan-peraturan Abstraksi Sumber Air Negeri Selangor yang sedang disemak di Kamar Undang-undang Negeri Selangor.

Jawatankuasa Pengurusan Air Bumi Negeri Selangor telah ditubuhkan sejak tahun 2005 di mana antara skop dan fungsi jawatankuasa ini adalah memastikan pembangunan sumber air bumi dilaksanakan secara mampan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh LUAS dan dianggotai oleh semua agensi teknikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bumi seperti Jabatan Mineral dan Geosains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah.

LUAS telah mengarahkan semua pengabstrak sumber air bumi sedia ada untuk memasang meter bagi memastikan sumber air bumi yang diabstrak adalah tidak melebihi kuantiti yang telah diluluskan dan ia dilaksanakan secara mampan.

Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar *that is Environmental Impact Assessment Study* berdasarkan peruntukan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 perlu dilaksanakan sekiranya abstraksi sumber air bumi yang dicadangkan adalah melebihi 4,500 kiub meter sehari. Perkara ini adalah di bawah kuasa Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor.

Sebarang pembangunan sumber air bumi perlu mengikut garis panduan teknikal seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains seperti ujian pengepaman, ujian analisis kualiti air bumi dan sebagainya.

Luas, JMG dan semua agensi teknikal yang berkaitan dengan pengurusan sumber air bumi sentiasa membuat pemantauan yang berterusan bagi memastikan air bumi dibangunkan secara mampan.

c) Projek perintis bagi pembangunan sumber air bumi untuk menyokong industri perkhidmatan dan pembekalan air pula sedang dalam kajian dan pertimbangan serius oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor bersama-sama dengan satu jawatankuasa khas yang turut disertai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia iaitu NAHRIM.

Bagi fasa pertama ini, kaedah “*river bank filtration*” sedang dikaji dengan beberapa cadangan lokasi telaga air bumi sedang dipertimbangkan untuk dimuktamadkan antaranya di Jenderam Hilir, Kampung Sungai Serai dan Bukit Badong.

Namun, pandangan teknikal berkenaan lokasi, kebolehlaksanaan projek, kos dan sebagainya sedang dalam penelitian dan perincian lanjut jawatankuasa khas tersebut.

**YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB:** Terima kasih. Yang Berhormat EXCO daripada forum Air baru-baru ini dinyatakan bahawa Abstraksi Air Bumi merupakan satu potensi yang besar bahkan ada *school of taught* dengan izin menyatakan hendaklah Abstraksi Air Bumi diutamakan daripada yang lain. Jadi maknanya Hulu Kelang berpandangan bahawa pada masa depan potensi yang besar ini akan menjadi rebutan dan juga tidak dikawal akan berlaku kecurian. Apakah kes-kes pemantauan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan operasi Abstraksi Air Bumi tanpa lesen dikawal dengan baik dari sekarang lagi?

**YB TUAN DR XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Jawatankuasa yang akan membuat penguatkuasaan dan juga pemantauan ialah Lembaga Urus Air Selangor, kuasanya di bawah Jabatan LUAS. So sekarang pun ada pemantauan juga, syarikat-syarikat yang berkenaan yang syarikat-syarikat besar, operasi yang gunakan air di bawah tanah kena lakukan dengan persetujuan ataupun pelesenan yang saya telah sebut tadi. So menguatkuasakan ini akan meningkatkan, kita akan meningkatkan penguatkuasaan ini untuk apa yang dikatakan oleh Hulu Kelang ialah untuk jangan beri peluang untuk orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil air dari Bumi tanpa berlesen. Ini kita akan jaga dan adakan penguatkuasaan yang tetap untuk kemudian.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**YB TUAN KHASSIM B. ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**YB TUAN ABDUL KHASIM BIN ABDUL AZIZ**  
**(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: PENGANGGURAN PARA BELIA**

20. Pengangguran dan kekurangan pengetahuan dalam menghadapi cabaran global pada hari ini oleh para belia

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut?
- b) Apakah bentuk kursus serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri bagi menghadapi masalah ini?

**YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya, Tuan Speaker, Lembah Jaya bertanya tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah pengangguran dan kekurangan pengetahuan dalam menghadapi cabaran global pada hari ini oleh para belia. Pertamanya saya berkongsi dengan Lembah Jaya dan Ahli-ahli Yang Berhormat di mana kerajaan negeri telah mengenal pasti punca pokok atau *root cause fenomena* ini dengan izin di mana yang di antara dikenal pasti ialah produk sistem pendidikan yang sekarang diguna pakai oleh kerajaan Malaysia kurang berjaya untuk menyediakan dengan izin *pool*, modal insan yang mendorong bakal majikan untuk mengambil mereka sebagai pekerja. Maknanya *demand* dengan *supply* itu lain, keperluan kerjaya itu tidak sama dengan yang dihasilkan oleh IPT dan atau pun bagi mereka yang lepasan SPM. Dan peluang pekerjaan yang bersifat label insentif dan tidak digemari oleh belia zaman sekarang. Analisa input daripada penemu duga Jabatan dan Agensi kerajaan mahupun swasta menunjukkan ada beberapa faktor yang konsisten daripada kualiti graduan atau lepasan SPM iaitu tidak menguasai Bahasa Inggeris, tidak mempunyai skil, hanya mempunyai ilmu teori bukan praktikal dan tidak menunjukkan keyakinan diri untuk menjadikan seorang pekerja yang mampu menyelesaikan masalah majikan. Ada masalah dari ASK, *attitude* itu sendiri atau sikap si pemohon kerja itu sendiri tidak memberikan keyakinan pada majikan untuk mengambil beliau dan skil dan pengetahuan.

Justeru kerajaan negeri melihatkan ada satu keperluan di mana telah pun dimulakan mulai 2009 satu program yang bernama jom kerja di mana sehingga 2011 seramai 2642 pemohon telah berjaya ditemu duga dan ditawarkan oleh pekerjaan oleh syarikat-syarikat terlibat yang diusahakan oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri juga telah menganjurkan beberapa program kerjaya khusus untuk belia bagi memberikan

pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat dan bantuan kewangan. Melalui geran Selangor ku kerajaan negeri telah menyediakan memperuntukkan bantuan perniagaan bagi membantu belia-belia yang berpotensi dalam bidang berkenaan terutamanya bekas pelajar INSPEN. Selain itu pihak kerajaan dengan kerjasama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad telah melaksanakan program rangsangan kerjaya siswazah Selangor bertujuan untuk membantu para siswazah Selangor yang masih belum dapat pekerjaan dalam mempertingkatkan pengetahuan bagi menyediakan kursus-kursus kemahiran umum dan khusus.

Soalan kedua. Apakah bentuk kursus serta kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan negeri? Jadi seperti yang saya sebutkan tadi melalui kerjasama dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad sebagai tanggungjawab sosial korporat atau CSR mereka ada beberapa penyediaan latihan sama ada dalam bentuk kemahiran umum, *soft skill* dengan izin atau kemahiran-kemahiran khusus seperti kemahiran teknikal dan sebagainya dan program ini telah dilaksanakan dalam dua fasa utama.

Fasa pertama penyediaan kursus dan latihan yang strategik untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, nilai diri dan keyakinan dengan siswazah-siswazah dalam negeri Selangor bagi membolehkan mereka lebih bersedia untuk mendapatkan pekerjaan atau memulakan perusahaan perniagaan sendiri bukan sahaja jobs *employability* dengan izin bahkan *job creativity*. Fasa dua adalah penyediaan latihan di tempat kerja on the *job training* dan usaha untuk membuat rekomendasi kepada majikan-majikan yang relevan bagi siswazah yang telah menamatkan kursus program rangsangan kerjaya siswazah Selangor secara percuma kepada mahasiswa Selangor khususnya lepasan diploma dan ijazah sejak September 2011 adalah seperti berikut. Kursus Pembangunan Kemahiran Siswazah. Ini adalah kemahiran sebagai eksekutif dan pentadbir pengurusan diri yang berkesan di tempat kerja. Ini bersifat *short term* dan latihan dikendalikan oleh Malaysia Institute of Management (MIM), Pembangunan Usahawan Muda dikendalikan oleh Corporate Education Development Center, kemahiran sebagai usahawan yang berdedikasi, bersemangat waja, berfikiran jauh dan mempunyai daya saing yang tinggi. Ini selama empat minggu. Perbankan dan kewangan Islam. Ini oleh Pusat Pengajian Aktivian dan MIM. Memberi pengetahuan asas tentang perbankan dan kewangan Islam selama sebelas minggu. Pentadbir IT atau IT administrator, sijil keselamatan dan selenggara (LAN) dan sijil membaiki komputer ini disediakan oleh Significant Technology Sdn Bhd (Sigtech). Memberikan pengetahuan dalam kemahiran pengurusan perkakasan, server, suis, penghala dan lain-lain reka bentuk *website* dan sebagainya. Kemahiran dalam pengurusan server, reka bentuk rangkaian dan keselamatan dan penyelesaian masalah. Kemahiran membaiki dan penyelesaian masalah perkakasan dan perisian selama lima minggu. Kursus *fiber* untuk juruteknik. Ini disediakan oleh Significant Technology Sdn Bhd yang

menyediakan kemahiran dalam pengendalian kabel *fiber-optik* dan rangkaian. Ini selama dua minggu.

Kreativiti dan inovasi ini juga dikendalikan oleh Significant Technology Sdn Bhd selama seminggu. Memberikan pengetahuan asas mengenai kreativiti dan inovasi. Pengurusan dan operasi halal juga Significant Technology. Memberikan pengetahuan tentang pengurusan pensijilan halal di Malaysia. *Adobe Photoshop* dan *Microsoft Office*, *Industry Maritime* dan perkapalan, pembuatan pakaian lelaki dan wanita, percetakan segera (*flash stamp printing*), pendidikan awal kanak-kanak, penjagaan rambut (*hair dressing*) oleh MSI Academy Sdn Bhd, Perunding Pelancongan (Tourist Guide) MSI Academy Sdn Bhd, Keusahawanan Perkhidmatan Perakaunan (A. Razak & Co.), Penternakan (Akademi MJ Fathonah Sdn Bhd), Pengetahuan dan Kemahiran Keusahawanan dalam bidang penternakan lembu, kambing, itik dan burung puyuh.

Selain itu kerajaan negeri telah menganjurkan program seminar dan kursus keusahawanan khususnya untuk memberi pendedahan awal mengenai bidang keusahawanan kepada golongan belia seperti berikut. Kursus asas keusahawanan, kursus pemasaran, kursus pengurusan kewangan, kursus perancangan perniagaan. Melalui program seminar tersebut para peserta didedahkan dengan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi serta maklumat-maklumat tentang bantuan kewangan untuk tujuan perniagaan dari agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti Skim Mikro Kredit Selangor (SKIMSEL), Skim Mikro Kredit Miskin Bandar (MIMBAR), bank-bank komersial seperti Agro Bank, BSN serta agensi kerajaan pusat seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad di samping itu kerajaan negeri turut menyediakan bantuan berbentuk mesin-mesin pemprosesan kepada usahawan-usahawan termasuk golongan belia yang telah pun memulakan perniagaan mereka tetapi kurang modal untuk membeli mesin-mesin pemprosesan tersebut. Manakala di bawah Jabatan Tenaga Kerja Selangor melalui pusat Jobs Malaysia di antaranya adalah mewujudkan Jobs Malaysia Center di setiap negeri dan mewujudkan Jobs Malaysia point di setiap pejabat Tenaga Kerja di daerah-daerah di negeri Selangor.

Juga saya ingin berkongsi dengan Ahli Yang Berhormat Lembah Jaya dan Ahli Yang Berhormat yang lain di mana yang dirancangkan untuk 2012 ini ialah kita akan mewujudkan satu *task force* di mana kita akan mengenal pasti mantan atau bekas-bekas *Senior Human Resource Manager* daripada organisasi-organisasi besar yang berpengalaman dan mereka ini akan membantu kita mengenal pasti si pemohon kerja dengan menilai personaliti, minat, kekuatan, kecenderungan dan juga mengenal pasti kekurangan, kelemahan yang memerlukan latihan dan kemahiran bagi melonjakkan *employability* mereka. Dan si pemohon kerja juga akan diberikan melihatkan kemahiran mereka dan kecenderungan mereka akan diberikan kelas intensif Bahasa Inggeris atau bagi mereka yang mahu bekerja di syarikat yang memerlukan bahasa Mandarin ataupun berbahasa Arab. Dan juga kita akan mewujudkan satu sinergi kolaborasi

bersama di mana kita akan mengkaji keperluan modal insan di GLC-GLC Anak Syarikat kerajaan Selangor dan syarikat-syarikat swasta yang lain serta jabatan dan agensi kerajaan Selangor dan *match* dengan izin. Keperluan itu dengan modal insan yang telah kita latih atau *groom* dengan izin untuk mereka menepati keperluan-keperluan dalam bidang-bidang dan juga keperluan tersebut. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Waktu pertanyaan sudah tamat. Aturan urusan mesyuarat seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

#### **i. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian, memandangkan perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 akan berakhir pada petang ini dan terdapat lagi ramai yang telah memaklumkan kepada saya mereka ingin mengambil bahagian maka saya mengehadkan masa kepada setengah jam untuk Adun yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Silakan Sekinchan. Sambungan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin memberi satu contoh yang semalam saya huraikan bagaimana UMNO Barisan Nasional secara terbuka tanpa segan silu membela kenyataan rakyat yang mereka perjuangkan adalah kepentingan syarikat-syarikat kroni. Contoh dalam isu yang sebentar tadi dikupas, diperjelaskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar isu tentang air di negeri Selangor. Dalam soal kepentingan air ini melibatkan kepentingan rakyat keseluruhannya, seluruhnya tentang air ini. Dan juga terlibat dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya, tapi dalam konteks ini dalam persoalan air ini rundingan, cadangan hasrat kerajaan negeri Selangor yang bersedia untuk menyusun semula bekalan air ini supaya hak rakyat negeri Selangor terbela dan tidak dibebankan dengan tarif kenaikan air yang tinggi.

Saya memuji dalam konteks ini kerajaan negeri begitu prihatin terhadap masalah rakyat memikirkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat tetapi apa yang saya rasa kesal kerana dalam konteks ini sudah empat tahun, hampir empat tahun rundingan demi rundingan, cadangan demi cadangan dilakukan penyusunan air ini menemui jalan buntu kerana ada pihak khususnya kerajaan pusat yang membela sebuah syarikat kroni mereka dan mereka sekarang ini melalui saluran-saluran tv, media arus perdana yang dikuasai oleh mereka untuk memberitahu rakyat bahawa Selangor bakal menghadapi krisis air dan kalau kerajaan negeri Selangor tidak memberi kerjasama dan sebagainya maknanya akhirnya rakyat akan menghadapi masalah.

Ini yang mereka sajikan di surat khabar Utusan Melayu, TV3 yang selalunya kita nampak setiap hari dan mereka menyalahkan kerajaan kononnya gagal menyediakan bekalan air yang mencukupi. Tuan Speaker dan mereka juga menyatakan kita tidak mahu meneruskan cadangan loji air Langat Dua. Maka dengan itu mereka menyatakan bahawa Menteri Pertanian Dato' Seri Noh Omar pemimpin UMNO yang mereka bermati-matian mengatakan mesti membina Langat Dua kalau tidak Selangor tidak dapat menyelesaikan masalah air seolah-olah rakyat diberitahu menyelesaikan air di Selangor ini mesti Langat Dua cara lain tak ada. Persoalannya di sini ialah kenapa pertahan sangat dengan Langat Dua ini?. Sedangkan dalam satu forum yang dianjurkan forum air oleh kerajaan negeri Selangor tempoh hari dan menjemput pakar-pakar air LUAS dan sebagainya telah diberitahu masalah air di negeri Selangor bukan masalah air mentah. Air di empangan di negeri Selangor penuh tapi sekarang kita dikatakan tidak mahu membina Langat Dua yang tujuan asal Langat Dua ini adalah kerana air mentah kita tidak cukup. Nak menyalurkan air daripada negeri Pahang menerusi Banjaran Titiwangsa sampailah ke negeri Selangor tetapi persoalannya sekarang kita punya air mentah yang kita ada masalah sedikit tentang air terawat. Jadi dalam konteks air terawat ini kenapa Speaker tidak selesaikan masalah air terawat ini. Ini yang cuba mereka sajikan kepada rakyat untuk memutar belitkan fakta supaya rakyat marah kepada kerajaan negeri Selangor. Sehubungan dengan itu saya...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat. Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Terima kasih sahabatku Sekinchan. Sebenarnya kami pun bimbang dengan masalah air di negeri Selangor. Kita pun rasa sama-sama bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah air ini sebab itu kita lihat apa yang berlaku hari ini seolah-olah kerajaan negeri terlalu berkeras dengan kerajaan persekutuan. Kita kena ingat bahawa dalam perjanjian dahulu kerajaan negeri juga ada kepentingan saham melalui KDEB. Ada 30% kalau tak salah saya dan setiap kenaikan harga air adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan negeri. Apa salahnya *you* benarkan buat loji kemudian *you* nak gunakan, nak bekalkan air kepada rakyat gunakanlah.

**TUAN SPEAKER:** Jangan gunakan *you, you*. Tujuhan. Nanti, nanti dengar dulu. 35 (ii) mengatakan ucapan tujuhan kepada Speaker jangan cakap *you, you*. Saya minta semua Ahli Yang Berhormat dalam dewan ini lihat pada peraturan segala percakapan segala perbahasan adalah ditujukan kepada Tuan Speaker.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Kita mahu lihat....

**TUAN SPEAKER:** EXCO pun sama jangan hei, hei sahaja.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Kita mahu lihat kenapa kerajaan negeri berdegil sangat dalam soal ini. Kita nak bina loji kerana telah difikirkan oleh pengusaha air dan kementerian bahawa dengan cara pengujudan loji ini mampu menyelesaikan masalah rakyat sehingga tahun-tahun yang akan datang bukan kita nak *control* harga air. Harga air terletak pada kerajaan negeri. You ada *share*. Kerajaan negeri ada *share*. Saya cakap terang-terang. Nak naik, nak turun bergantung pada Yang Berhormat Ijok dan Ahli EXCO bukan bergantung pada SYABAS. Yang risau sangat fasal kroni ni kenapa?. Ataupun kerajaan sebelah sana nak rampas pakej ini. Itu sahaja. Mohon penjelasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih sahabatku daripada Batang Kali. Saya cuma satu persoalan di sini soal air ini bukan soal loji Langat dan yang saya tegaskan tadi dalam ucapan perbahasan saya soal Langat ini kenapa Barisan Nasional bermati-matian inginkan Langat Dua sedangkan air mentah kita mencukupi. Kenapa tak ada alternatif lain untuk selesaikan masalah. Mesti Langat Dua. Apa motif di belakang ini, ada udang di sebalik batu? Ini rakyat wajib menyoal mereka mengapa mereka bermati-matian dengan loji Langat Dua ini. Ini persoalannya dan Tuan Speaker saya ingin teruskan dengan perbahasan saya...

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya pun hairanlah dengan Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Kuang tolonglah. Bacalah kepada peraturan bila ahli yang lain bercakap duduk diam. Silakan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya pun, saya nak beritahu sekali lagilah, bukanlah saya nak menjawab bagi pihak Kementerian tidak, seluruh rakyat faham air banyak di negeri Selangor, air mentah yang kurang air bersih untuk dibekalkan kepada rakyat untuk menampung air bersih memproses air bersih hah ni saya nak sekolahkan tuan-tuan kita kena buat loji baru untuk menampung air dan kita proses air bersih ini disalurkan kepada rumah Yang Berhormat Menteri Besar, rumah Ahli-Ahli Yang Berhormat hah faham. Terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, saya rasa saya tidak perlu soal panjanglah soal yang loji ini sebab saya dah beritahu kepada dewan yang mulia ini bahawa persoalan air di Selangor tidak perlu ambil air daripada Pahang. Air di negeri Selangor cukup banyak cuma cara penyelesaian ialah kerajaan negeri bersedia untuk berbincang dengan kerajaan pusat dan SYABAS dengan syarat kerajaan negeri memastikan bahawa hak rakyat negeri Selangor terbela dan tidak dibelenggu dengan tarif air yang tinggi saya menyokong penuh langkah kerajaan negeri ini.

Puan Speaker saya dimaklumkan bahawa Barisan Nasional semakin terdesak dan tertekan. Mereka ini dalam usaha meniru idea-idea dan dasar-dasar yang berkesan dan berjaya dilaksanakan oleh kerajaan negeri seperti program Tuisyen Rakyat. Kita

mengadakan program Tuisyen Rakyat sekali pun ada pihak meniru program Tuisyen Rakyat kita. Maknanya program Tuisyen Rakyat yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri tempoh hari ini, tempoh hari yang lalu telah begitu berkesan dan diberi sokongan oleh rakyat maka ada orang meniru cara kita. Dan kita sedia maklum sebelum ini mereka mempertikaikan kononnya macam-macamlah program kebajikan Pakatan Rakyat di negeri Selangor akan menyebabkan Selangor bankrap, Selangor bankrap ada saya dengar beberapa sidang yang lalu sebelum ini Sungai Panjang, Seri Serdang dan sebagainya mereka menyatakan kita akan bankrap kalau kita laksanakan program kebajikan rakyat, air percuma, Skim Usia Mesra Emas dan sebagainya. Tetapi apabila keadaan sebaliknya berlaku kita tidak bankrap, rizab kita bertambah, pengurusan kewangan kita semakin kukuh, semakin baik telus maka mereka sekarang tukar mereka tiru pula projek kita hah tiru pula cara kita. Inilah yang saya nampak dan sekarang belum cukup dengan itu mereka sekarang pun mula bagi duit, bagi duit dengan cara bagi BRIM RM500 kepada rakyat dan yang kedua sekarang ini mereka pun bercadang untuk bagi yang kali kedua pula, kali yang ketiga pula tak apa saya setuju nak bagi berapa kali pun. Itu penting kerana itu adalah wang rakyat dan yang terbaru saya diberitahu program kerajaan pusat memberi tayar percuma pula. Tayar percuma kepada teksi, kepada pemandu teksi oleh kerana program yang dilakukan Barisan Nasional ini selalunya tidak tersusun, tiada perancangan yang rapi dan tergesa-gesa, tergesa-gesa maka serta tidak ikhlas maka timbulah berbagai masalah sampingan sehingga sekarang ini ada pemandu-pemandu bukan teksi, pemandu bas, pemandu bas pengusaha bas tertanya-tanya teksi dapat tayar mana tayar kami. Ahh pemandu bas pun nak tayar ah Puan Speaker ini yang masalah.

Jadi Puan Timbalan Speaker, oleh kerana kehebatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Tan Sri Dato' Sri Abdul Khalid Ibrahim khususnya dalam soal pengurusan kewangan dan ekonomi maka dalam tempoh empat tahun pengurusan kewangan negeri kembali ke landasan yang betul pada masa yang sama akaun-akaun anak syarikat yang tidak diurus tadbir dengan baik, tertib dan profesional telah disusun dan diauditkan semula. Sebelum ini kita diberitahu bahawa ada akaun-akaun syarikat bertahun-tahun akaun tidak diauditkan, ah ini yang menimbulkan seribu satu pertanyaan tambahan pula hutang-hutang sebelum ini tidak dikutip, tidak dikutip, hutangnya tidak dikutip dan hutangnya hilang dari akaun telah dikembalikan. Saya hairan, saya juga nak tanya persoalan teman-teman, teman-teman seluruhnya walau apa pun dari pihak Barisan Nasional termasuk beras kampit dan sebagainya saya nak tanya bagaimana pengurusan kewangan sebuah kerajaan negeri, sebuah kerajaan negeri akaunnya boleh hilang, boleh hilang. Hutang orang hutang entah siapa kita kepada si polan si polan hutangnya boleh hilang. Puan Timbalan Speaker, hutangnya boleh hilang, hilang tak apa dalam catatan buku, catatan buku hutang itu tak ada, tak ada hutang itu. Sedangkan saya diberitahu orang-orang kampung di Sekinchan, Sabak Bernam, Pak Abu, Pak Amat mereka bermiaga kedai runcit. Ada kawan-kawan teman-

teman seluruhnya berhutang apa pun ada catatan walau pun tak bayar. Ada catatan dalam buku tiga lima, tiga lima itu di kampung. 555 tiga kalilah tetapi sebuah kerajaan yang ada audit dan sebagainya pada zaman mereka Barisan Nasional boleh hilang hutang ini, tidak dapat dikesan dan buku pun hilang. Dan inilah permasalahan yang lalu dan saya rasa cukuplah Batang Kali saya dah bagi dua kali ...

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Sikit jer....

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Hah...nak lagi untuk kali yang ketigalah, satu dua tiga...sekali lagi.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih Speaker, cuma saya juga hairan kerana mengikut laporan audit sejak Barisan Nasional memerintah tidak ada pula timbul dalam Audit Negara bahawa kegagalan anak syarikat kerajaan negeri mengeluarkan audit hutang-hutang mereka kalau ada sila nyatakan tahun bila, syarikat mana yang hilang tidak dapat dikesan, terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Batang Kali. Saya beri tumpuan dan perhatian soal hutang yang hilang yang akan saya nyatakan sebentar lagi untuk jawapannya. Yang pentingnya pengurusan kewangan kena telus bertanggungjawab ya, mana boleh hutang itu tidak dibayar satu masalah dan buku pun hilang tidak dicatat. Hah inilah kita persoalkan rakyat wajib persoalkan kenapa pimpinan Barisan Nasional ketika itu boleh menghilangkan hutang-hutang seperti ini. Kerajaan negeri memberi tambahan peruntukan pada tahun ini 2012 ini RM300 juta iaitu melalui Geran Selangorku untuk dibelanjakan, untuk dibelanjakan menerusi kawalan MBI mengikut berbagai tajuk yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebentar tadi dan termasuk juga penjagaan program untuk wanita dan belia dan juga sejumlah lebih daripada RM50 juta telah diluluskan bagi menaik taraf infrastruktur khususnya jalan-jalan di seluruh negeri Selangor. Tahun ini negeri Selangor cukup bertuah kerana kita punya seorang Menteri Besar yang pandai mengurus kewangan dan kita ada bajet, ada Geran Selangorku RM300 juta. Kalau kita renung kepada negeri-negeri yang lain, negeri-negeri Barisan Nasional yang lain, Negeri Sembilan, negeri Melakanya semangat Hang Tuahnya dan sebagainya kita tidak nampak ada geran seperti ini untuk dibelanjakan, mereka malah tak cukup ah ini yang kita nampak di sini.

Saya hairan kenapa sampai hari ini pihak pembangkang masih tidak faham bagaimana hutang RM392 juta yang dikutip daripada Talam Corporation di mana pada zaman mereka hutang ini sudah hilang atau pun dilepasan entah ke mana lebih mengecewakan kita ialah pihak MCA, MCA ya pihak MCA melalui, melalui anak presidennya juga merupakan seorang akauntan ya dan juga merangkap Timbalan Menteri Pertanian telah membuat tuduhan kepada kerajaan negeri tanpa berdasarkan

fakta yang sebenar kononnya Negeri Selangor terlibat dalam skandal, skandal built-up syarikat Talam sejumlah RM1 bilion. Puan Timbalan Speaker, isu ini telah disensasikan oleh media, media-media yang dikawal .....

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Puan Speaker minta penjelasan.

**PUAN SPEAKER :** Kota Alam Shah ingin mencelah.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Owh ada di belakang, ok, ok..

**PUAN SPEAKER :** Silakan.

**YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM :** Penjelasan Sekinchan, ingin tahu dalam isu Talam adakah Sekinchan setuju dalam isu Talam MCA telah menjadi manguk dan tidak berguna. Setuju?

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih sahabat seperjuangan saya daripada Kota Alam Shah dalam konteks ini saya setuju dan saya akan kupas kenapa saya setuju. Puan Timbalan Speaker isu ini telah disensasikan oleh media, arus perdana dengan harapan, dengan harapan imej, imej kerajaan negeri Selangor Pakatan Rakyat akan terjejas, akan terjejas namun hakikat sebenarnya ialah senjata MCA ini, serangan MCA ini telah menjadi senjata makan tuan. Sesungguhnya saya tidak perlu rujuk kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mencari jawapan dan kisah benar kerana saya cukup yakin dan percaya kekuatan dan keupayaan serta kebertanggungjawaban Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang memang terkenal dengan kekuatan iman dan berintegriti maka sudah cukup untuk menangkis tuduhan liar MCA yang saya kira bukan saja tiada fakta malah sebaliknya hanya memalukan diri mereka sendiri dan juga Barisan Nasional. Ingin saya berikan sedikit nasihat kepada MCAlah khususnya Kuala Kubu Bharu, Kuala Kubu Bharu tolong ya, tolong buat sedikit kajian atau pun *homework* terlebih dahulu sebelum turut serta membuat tuduhan kepada Kerajaan Negeri jangan hanya kerana, jangan hanya kerana ingin, ingin mengampu dan membodek anak presiden supaya dapat kredit dan seterusnya dapat dicalonkan semula pada PRU akan datang maka terus membuat hentaman *semberono* yang tidak bertanggungjawab.

Dalam isu Talam ini Puan Timbalan Speaker, MCA bukan saja hilang kredibiliti dan memalukan diri sendiri malah telah memalukan agama bangsa dan negara kerana menurut kerajaan tanpa fakta yang kukuh ah ini MCA. Pada masa yang sama sepatutnya pihak pembangkang meminta maaf, pihak pembangkang meminta maaf dan MCA meminta maaf kepada kerajaan negeri kerana membuat tuduhan liar, wajib meminta maaf. Pada masa yang sama pembangkang mesti meminta maaf secara terbuka kepada rakyat negeri Selangor kerana kesalahan dan penyelewengan yang dilakukan oleh mereka sewaktu memerintah negeri Selangor khususnya dalam konteks

melesapkan hutang Talam yang tidak dikutip yang sepatutnya dibayar kepada kerajaan negeri. Justeru itu saya menyatakan sokongan padu kepada kerajaan negeri yang akan mengemukakan saman terhadap tuduhan liar MCA yang sememangnya tidak berasas dan tidak bertanggungjawab. Walau pun dalam soal saman menyaman ini saya tidak berapa setuju tetapi, akan tetapi dalam isu *built-up* tuduhan MCA 1 bilion kononnya cukup serius dan mencabar kewibawaan serta maruah kerajaan negeri Selangor maka saya sokong penuh rancangan tersebut saman tetap saman lawan tetap lawan. Puan Timbalan Speaker kita sedia maklum...

**PUAN SPEAKER :** Sekinchan, Sekinchan ada 10 minit lagi ya.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Masa, masa had ya. Ok. Ada masa tak nak celahan tak ada ya. Ok. Puan Timbalan Speaker, kita sedia maklum Kerajaan Negeri cukup prihatin terhadap usaha melahirkan modal insan yang berkualiti maka usaha untuk membangunkan UNISEL sebagai sebuah Universiti tempatan yang disegani dan dapat menarik ramai anak-anak negeri Selangor khususnya melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi justeru itu bajet tambahan kali ini telah memberi peruntukan sebanyak RM10 juta untuk menambah baik infrastruktur UNISEL di samping itu saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai isu pelajar Universiti Selangor dan juga Kolej Universiti Islam (KUIS) telah dibekukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi tujuan dan motif utama Kementerian Pengajian Tinggi melalui Menterinya Dato' Seri Khalid Nordin membekukan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah untuk memberi tekanan kononnya kepada kerajaan negeri dan mereka menjangkakan rakyat akan bangkit marah terhadap kerajaan Pakatan Rakyat yang dituduh gagal memberi pendidikan percuma kepada pelajar. Kedua-dua universiti dan seterusnya memberi keuntungan politik dalam isu ini kepada Barisan Nasional akan tetapi malangnya percaturan mereka terhadap Barisan Nasional percaturannya terhalang kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan pantas menangani kemelut tersebut dengan mengumumkan akan mencairkan aset UNISEL melalui tanah yang dikembalikan oleh Talam seluas 500 ekar. Dengan kaedah yang sedemikian kerajaan negeri akan memperolehi RM30 juta untuk membantu pelajar baru yang ditindas oleh UMNO, Barisan Nasional.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Mohon penjelasan Puan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Puan tak ada masa. Oleh kerana masa kita hadkan minta maaf kalau tidak saya akan berikan laluan. Saya akan berikan laluan seluas-luasnya tetapi tidak ada masa...maaf nanti boleh bahas, Yang Berhormat boleh bahas. Puan Timbalan Speaker walau bagaimanapun, belum sampai pun 24 jam pembekuan pinjaman PTPTN yang diumumkan telah ditarik balik ekoran mereka terperanjat dengan kemampuan *kaget* dengan kemampuan dengan kehebatan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan dalam itu pertarungan antara Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri

Khalid Nordin bersama gandingannya Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian samseng Noh Omar telah menghasilkan keputusan 3-0. 3-0 iaitu Pakatan Rakyat 3 Barisan Nasional 0. Gol pertama dijaringkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Anwar Ibrahim yang berjanji akan memansuhkan PTPTN dan menawarkan pendidikan percuma secara holistik apabila Pakatan Rakyat berjaya tawan Putrajaya. Tawanan tersebut telah berjaya menarik minat dan sokongan terutamanya anak-anak muda Malaysia. Maka dengan itu manakala gol yang kedua telah berjaya dijaringkan oleh pengarah strategik PKR saudara Rafizi Ramli yang berdebat dengan Ketua Pemuda UMNO Malaysia Khairy Jamaluddin yang tak ada jawatan menteri kerana ramai rakyat kita melihat mekanisme cadangan yang diperincikan oleh saudara Rafizi pemansuhan PTPTN yang dikemukakan itu satu realiti dan bukan ilusi.

Puan Timbalan Speaker, sementara itu, gol yang ketiga untuk Pakatan Rakyat berjaya disempurnakan melalui sepaikan penalti angkara kesalahan besar yang dilakukan oleh 3 pemain utama Barisan Nasional iaitu Datuk Seri Khalid Nordin, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyidin dan juga samseng Noh Omar apabila mereka terpaksa menarik balik keputusan pembekuan PTPTN kepada Kerajaan UNISEL dalam masa 24 jam. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri kerana bersetuju membina pusat kebudayaan yang kita minta selama 4 tahun ini. Kita minta Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India dibina untuk mempromosikan, membela, mempertahankan, memelihara budaya setiap kaum masing-masing dan warisannya. Akhirnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah setuju dan ..... ini pusat kebudayaan itu akan dibina dalam masa terdekat. Tahniah dan syabas diucapkan.

Puan Timbalan Speaker, saya juga ingin nyatakan di sini sudah empat tahun Pakatan Rakyat diberi mandat oleh rakyat negeri Selangor pelbagai kemajuan dan pembangunan serta perubahan dari aspek ekonomi, pendidikan dan sosial telah dilaksanakan terutama dalam menjana perubahan pengurusan dan pentadbiran yang kompeten dan amanah serta bertanggungjawab. Memang terlalu banyak perubahan yang telah berlaku dalam empat tahun kita lakukan, namun saya terpanggil menyentuh sedikit tentang perubahan yang dilakukan oleh Dewan negeri Selangor di mana hari-hari Dewan tentu maklum dan merasai sendiri bagaimana suasana, suasana perjalanan Sidang Dewan negeri Selangor di bawah pengendalian Yang Berhormat Dato' Speaker, walau pun kita tiada tv, tiada radio namun kita usahakan membuat liputan secara langsung melalui laman Internet [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com) untuk diikuti di seluruh dunia tidak dikira di mana anda berada.

Kita mendapat peluang untuk yang secukupnya untuk menyertai perbahasan termasuklah di pihak pembangkang dan Kerajaan, ya untuk membahaskan Rang Undang-undang, mahupun Usul yang dibentangkan. Untuk menyatakan pendirian pandangan dan suara hati rakyat di setiap kawasan supaya dapat disampaikan kepada

pihak kerajaan untuk dibuat kajian selanjutnya. Jangan kita lupa bahawa Dewan negeri Selangor merupakan forum yang tertinggi bagi menggubal, menggubal sesuatu Rang Undang-undang tetapi juga merupakan forum yang tertinggi untuk membicarakan berbahas soal pemasaran rakyat di negeri Selangor. Oleh yang demikian masa perbahasan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan ini cukup penting untuk kita menjalankan tugas sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab. Kalau dulu semasa saya sebagai pembangkang tahun 2004 - 2008 masa saya diberikan oleh pihak Barisan Nasional ketika itu 10 minit, 15 minit, 10 minit. Bagaimana kita nak gunakan masa yang singkat itu untuk kita berbahas lain sekarang kita nak buat perubahan syukur alhamdulillah.

Puan Timbalan Speaker, apa yang berlaku sekarang ialah masa yang seluar-luasnya diberikan kepada Pembangkang tetapi mereka saya nampak bukan sahaja menghadapi masalah kekurangan mereka tidak menghadapi masalah masa tetapi langsung tidak menunjukkan komitmennya. Tidak langsung minat terhadap sesi perbahasan. Walaupun jumlah bilangannya sekarang pembangkang adalah 18 daripada UMNO, 2 daripada MCA, 1 daripada Bebas dan 1 daripada Beras kampit Jati yang terpesong akidah.

Puan Speaker, jadi saya nampak bagaimana Pembangkang-pembangkang ini sudah 4 tahun tetapi mereka tidak menggunakan Dewan ini yang sebaik-baik mungkin untuk menyatakan perbahasan masalah rakyat seperti Ketua Pembangkang yang semalam saya jabat tangan di luar tapi tak masuk orang menipu dengan izin tak masuk. Datang Dewan tak masuk ke Dewan, kenapa datang ke Dewan malu agar bangsa dan negara. Tapi tak apa kita akan usulkan Taman Templer, Taman Templer untuk diangkat sebagai Ketua Pembangkang. Saya sokong penuh.

Puan Timbalan Speaker dan Dewan negeri Selangor dalam masa ah..tengok Selamat Datang kepada Ketua Pembangkang ah Seri Serdang yang saya nyatakan beberapa kali ini. Puan Speaker dalam masa

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Speaker, minta laluan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ah belum lagi, nanti baru Puan duduk rehat sekejap baru tak boleh terus *start* enjin takut enjin tak hidup.

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Speaker, saya minta laluan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nanti dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan, Seri Serdang minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tak ada, tak ada, masa tak ada sebab kalau ada 20 minit lagi saya bagi.

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Kenapa tak beri laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker, saya teruskan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang, saya akan minta Seri Serdang bahas selepas ini.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Nanti, nanti ada masa yang secukupnya untuk Seri Serdang berbahas.

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Saya nak minta penjelasan. Minta laluan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Tidak, tidak penjelasan. Puan Speaker, Dewan telah memproses pembaharuan Dewan ini reformasi Dewan Negeri Selangor kita telah menujuhkan beberapa Jawatankuasa pilihan. Kalau dulu kita ada PAC sekarang kita tambah dengan Jawatankuasa SELCAT, Jawatankuasa PADAT, JPT, ABAS dan sebagainya. Ini telah memperkuatkan fungsi Dewan ini untuk mengawal selia memantau perjalanan, pentadbiran dan pengurusan Kerajaan. Kita sedia maklum jawatan yang ditubuhkan ini telah aktif menjalankan tugas seperti SELCAT. Saya nak nyatakan di sini SELCAT telah mengadakan sidang terbuka pendengaran awam dalam tempoh 4 tahun ini beberapa kali telah buat dan telah menarik minat rakyat seluruhnya tiada pegawai-pegawai, EXCO dan sebagainya. SELCAT ini pendengaran awam ini dulu tidak pernah dipraktikkan di Parlimen pun tak pernah di negeri Barisan Nasional ..... tak ada. Ah ini yang saya nyatakan di sini maka dengan itu SELCAT ini sekarang rakyat tak percaya rakyat tengok SELCAT ada wibawa dan mereka panggil kakitangan kerajaan untuk beri penerangan sebagai saksi. Bukan sahaja panggil kakitangan kerajaan mereka panggil EXCO, kalau Menteri Besar ada masalah panggil Menteri Besar, ADUN pun dia panggil. Ah ini yang kita puji dalam konteks ini. Budaya politik baru pentadbiran baru yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat. Dalam perbahasan forum ini saya juga nak ambil peluang yang baik ini untuk memuji seorang Ahli Dewan Negeri daripada Pembangkang iaitu Yang Berhormat Permatang. Saya mesti puji kerana Permatang telah menunjukkan teladan yang baik, sikap yang baik, bertanggungjawab. Beliau menyertai sidang sesi pendengaran awam Jawatankuasa SELCAT. Saya datang saya dengar, saya tengok beliau melontarkan persoalan kepada saksi dan sebagainya cukup aktif. Ini contoh, contoh baik atau diteladani, di belajar oleh Barisan Nasional yang lain-lain itu. Ah saya imbas kembali waktu saya sebagai pembangkang, saya aktif dalam PAC saya datang setiap kali Mesyuarat kerana saya tahu ini tanggungjawab sebagai Ahli Dewan dan jawatan ini dilantik oleh Dewan Negeri Selangor. Pada masa yang sama waktu dulu saya juga masih ingat Dato'

Speaker juga waktu pembangkangnya beliau juga memainkan peranan yang cukup baik memberikan kerjasama walau pun pembangkang. Ini politik baru yang sepatutnya disuburkan oleh Ahli-ahli Dewan. Dalam konteks ini saya juga kesal kepada Ahli-ahli Dewan Pembangkang yang lain yang ada dalam Jawatankuasa khususnya dulu satu ketika kita nak merealisasikan jawatan pengurus PAC ini yang selama ini disandang oleh daripada pihak kerajaan. Kali ini kita buat perubahan ikut *Commonwealth* supaya disandang oleh pembangkang dan kita usulkan di Dewan. Beri laluan seluasnya kepada pembangkang Yang Berhormat Sungai Burong tetapi akhirnya menolak jawatan tersebut. Tidak pernah saya nampak pembangkang takut nak pegang jawatan, sedangkan kerajaan bersedia beri supaya boleh membantu pantau dan kawal selia tetapi mereka gagal melakukan. Ini contoh kegagalan Barisan Nasional mereka tidak bersedia untuk berperanan sebagai Ahli Dewan yang bertanggungjawab. Jadi Puan Timbalan Speaker, saya ingin teruskan perbahasan saya dengan sedikit lagi dengan beberapa isu yang cukup penting.

**PUAN TIMBALAN SPEKAER:** 5 minit lagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jadi 5 minit terima kasih. Dengan 5 minitnya dan masa tambahannya dalam perbahasan kali ini saya juga ingin menyentuh sedikit soal Pertanian. Soal Pertanian di mana di Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Sekinchan ia barulah lepas musim menuai. Musim menuai padi Jelapang Padi Selangor dan ramai petani mereka merungut pada kali ini ada petani-petani Cina di Sekinchan ini. Mereka nak menjual hasil padi mereka yang mereka tanam 6 bulan yang lepas, mereka kali ini menghadapi masalah nak jual dengan harga yang lebih tinggi iaitu dikategorikan sebagai benih padi jenis yang lebih baik benih padi. Harganya RM 1,350 setan potongan 14% potongan basah tetapi mereka akhirnya ada yang terpaksa jual dengan harga padi yang lebih rendah iaitu harga padi biasa setan RM1,250 potongan lebih tinggi potongan basah 17%.

Masalah ini timbul kerana wujud satu masalah yang kritikal sekarang ini iaitu monopoli, monopoli benih padi oleh Syarikat-syarikat yang di bawah Kementerian Pertanian di bawah Menteri Dato' Seri Omar, monopoli ini berlaku dari segi kuota subsidi padi setahun ada 80,000 kuota subsidi padi diagihkan dan saya ingin nyatakan di dalam Dewan Yang Mulia Ini kuota ini dulunya DV diagihkan kepada siapa yang mampu mengurus, memproses benih padi dan diberikan. Silap 3 Syarikat Bumiputera atau pun Syarikat bukan Bumiputera dan saya ada contoh-contoh di sini dulunya sebelum ini setahun dua yang dulu Syarikat-syarikat bukan Bumiputera seperti Syarikat Chantika Sdn. Bhd., Utara Seed Sdn. Bhd., Kilang Beras Maju Sdn. Bhd., Kilang Beras Wheng Phua Sdn. Bhd., syarikat ini bukan 100% Bumiputera tetapi mereka diberi peluang untuk menceburi dalam memproses benih padi ini untuk beli padi dan sebagainya Industri padi ini tetapi selepas Menteri samseng Noh Omar datang dia wajibkan, pastikan Syarikat-syarikat yang hendak memproses benih padi ini mesti berstatus

Bumiputera 100% Bumiputera dan Syarikat-syarikat ini bukan Bumiputera tidak boleh tiada peluang untuk mencebur dalam pemprosesan benih padi. Maka dengan itu ramai petani di Sekinchan terjejas. Mereka nak jual kepada Syarikat ini, Syarikat ini tidak boleh beli kerana tak ada kuota. Sebab setiap tan yang dibeli benih padi daripada kami ....

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Ikut Peraturan Speaker, Peraturan Tetap.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Peraturan Tetap 36(1) seseorang Ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang di bincang sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Terima kasih Puan Speaker, Ada kena mengena dengan bajet tambahan kita RUU kita tak kena mengena langsung Speaker, dah meleret-leret Speaker. Masa dia pun cukup Speaker. Kalau Speaker setuju lah tak setuju tak apa. Saya tak ada masalah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan ini menjelaskan tentang monopoli.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Apa kena dengan monopoli dengan RUU, Rang Undang-undang Tambahan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya akan menjelaskan Speaker.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Masa dah tak ada Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak masa yang terhad ini.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Masa dah tak ada Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak masa yang terhad ini, saya nak habiskan Perbahasan saya, kalau Batang Kali dia nak jual durian atau pun nak..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terus kepada Perbahasan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker, jadi dalam permasalahan ini berlaku disebabkan wujud monopoli dan di syaratkan Syarikat Bumiputera 100% jadi petani nak jual pun susah kepada siapa. Maka saya di sini saya nak tanya kepada MCA Kuala Kubu Baharu tolong jawab ia Sungai Pelek tolong jawab di mana Timbalan Menteri Pertanian anak Presiden mana kenapa dulu Syarikat bukan Bumiputera saya setuju kalau Syarikat Bumiputera diberi peluang yang seluasnya untuk terlibat dalam memproses padi ini tak ada masalah tetapi jangan abaikan jangan pinggirkan 1, 2, 3 Syarikat bukan Bumi yang turut serta dalam ini di mana konsep 1M

ataupun 1Malaysia, 1Malaysia ataupun 1Malaysia. Saya nak minta Sungai Pelek dengan Kuala Kubu Baharu wajib jawab kenapa 100% benih padi ini hanya boleh diusahakan oleh syarikat bumiputera kalau ada bagi 30% kepada syarikat bukan bumi pun tak ada masalah. Dulu ada kenapa Noh Omar datang tak ada ini masalah timbul dalam sistem pengagihan kuota subsidi di mana kuota subsidi ini wang rakyat berjuta ringgit disalurkan tetapi boleh dimonopoli oleh syarikat-syarikat kroni. Perkara inilah yang saya tidak puas hati dan saya petani ramai telah merungut. Saya berharap perkara ini dipanjangkan kepada EXCO, EXCO dapat tulis surat kepada Perdana Menteri atau pun Menteri Pertanian supaya perkara ini diberi perhatian yang cukup serius dan sebagai rumusan. Saya ingin menyatakan di sini kita boleh berbeza pandangan politik, parti dalam memperjuangkan hal rakyat, dalam perbahasan, perbahasan yang subur sebab pihak pembangkang bagi input perbahasan ia fakta bukan menuduh dan fitnah pihak kerajaan pun begitu juga. Ini perbahasan akan menambah ilmu-ilmu dan input-input yang ada.

**PUAN SPEAKER :** Satu minit, satu minit.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Tetapi saya nampak dewasa ini , budaya perbahasan sudah disuburkan di mana Rafizi dengan Khairy telah membuat perdebatan, Naib Presiden Pas, Salehuddin bersama juga, Dato' Salehuddin Abdullah berdebat. Presiden MCA Chua Soi Lek bersama dengan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang, berdebat bukan sekali, dua kali untuk memberi informasi kepada rakyat secara langsung. Biar rakyat yang akan menilai apa dasar yang akan kita perjuangkan. Ini budaya yang sihat. Tetapi sekarang ada masalah, kita kena tunggu, bila, bila Perdana Menteri kita Najib bersama Ketua Pembangkang kita Dato' Seri Anwar Ibrahim akan berdebat. Inilah dia tunggu, dan saya dimaklumkan satu cerita di mana, saya pergi ke satu tempat, ya, saya pergi ke satu tempat, saya nampak ada orang memberi tahu saya kalau kita pergi ke kedai, kedai mamak 24 jam, kita minum dengan teh tarik, dengan rotinya, ya, roti telurnya, roti sardinnya, roti naannya, dan sebagainya tetapi sekarang ramai di Shah Alam, di Sekinchan mereka pergi ke kedai kopi, mereka minta roti Najib. Roti Najib kerana mereka bertanya apa itu roti Najib. Roti Najib itu adalah roti yang tak ada telur, kerana ada menteri kita yang tak berani berbahas.

Dan Puan speaker, saya mintalah budaya kita disuburkan, budaya kita disuburkan dengan politik, berbahas dengan cara yang baik, dan jangan gunakan fitnah. Ada kumpulan saya nampak ye, saya di sini ada satu kertas, risalah yang disebarluaskan oleh kumpulan tertentu yang gunakan, beras, beras-berasnya, dengan nama beras rambutan, jati dan sebagainya. Ada sini, yang tidak ada nama disebarluaskan, tapi saya diberitahu disebarluaskan oleh mereka. Antara tajuknya ialah ‘wahai orang Melayu dan yang beragama Islam, telah bersediakah tuan-tuan dan puan-puan merelakan anak dan cucu anda dikristiankan oleh DAP, dikristiankan oleh DAP. Ha, ini sebaran yang tidak bertanggungjawab . Kalau soal dikristiankan kita boleh tahu, boleh jangka ini kerja

sapa yang terpesong akidah ini. Maka saya mintalah politik kita ini janganlah sampai ke tahap yang tidak bertanggungjawab ini. Akhir sekali saya tutup dengan rakyat didahului, pencapaian diutamakan. Konsep wasatiyah bermakna kesederhanaan. Najib dan Rosmah berbelanja sakan, rakyat yang susah menanggung beban. Sekian sahaja, terima kasih. saya menyokong.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK** : Speaker.

**PUAN SPEAKER** : Saya beri peluang kepada pembangkang. Ketua Pembangkang. Seri Serdang. Atau Seri Serdang nak beri kepada rakan-rakan.

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya beri kepada rakan-rakan.

**PUAN SPEAKER** : Ya, Permatang.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK** : Terima kasih Puan Pengerusi. *Bismillahir rahmannir rahim, Assalamualaikum WBT.* Rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak mengambil masa yang panjang tetapi saya cuba mengehadkan ucapan ini, perbahasan ini, atas beberapa perkara yang saya fikir, saya nak sentuh dan nak fokus kepada mungkin dua isu sahaja dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang dibentangkan oleh YAB Menteri Besar. Yang pertama ialah mengenai bajet tambahan di bawah perkara B14 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang diberikan peruntukan tambahan dan dalam bajet ini secara keseluruhannya kita dapat melihat bahawa sebahagian besarnya ialah mengenai kenaikan gaji kakitangan selaras dengan kenaikan kakitangan melalui perkhidmatan SSM yang didahului oleh kerajaan Persekutuan dan akhirnya diikuti oleh kerajaan-kerajaan negeri termasuk negeri Selangor. Tahniah, dan saya amat menyokong kerana kita ucap terima kasih bagi pihak kerajaan Barisan Nasional, rakan-rakan BN, kita ucap terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang berkhidmat dengan begitu cemerlang, kuat dan sewajarnya mereka diberikan imbuhan penambahan pendapatan melalui kenaikan gaji. Dan tidak seperti Bukit Antarabangsa, yang saya tengok, saya mohon maaf hari ni beliau tiada, nampak hipokrit, dalam Dewan Negeri sokong kenaikan gaji kakitangan ataupun adun, tapi di Parlimen mereka lah yang bantah sehingga ramai ahli-ahli parlimen, pakatan rakyat sendiri pun rasa marah, tak puas hati gaji tak naik. Ni lah hipokrit, contoh yang ada dalam dewan negeri, sokong dan dapat di Parlimen tolak sebab nak tunjuk kepada rakyat akan ketulusan dan sebagainya. Tak apalah itu satu perkara. Yang kedua saya juga dalam perbahasan ini ingin memberikan...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK** : Sekejap, sekejap lagi saya beri laluan. Saya baru nak mula ni.. saya mengenai apa ni agama, saya amat bersetuju

dengan bajet tambahan yang diberikan kepada Jabatan Agama Islam, dengan keselesaan, dan juga dengan bajet ini mereka boleh gunakan untuk jalankan program sebagaimana Bukit Antarabangsa sebut semalam, apabila agama kita diberikan peruntukan yang mencukupi maka mereka berhak dan juga boleh menjalankan aktiviti dan program termasuk pemantauan. Saya sebut ini ada dua perkara yang rasanya hari ini menjadi perbualan di kampung-kampung dan juga dalam masyarakat kita iaitu mengenai saya mohonkan dalam penjelasan nanti pada YAB Menteri Besar sebagai pemegang portfolio agama iaitu mengenai hari ini menjadi perbualan di kampung-kampung, tentang sistem pemilihan ahli jawatankuasa masjid yang hari ini menimbulkan satu keresahan di kalangan rakyat termasuk di kawasan saya sendiri, bagaimana sistem yang selama ini dikenalkan oleh kerajaan negeri yang dulunya konon nak berbeza dengan kerajaan Barisan Nasional, hari ni buat apa ni, kariah, ahli kariah didaftarkan, dan mereka datang dalam mesyuarat, pilih jawatankuasa dan mereka mengharapkan apa yang mereka cadangkan itu akhirnya dilantik . Tetapi al-malang sekali apabila pengumuman dibuat orang yang mendapat, saya boleh contoh Puan Speaker, di kawasan saya di sebuah masjid di kampung Belimbingsor yang mendapat 3 undi untuk dilantik sebagai Nazir, saudara Abdul Rahman bekas ketua PAS kawasan, mendapat 3 undi dipilih menjadi nazir sedangkan Tuan Haji Akhyar yang nazir sebelumnya mendapat 93 undi tapi tidak dipilih. Jadi saya pun hairan, kalau kita nak buat sistem demokrasi, hormat demokrasi tu. Akur, kalaupun bukan orang kita yang terpilih, akur patuh, baru maknanya demokrasi tu pemantapan demokrasi, YAB Menteri Besar bagi bajet memantapkan demokrasi tapi demokrasi di masjid kita tak ikut. Saya bukan mengkritik tapi ini kenyataan. Dan banyak masjid-masjid saya boleh bagi contoh sehingga kita tengok ada ramai orang buat demokrasi tak puas hati dan sebagainya dan bukankah ini satu tindakan yang akhirnya memecahbelahkan masyarakat. Kalau kita dah bersetuju minta kariah cadang, kita pilihlah orang itu sekalipun, dah tentu ahli kariah memilih seseorang berdasarkan kebolehan dan kewibawaan dia.

Maka ikutlah peraturan, dan demokrasi yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Ini satu perkaralah. Kemudian yang kedua saya juga mohon kepada pihak Jabatan Agama Islam, tolonglah pantau, hari ni saya cukup bimbang, cukup banyak, di mana-mana masjid, surau, digunakan untuk tempat-tempat, sebagai tempat menyebarkan pelbagai bentuk fitnah, dakyah, yang berselindung di sebalik ceramah, tazkirah, kita terima tazkirah, saya nak bagi tahu Puan Speaker, dalam negeri ni, dalam masjid kita ada orang UMNO, ada orang Pas, ada orang PKR, ada orang tak ada parti, dan ramai orang datang ke masjid kerana tujuan nak beribadat, tujuan datang masjid nak dapat ilmu, tujuan datang masjid untuk dapat apa ni penambahan ilmu dan sebagainya. Tetapi apabila mula kuliah, mula ceramah, 10 minit yang pertama ok ilmu, kemudian disusuli dengan pelbagai bentuk dakyah, BR1M pun disebut, ha ini kerajaan melancarkan BR1M tapi saya tengok saya sampaikan BR1M, orang PAS datang sekali,

duk depan sekali. Tak pula dia kutuk-kutuk, dia pun terima juga, orang PKR terima juga, kalau saya dah kutuk, saya tak terima. Disebut dalam berbagai-bagai bentuk, cincin RM24juta lah kononnya, dalam kuliah, apa sebenarnya peranan. Sedangkan Tuanku dah titah dah, dah sebut masjid-masjid, tulis dah, titah-titah Tuanku, tidak boleh digunakan masjid sebagai tempat berpolitik, ramai orang datang. Ini lagi nak menjelang Ramadhan, saya tahu, nanti akan banyak tazkirah Ramadhan, antara dua , empat rakaat, ataupun antara lapan rakaat akan digunakan untuk tazkirah, dah akhirnya menimbulkan kebencian rakyat. Kalau saya fikirkan mengenai sebagai wakil rakyat Barisan Nasional, *let*, teruskan dan itu manfaat kepada BN sebab orang menyampah dan orang benci tapi sebagai umat Islam saya wajib tegur perkara ini. Dan saya sendiri melalui banyak, dan saya pernah hadir dalam tazkirah memang dibuat, memang terang-terang. 80% sebut tentang politik, tayangkan multimedia Menteri Besar Kelantan, tayangkan gambar presiden PAS, saya mintalah, berlaku adillah kepada agama kita. Jangan dipersendakan masjid dan surau ini, gunakan. Biar..rakyat datang nak beribadat, dan akhirnya bila rakyat tak datang ke masjid, rakyat tak nak dengar ceramah dan kuliah, akhirnya masjid akan kosong dan menimbulkan kebencian. Saya tak nak dan cukup bimbang nanti, apabila dalam masjid berlaku pergaduhan. Apabila ada sekumpulan jemaah tak berpuas hati bangun dan pertikaikan, YAB Menteri Besar boleh fikirkan apa akhirnya kesannya. Kita tak nak tengok perkara ini, tolong saya mohon, kepada portfolio agama, tolonglah tengok perkara ini supaya tidak menimbulkan keresahan kepada rakyat dalam negara kita, hormatilah, laksanakan Enakmen Undang-undang yang ada di bawah apa ni Jabatan Agama Islam Selangor. Kalau tak de ceramah, tak de permit dan sebagainya tahan. Apa ni, nak beri, apa ni permit, kepada tauliah kepada penceramah-penceramah tengok dan pantaulah semua masjid dan surau kerana Ramadhan ini pasti akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.

Jadi jangan disemai kebencian, jangan disemai perpecahan dalam masjid , itulah institusi terakhir, yang boleh kita gunakan untuk perpaduan , orang datang nak berehat, orang datang nak beribadat, nak beriktikaf, tapi disebarluaskan. Dan saya pun, sebut sekali lagi dalam sidang dewan ini juga, kadang-kadang berita Selangorkini, tolonglah jangan sebarluaskan dalam masjid, sebab saya pernah lihat, banyak, ramai orang, memang itu individu itu sendiri patut tanggungjawab. Khutbah di depan dia baca Selangor kini dalam masjid. Saya banyak jumpa, perhati banyak tapi soalnya benda itu kerana ada dalam masjid sebab itu dia ada, kalau tiada dalam masjid mereka tak ambil jadi mereka edarkan. Akhirnya tak dengar khutbah, baca Selangorkini dalam masjid . Ini

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** YB minta laluan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** YB sekejap lagi. Ni tengah naik ni.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Dari tadi tunggu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Kejap lagilah. Ok saya mengharapkan YAB Menteri Besar ambil tindakan, berilah penjelasan, kepada perkara ini supaya tidak berlaku lagi dan biarlah kita jadikan kawasan ini kawasan yang bebas daripada politik, ya, dan kita harapkan, dan pelantikan jawatankuasa masjid diteliti dan hormati demokrasi yang diperkenalkan oleh Pakatan Rakyat dan kita tengok dan itu yang pernah diusulkan. Saya juga Puan Speaker nak sebut perkara kedua mengenai Universiti Unisel yang mendapat bajet tambahan sebanyak RM10 juta yang diberikan oleh YAB Menteri Besar, Unisel termasuk dalam kawasan yang saya wakili. Saya terima banyak pelajar-pelajar unisel datang berjumpa, ibu bapa datang berjumpa dengan saya dan juga menyatakan banyak perkara, peniaga-peniaga, orang-orang peniagaan datang berjumpa dan kawasan ni memang sentiasa saya kunjungi, hampir setiap minggu saya hadir dan saya dapat bertemu. Dan hari ni Sekinchan saya nak beritahu, yang Sekinchan agung-agung mengenai Unisel ini, hari ini sudah cukup menghadapi masalah yang cukup kritikal. Kita bercakap berbahas dalam dewan untuk kepentingan rakyat bukan kerana pentingkan politik, parti dan sebagainya. Itu mungkin ada sampingan tapi realitinya hari ini Unisel yang dibina oleh Barisan Nasional dulu hari ni kita lihat apa pencapaian Unisel. Hari ni ada pelajar jumpa saya dia bagi tahu Unisel pilihan terakhir. Dah tak dapat masuk mana-mana, masuklah Unisel. Dengan yuran yang begitu tinggi, dengan politik yang dibawa dalam parti kepartian dalam Unisel, saya menghormati hak YAB Menteri Besar sebagai pengurus Lembaga Pengarah, tapi saya pun nak tanya tentang pelantikan tiga (3) orang ahli politik , jadi jelas bila dimasukkan politik, termasuk juga, termasuk Setiausaha Politik Menteri Besar duduk, yang saya baca kenyataan Menteri Besar kata pelantikan ni kerana nak pastikan perjalanan undang-undang, saya tengok di sini ada dilantik seorang, iaitu Penasihat Undang-undang Negeri...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK :** Sudah ada dalam jawatankuasa ini. Saya tengok satu lagi mengenai pelantikan Ahli Parlimen Hulu Langat, saya alu-alukan. YAB Menteri Besar menyebut Ahli Parlimen Hulu Langat kerana dia pakar atom, pakar nuklear, kita terima tapi bila YB Ahli Parlimen Hulu Langat mengenai LINAS tidak menjaskan keselamatan, Pakatan Rakyat tak setuju, dia pakar, tapi waktu yang sama kat Unisel oh kita kata dia pakar. Jadi kita jangan *double standard* lah dalam perkara ini . kalau betul dalam dia kata dalam parlimen tu LINAS tidak ada isu-isu keselamatan, kita terimalah dia pakar. Tapi dalam waktu yang sama kita nak kata kepakaran ini kita nak untuk letak di unisel. Itu hak Menteri Besar tentukan sapa jadi lembaga, tapi kita nak tanya juga YB Dato' Rashid Din, yang saya tengok *backgroundnya* mungkin pertanian. Tapi Unisel tak ada pun saya ingat kursus pertanian.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan. Minta penjelasan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok sila.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Terima kasih Permatang. Saya ingin bertanya kepada Permatang ya. Apakah rasional, atau apakah *standard* yang digunakan oleh Permatang untuk menilai pelantikan ahli-ahli politik ke dalam UNISEL sedangkan dalam zaman Barisan Nasional juga terdapat juga pelantikan yang sedemikian. Contohnya ialah pelantikan Datin Seri Rosmah Mansor isteri kepada Perdana Menteri sebagai Canselor Unisel, jadi apakah pendapat Permatang. Mengapa perkara ini tidak di bincang dan dibidas oleh Permatang sekiranya pelantikan politik ini tidak harus berlaku di dalam Unisel? Mengapa pula Datin Seri Rosmah Mansor yang bukan ahli politik, bukan wakil rakyat, bukan Ahli Parlimen, bukan ADUN pun, dulu boleh dilantik tapi sekarang bila Wakil Rakyat ataupun orang politik ataupun Ahli Parlimen dilantik, menjadi masalah pula? Apakah rasionalnya, apakah *standard* yang dipakai oleh Permatang?

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, saya, isu mengenai pelantikan ini sebagai Canselor, Canselor tidak menjalankan kerja-kerja harian universiti.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ia tetap pelantikan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, betul, itu kegiatan yang betul..tapi..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Pelantikan kepada sesuatu jawatan yang berkaitan dengan UNISEL dan dilakukan oleh kerajaan negeri.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tapi, dan Canselor bertugas hanya bila sampai waktu hari Konvokesyen.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tapi ia tetap pelantikan, saya ingin bertanya..

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang ini saya sebut orang yang *day-to-day*, terlibat dan menentukan dasar dan hala tuju. Dan saya boleh beritahu pada Yang Berhormat..

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagaimana Universiti Unisel digunakan oleh Pakatan Rakyat, ceramah, kuliah dan sebagainya oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, Nurul Izzah, Wan Azizah dan semuanya datang dan menggunakan medium ini sebagai tempat..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya rasa kita perlu kaji satu..

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak apa Speaker, saya tak nak cuba jimatkan waktu, saya ada satu lagi saya nak sebutkan fasal Unisel

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya ada satu..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia dari tadi menunggu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya teruskan ya.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan, dari tadi saya tunggu.

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, tak apa, saya bagi.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ok, terima kasih. Cuma saya nak bertanya, di UIA pun yang milik Kerajaan Pusat diadakan forum-forum yang melibatkan ahli politik kedua-dua pihak, tidak ada masalah. Malah universiti-universiti macam Oxford, Harvard, yang lebih unggul daripada universiti-universiti negara kita diberi ruang sebebasnya untuk berpolitik jadi apa masalah untuk kita bagi ruang yang sama di universiti-universiti negara kita?

**YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, saya bangkitkan tadi mengenai pelantikan Lembaga Pengarah. Soal nak buat forum, soal bicara mengenai ilmu tak ada masalah. Ini ceramah politik, terang. Ok, Yang Berhormat Puan Speaker, saya nak teruskan mengenai Unisel ini sebab keimbangan kita, universiti yang sepatutnya menjadi mercu tanda kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam sektor pendidikan, hari ini sedang dalam keadaan yang cukup kritikal. Saya tidak tahu sama ada suntikan RM10 juta ini sama ada untuk menampung defisit di Unisel ataupun apa tujuan? Barangkali saya bersangka baik untuk tujuan kebaikan lah. Untuk menampung defisit di Unisel. Sebab rekod yang saya ada ni menunjukkan bahawa pendapatan universiti. Bagaimana universiti ini boleh *sustain* ialah kerana pendapatan yang diperolehi dan juga berbanding dengan kos perbelanjaan.

Tetapi daripada data yang saya ada, ini jelas menunjukkan bahawa pendapatan universiti Unisel ini semakin tahun semakin merosot. Saya ambil contoh laporan 2008, pendapatan universiti sebanyak RM94.4 juta. Tahun 2009, bukan menaik, menurun, 93.51 juta. Tahun 2010, turun lagi RM75.48 juta daripada laporan yang saya ada. Jelas menunjukkan penurunan ini hampir 20%. Sedangkan saya nak buat bandingan, perbelanjaan, laporan terkini pula menunjukkan perbelanjaan semakin meningkat. Dan dia tidak selari dengan pendapatan syarikat yang menurun dari tahun ke tahun. Sepatutnya perbelanjaan berhemah dibuat. Kalau pendapatan menurun, sepatutnya perbelanjaan juga perlu dikawal. Kita bercakap soal, apa ni, pentadbiran yang baik, kita bercakap mengenai *good governance*, dengan izin, kita bercakap soal ketelusan, kita bercakap mengenai kalau ada duit boleh belanja, tak ada duit kita berjimat tapi dalam

konteks Unisel, perbelanjaan semakin meningkat. Saya bagi contoh tahun 2008, pendapatan, perbelanjaan sebanyak RM93.97 juta. Tahun 2009, perbelanjaan syarikat ini ataupun Unisel, bukan menurun, terus meningkat RM106.13 juta. Bertambah 12.94%. Ataupun kenaikan RM12,158,806. 2010, naik lagi RM6.5 juta. Sebanyak RM113,110,000 kenaikan. Ok. Bererti, daripada tahun 2008, 93.97 juta naik 2009, RM106.13 juta dan terus meningkat RM113.11 juta. Saya nak bertanya kepada pengurusan Unisel.

Apakah ini, pengurusan yang betul? Yang semakin hari kita tengok, pendapatan semakin kurang kerana pelajar semakin kurang. Semakin hari UNISEL semakin dijauhi, tidak menjadi pilihan utama kepada rakyat, termasuk rakyat di negeri Selangor. Sedangkan pendapatan perbelanjaan semakin hari semakin meningkat dan kalau trend ini berterusan, saya tak hairan. Memang Unisel akan terpaksa menjadi ‘Gajah Putih’ di Bestari Jaya. Dan hari ini, kesan sampingan di persekitaran, yang dulu rakyat-rakyat di kawasan sekitar cukup ghairah bangunkan rumah-rumah, bangunkan kawasan-kawasan untuk disewa oleh pelajar, hari ini cukup banyak pelajar-pelajar, kosong, rumah tidak ada, perniagaan semakin merosot dan semua ini Puan Speaker, saya mengharapkan ada jawapan, yang telus, jawapan yang boleh diberikan jawapan yang sebenar supaya kita tak nak universiti ini akan diurus dengan cara yang tidak betul.

Dengan perbelanjaan yang semakin, pendapatan yang semakin berkurang, perbelanjaan semakin meningkat daripada tahun ke tahun. Saya mengharapkan pengurusan yang betul sebab saya tak nak *quote*, tapi Duli Yang Maha Mulia Tuanku pun dah pernah beri teguran. Gunakanlah pengurusan yang terbaik dan kita tengok hari ini kalau ini diteruskan maka saya yakin, universiti ini yang sepatutnya jadi mercu tanda kita, hari ini tidak lagi dapat dipulihkan semula. Jadi, Yang Berhormat Puan Speaker, saya nak beri ruang kepada rakan-rakan yang lain. Saya ucap terima kasih di atas ruang yang diberi ini dan saya harapkan mudah-mudahan kepada kakitangan kerajaan kita dan saya sebut tadi, kenaikan gaji ini boleh kan menjadi insentif ataupun dorongan kepada semua kakitangan untuk bekerja lebih kuat. Dan kalau ikut semangat Sekinchan, oleh sebab dana kerajaan negeri meningkat RM2.2 bilion, 2.1, sepatutnya Selangor mendahului kerajaan persekutuan. Kalau kerajaan persekutuan bagi 13%, sepatutnya kerajaan negeri Selangor bagi kenaikan 15%. Kalau bagi, saya sokong. Saya ingat semua kakitangan awam setuju, kerana duit banyak. Dan tengok, nak tampung kepada isu mengenai Unisel, saya pun nak tanya Sekinchan, apa tujuan nak cairkan aset 30 juta kalau PTPTN tak diberi? Kan aset kerajaan negeri ada RM2.1 bilion, gunakanlah. Jadi nampak sangat ada perbezaan. Kata duit banyak, waktu yang sama bila Unisel baru dikatakan tak dapat PTPTN dan nak cairkan aset RM30 juta. Jadi, itu sahaja lah Puan Speaker. Saya tak nak panjangkan lagi, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Puan Speaker. Assalamualaikum WBT, selamat sejahtera. Salam satu Malaysia kepada ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin dalam Dewan yang mulia. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin berpantun dahulu. *Kapal Dagang Dari Seberang, Sarat Dengan Kayu Meranti. Terima Kasih Puan Speaker Beri Saya Peluang, Saya Rasa Berbesar Hati.* Sebelum itu, saya ingin mencabar kerajaan negeri yang kononnya cukup banyak duit dan tambah pula dengan sokongan oleh Sekinchan. Sekinchan pun dah minat sangat dengan ketua pembangkang nampaknya. Tak apa, kita akan pastikan tahun 2013 ni, pilihan raya ke 13 ni, Sekinchan jadi ketua pembangkang. Kami pula pergi ke sebelah sana, Insya-Allah (ahli Dewan mengetuk meja). Saya cabar kerajaan negeri, kalau betul banyak duit, bak kata ADUN Permatang, tolak PTPTN yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Unisel. Saya berbalik kepada RUU, Rang Undang-undang Tambahan, Peruntukan Tambahan. Untuk Peruntukan B06, caruman kepada kumpulan wang pembangunan, sebanyak RM40 juta. Apa perlu kita membuat tambahan lagi? Ke mana perginya RM300 juta Geran Selangorku? Mengapa tidak digunakan untuk menampung perbelanjaan B06? Bukan banyak RM40 juta dibandingkan dengan RM300 juta ataupun RM1.9 bilion. Atau duit RM300 juta ini dah jadi bahan belasahan ataupun rebutan rakus pemimpin-pemimpin PKR sehingga berlaku konflik antara pemimpin kerajaan dan juga melibatkan krisis antara Setiausaha Politik Menteri Besar, juga Pegawai Penasihat Ekonomi negeri Selangor yang terpaksa mengundurkan diri. Dalam peruntukan tambahan RM40 juta ini, saya amat berharap di dalam pengagihannya, jangan ditinggalkan bajet untuk membiayai tambahan guru-guru di sekolah agama. Saya lihat kebelakangan sekarang ini kekurangan guru-guru agama ini amat ketara dan memaksa PIBG mencari penaja-penaja bagi membiayai guru-guru tambahan. Di mana wang 1.9 bilion? Yang dilaung-laungkan, simpanan yang banyak, bunyi nya memang gah.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Belum habis mukadimah ni. Sekejap lagi saya bagi. Kita tak nak retorik. Banyak duit, pandai simpan duit. Memang pandai simpan duit kerana masalah susah payah rakyat tidak dipedulikan. Kerajaan Pakatan Rakyat ini hanya buat 2-3 perkara kemudian di canang dan ditulis di papan-papan tanda, tauke papan tanda, kaut untung. Sedangkan rakyat di bawah merintih memerlukan, pertama, guru-guru agama, kedua, infra, pembangunan, bangunan sekolah rendah agama, ketiga, pemberian jalan-jalan yang berlubang terutamanya kawasan saya, Bukit Sentosa, Bukit Beruntung.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Silakan.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Adakah Batang Kali sedar bahawa bantuan per kapita untuk Sekolah Agama Rakyat ditarik balik oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu dan juga gaji guru-guru KAFA di negeri Selangor dulu hanya RM700 pada zaman Barisan Nasional dan kini di bawah Pakatan Rakyat di negeri Selangor RM1300.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya sedar, sebab itu janji tuan-tuan kepada guru agama..

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Puan Speaker, Puan Speaker. Saya minta laluan

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Ha, sila.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Serdang

**YB DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Oleh kerana ini dibangkitkan, saya juga nak bertanya. RM1300 itu oleh guru-guru KAFA, yang mana saya difahamkan RM800 sekarang adalah daripada kerajaan persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Yang hanya kerajaan negeri saya dapat tahu RM360 daripada kerajaan negeri dan RM140 dari Baitulmal. Itu RM500 campur RM800. Ha, itu jadi jumlahnya RM1300, ha ini Yang Berhormat Seri Setia tolong semak perkara ini.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Ketua Pembangkang. Inilah kelebihan Ketua Pembangkang kami ini. Walaupun tak hadir tapi dia boleh mengajar orang di sebelah sana. Terima kasih. Kemudian yang kelima, bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat orang tua masih lagi dalam lingkungan tak sampai Seratus Ringgit. Kemudian tiada lagi kesungguhan dalam pembaikan masjid dan surau, pembaikan rumah-rumah terbengkalai di kampung saya khasnya di Rasa, di kampung Koskan di Kerling tidak diambil perhatian. Penurunan cukai pintu jauh sekali, malah cukai nak niaga pasar Ramadan dinaikkan pula. Bantuan anak-anak taska dan *nursery* dan lain-lain mana janji manismu. Mana wang 1.9 bilion itu? Mengapa tak diberikan kepada pendidikan percuma untuk Unisel dan KUIS? Mengapa tidak diberikan gaji minima kepada kakitangan kerajaan Selangor? Bukan ramai pun 15,000 orang sahaja. Betullah kata rakyat, PKR Parti Kelentong Rakyat ataupun PR Penipu Rakyat. Rakyat juga dah jemu lihat sandiwara pimpinan Pakatan Rakyat. Marilah kita lihat dan muhasabah diri. Jangan nampak salah orang sahaja. Jangan pandai nasihat isteri pemimpin UMNO sahaja, isteri orang di sebelah sinun itu baik sangat ke? Suruh buat DNA tak berani, cerita sanggup bermandi darah untuk mempertahankan keadilan, minta setitik darah pun kecut telur dan segala-segalanya. Dayus. Isteri aku, isteri aku. Isteri engkau, isteri aku. Hebat..hebat, inilah pemimpin anugerah Tuhan kononnya. Perbetulkan moral dan akhlak sendiri.

Dulu saya syorkan peruntukan SPIES untuk modal insan diperbanyakkan untuk memulihkan akhlak-akhlak pemimpin Pakatan Rakyat, lahirkan pemimpin yang bermoral dan berwibawa. Ini tidak masalah liwat tak selesai, timbul pula YB Jamban. Di sini juga saya mencadangkan kepada PBT supaya minta bajet tambahan membuat *signboard..signboard* diletakkan di tandas-tandas pasang logo Jangan Makan Aiskrim Dalam Jamban. YB telanjang belum dilupakan. Timbul pula YB yang tak jadi YB buat Program Temu Rakyat jam 3:00 pagi. Inikah parti harapan rakyat? Satu-satu...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Silakan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya..ya terima kasih. Saya berterima kasih pada Puan Timbalan Speaker dan juga Batang Kali. Ada 2 soalan di sini. Yang pertama, Yang Berhormat Batang Kali mengatakan bahawa janji Pakatan Rakyat masih belum ditepati khususnya tentang program dan bantuan kepada anak-anak yang dihantar ke tadika. Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Batang Kali tidak sedar tentang Skim Program Asuhan Rakyat yang mana apa yang saya ketahui adalah *leaflet* yang telah diedarkan kepada orang ramai, jadi dengan adanya *leaflet* ini ataupun program ini telah dilancarkan maksudnya ialah kita telah melengkapkan hampir melengkapkan dan menetapi semua janji yang dilancarkan semasa PRU yang ke-12 sebelum ini. Yang kedua soalan dia, Yang Berhormat berbincang tentang akhlak pemimpin. Saya hanya ada satu soalan sahaja.. Adakah Yang Berhormat, apakah pendapat Yang Berhormat tentang video seks skandal yang pernah ditayangkan dan dihebahkan ke seluruh negara lebih kurang 4 tahun yang lalu yang melibatkan seorang pemimpin tertinggi Parti Komponen Barisan Nasional. Mengapa Yang Berhormat Batang kali sebut-sebut tentang akhlak pemimpin? Kes yang begitu serius ini pula tidak disebut. Kes yang begitu serius ini pun telah diakui oleh orang itu berkenaan tapi Yang Berhormat Sungai Pelek tidak membidas perkara ini dan sebaliknya mengutuk sesuatu yang belum lagi dibuktikan di mahkamah ataupun telah disahkan oleh mahkamah tidak bersalah. Jadi apakah rasional? Apakah tindakan Yang Berhormat ? Mengapa adanya wujudnya sikap hipokrit yang sedemikian rupa.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Terima kasih Bukit Tunku, penyokong kuat nampaknya.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Kampung Tunku.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kampung Tunku penyokong kuat nampaknya, LGBT agaknya. Pertama soal apa tadi dia cakap? Soal janji, janji ditepati, saya tak nafikan..

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Janji Pakatan Rakyat ditepati.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya tak nafikan you ada *signboard*, *billboard*, you ada *flyers*, you ada dalam Internet, semua ada tetapi perlaksanaannya masih belum seperti apa yang dijanjikan. Itu sahaja masalah yang ada.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta penjelasan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Yang kedua soal pemimpin MCA ataupun saya sentuh sebut tadi tentang soal pimpinan orang Melayu, orang Islam, ya kita sentuhkan kerana saya orang Islam yang tidak mengamalkan LGBT sebagaimana yang Kampung Tunku sokong itu.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Inikah parti harapan rakyat..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia hendak mencelah.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Satu-satu aib dibuka dan ditunjuk oleh Allah...

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Inilah parti yang hanya menyokong LGBT sahaja...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali..

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Akan menyokong parti ini pada PRU 13 ini.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Inikah parti yang rakyat hendak berikan kepercayaan untuk ke Putrajaya? Nauzubillah. Saya kira usahkan nak ke Putrajaya, nak kembali ke Tingkat 21 SUK pun tidak akan merasa mereka kali ini. Cukuplah sekali rakyat terpedaya dengan janji-janji manismu.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak terus kukuh dan ampuh memacu negara dan juga negeri Selangor ini Program Jelajah Janji Ditepati mendapat sambutan rakyat seluruh negara.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Terutama di Selangor. Minta maaf saya dah tak ada masa. Tidak mengenal...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya..saya..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi..

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tidak mengenal insan masyarakat terus dibantu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi masa.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tidak mengenal lapisan masyarakat.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Batang Kali tolonglah. Semalam saya bagi banyak.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Okey..okeylah.. janji ya.

**TIMBALAN PUAN SPEAKER:** Saya bagi peluang kepada pembangkang.

**YB TUAN LAU WENG SAN :** Saya, mengapa..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia dulu.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Seri Setia kawan saya itu.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih sahabat saya Batang Kali. Saya hendak bertanya adakah kita sebagai orang Islam adakah kita boleh menerima pemimpin bukan Muslim yang tidak bermoral kalau ikut pandangan Batang Kali?

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Itu adalah masalah peribadi dia. Apa yang tuan-tuan sebab dia bukan Islam suka hati dialah. Tetapi sebagai orang Islam kita tidak angkat pemimpin Islam yang moralnya cukup rendah dan memalukan agama dan bangsa orang Melayu hari ini.

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Timbalan Speaker peraturan tetap.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Bukit Antarabangsa semalam memperlekehkan...

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali ada bantahan peraturan tetap.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Peraturan sila.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan.

**YB PUAN GAN PEI NEI :** 36 (i) Seseorang ahli mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Saya berharap dewan yang mulia ini boleh digunakan untuk membahas polisi ya bukan persoalan tentang personal ataupun peribadi dan sebagainya.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya bercerita soal kepimpinan terutamanya kerana mereka ada kaitan , Penasihat Ekonomi walaupun seringgit tapi besar tugasnya tu! Takkan tak faham? Sebab itu saya sentuh, nak pilih pemimpin, nak pilih penasihat, penasihat ya bukannya punai sihat ya!

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Minta laluan Batang Kali.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Pilihlah yang baik-baik dan Pengerusi akhirnya ...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Batang Kali bagi dulu laluan ini hendak bercakap .

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda hendak mencelah.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih kepada.. ini bukan sahabat sayalah Batang Kali kalau inilah caranya dia bercakap, tak bolehlah kalau kita menuduh sesuatu kalaupun hendak disebut soal moral atau soal akhlak, saya hendak bertanya, Perdana Menteri juga dikaitkan dengan akhlak dan kepimpinan dengan kes pembunuhan seorang wanita ,satu kes yang dikaitkan kerana melibatkan seorang pegawainya...

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Ini tak betul. Itu keputusan dah keluar, nak bukti ke? Tak baca ke? Sudahlah, duduklah...saya tak bagi dia.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Belum habis lagi.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Itu keputusan mahkamah dah keluar dah, fahamlah..

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Batang Kali inilah sikap dia baling batu sembunyi tangan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Saya tak bagi, dia cakap perkara yang dah selesai, dah selesai.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Baik saya mencadangkan Ahli Yang Berhormat saya mencadangkan supaya teruskan perbahasan penambahan bajet tambahan bekalan tambahan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Okey..okey Terima kasih Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Balik ke jalan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Ya ini balik ke jalan. Jangan kacau jalan saya lagi. Bukit Antarabangsa semalam memperlekehkan bantuan RM500.00 rim tayar 4 biji, Sekinchan pun *complaint* tayar 4 biji.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Batang Kali bagi saya ruang sikit untuk saya mencelah.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Memanglah bagi beliau apa ada dengan RM500.00. Ini kerana saham beliau pun berjuta-juta, RM500.00 ini tak ada hal...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Jangan terus cakap sahaja, cakap pun siapa nak dengar. Bagi ruang pada saya nak bercakap sikit. Ialah sekurang-kurangnya langau ada gunanya juga daripada ulat. Ulat lagi teruk, jadi saya hendak beritahu, Kuang usahlah nanti ada ruang perbahasan bercakap. Macam burung pungguk menyebut-nyebut....

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Hei .. Jawab je lah cepat.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Ini nak bagilah ini, nak tanya soalan. Jangan buat tuduhan kalau berani buat tuduhan kat dewan, okey buat tuduhan kat dewan kita akan ambil tindakan. Baik, terima kasih Batang Kali. Saya hendak bertanya kepada Batang Kali berkenaan dengan satu perkara yang disebutkan tadi berkenaan dengan moral pemimpin disebutkan tadi tentang tak boleh. Kalau hendak sebut ini, saya ada fakta yang banyak. Cuma saya hendak ringkaskan kepada pertanyaan, kalau disebutkan tentang kes yang melibatkan ketua umum yang tadi disebutkan soal Bukit Antarabangsa, Kampung Tunku sebutkan soal ada seorang Ahli Parlimen daripada Johor bekas pemimpin atau pun bekas wakil rakyat daripada Komponen Barisan Nasional yang kini masih lagi merupakan pemimpin kepada Barisan Nasional. Yang paling teruk yang saya nak bertanya kepada Batang Kali bagaimana kes yang sedang dibicarakan di mahkamah Perancis sekarang ini yang mengaitkan seorang lelaki yang bernama Najib Tun Razak, apakah itu bukan satu soal moral yang terbesar yang memalukan negara ini di seluruh dunia? Yang mengaitkan pembunuhan seorang wanita yang bernama Altntuya Shariibu. Jadi tolong beri penjelasan. Kalau tak ada penjelasan jangan buat tuduhan dalam dewan ini.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Okey terima kasih Seri Setia. Seri Setia pula minta maaf. Sebab dia dah tak mengaku sahabat tu yang susah tu lupa. Terima kasih YB Sri Muda. Berkaitan dengan apa yang saudara YB Sri Muda unjurkan berkaitan dengan Najib masalah di Luar Negara itu tidak ada dalam pengetahuan saya.

Saya harap lepas ini bolehlah YB Sri Muda *brief* saya tentang soal itu. Kita akui Kerajaan Pusat memang mengamalkan perbelanjaan defisit. Namun dalam perbelanjaan defisit itu Kerajaan Pusat tidak pernah gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya membangunkan negara, membayar gaji kakitangan awam, membina negara untuk rakyat. Malah kakitangan Awam terus diangkat martabat dan diberi pengiktirafan dengan kenaikan gaji 13% dan elaun COLA yang tinggi. BN lah kerajaan yang mengenang budi bukan kita nak buang kakitangan kerajaan malah kita tambah baik perkhidmatan awam.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kita zahirkan terima kasih kepada semua penjawat awam di negeri Selangor ini yang mana *staff* sama ada *staff* kakitangan pusat ataupun *staff* kerajaan negeri kerana dengan usaha mereka Selangor kekal sebagai negeri Maju pada hari ini.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan.

**TIMBALAN PUAN SPEAKER :** Batang Kali, Batang Kali Seri Setia minta laluan.

**YB NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Kita bersahabat.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Minta ampun minta maaf tuan-tuan saya dah nak terkucil ni jadi saya minta 5 minit sahaja saya nak selesaikan. Nanti Seri Setia boleh berbahas petang nanti sampai ke malam. Apakah ada bonus ataupun bantuan untuk kakitangan awam Selangor? Untuk anak-anak masuk awal persekolahan baru 3 tahun baru 3 tahun Dato' Najib jadi Perdana Menteri dia lebih hebat dari Ijok yang dah jadi Menteri Besar 4 tahun entah apa-apa kerja yang dibuatnya di Negeri ini. Akhirnya saya membaca sebuah hadis daripada Abdullah bin Amru bin An- Aas Radiallah Sallallahu alaihi wasalam bersabda maksudnya : “*Ada 4 perkara, barang siapa yang terjebak di dalamnya jadilah dia seorang munafik yang penuh dan barang siapa yang terdapat pada dirinya salah satu daripadanya maka dia memiliki sifat munafik sehingga segera dia meninggalkan iaitu jika berbicara, dia dusta, jika dia amanah dia khianat, jika dia berjanji dia memungkiri janji dan jika berbantah bertengkar dia melampaui*”.

Akhirnya Puan Speaker...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Puan Timbalan Speaker.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Ku sangka panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari..

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Batang Kali bagilah ruang sikit, saya hendak perbetulkan fakta.

**YB DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Kerajaan harap untung yang datang rupanya skandal hari-hari. Tak tumbuh tak melata, tak sungguh rakyat tak kata. BN menghidu denyut nadi rakyat. Bantuan diberi tanpa kira bangsa, PRU 13 wajib tolak Pakatan Rakyat, demi selamatkan agama, bangsa dan raja. *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.*

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Eloklah lepas ini terus pergi terkucil.

**TIMBALAN PUAN SPEAKER :** Baik, perbahasan kita teruskan, Hulu Klang.

**YB TUAN HJ SHAARI BIN SUNGIB:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Puan Timbalan Speaker kerana beri saya peluang ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Kerajaan kerana telah mentadbir berdasarkan pendekatan membetulkan yang biasa dan biasakan yang betul. Amalan yang biasa dan sudah terbiasa tidak sepertinya betul sekiranya dia tak menepati undang-undang peraturan, garis panduan dan prosedur. Dengan itu membetulkan amalan yang biasa tetapi tidak menepati peraturan adalah ciri-ciri pentadbiran kerajaan yang amanah, bertanggungjawab dan telus jadi selaras dengan slogan Selangorku. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor melangkah ke hadapan bukan hanya dengan membetulkan yang biasa tetapi memastikan apa yang betul itu dijadikan kebiasaan melalui pendekatan membiasakan yang betul. Dengan itu kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sedang berada di atas landasan yang betul dengan izin *on the right track*. Pendengaran awam SELCAT baru-baru ini telah menyaksikan pengakuan beberapa orang pegawai Perancangan Bandar di sebuah PBT bahawa mereka telah terbiasa dan telah berterusan beberapa tahun terbiasa dengan amalan yang rupa-rupanya tidak menepati peraturan.

Puan Timbalan Speaker, mengambil kesempatan itu saya ingin menarik perhatian Dewan selaras dengan kelulusan enakmen kebebasan maklumat negeri Selangor 2010 saya ingin mohon kerajaan negeri mengesahkan khabarnya ada Ketua PBT yang telah cuba sedaya upaya untuk menyekat perjalanan Jawatankuasa Audit dan Urus Tadbir PBT. Dalam masa itu umpamanya dikhabarkan Dato' Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam dikhabarkan ya perlu pengesahan dengan cara terbuka tidak membenarkan Jawatankuasa dan Audit Urus Tadbir PBT MBSA bermesyuarat dan beberapa sekatan lain telah diambil. Dalam erti kata lain jawatankuasa ini perlu mendapatkan persetujuan pengurusan terlebih dahulu sebelum boleh bermesyuarat ataupun pegawai akan dilarang hadir mesyuarat Jawatankuasa ini jika tidak dapat persetujuan pengurusan. Hulu Klang bimbang Jawatankuasa Audit yang sepatutnya bebas dalam semua organisasi untuk menjalankan tugas mereka sebagai semak dan imbang dengan pihak pengurusan dihalang melaksanakan tugas mereka dengan amanah. Jika ini benar dan tidak dibetulkan maka sia-sia lah penubuhan Jawatankuasa Audit dan Urus Tadbir di

Majlis Bandaraya Shah Alam. Andai kata perkara ini benar maka ia sudah bertentangan dengan garis panduan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Urus Tadbir Audit yang telah diluluskan oleh MMKN. Dengan ini saya pohon pihak kerajaan memberi penjelasan agar perkara yang kabur dan samar ini dapat dibetulkan dan nama baik orang-orang yang dikhabarkan melakukan kesalahan itu dibersihkan.

Puan Timbalan Speaker, satu lagi tentang kes pembangunan Shah Alam Walk. Sejakar dengan ketelusan kerajaan negeri Selangor Pakatan Rakyat saya dengan penuh hormat dan takzim memohon kerajaan merujuk kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam writ saman MT2-21-87-2008 iaitu tuntutan daripada *Gold Green Associates Sdn. Bhd* dan *EDAW Australia Private Limited Defendant* dan *Defendant GAD Sdn. Bhd* dan Majlis Bandaraya Shah Alam untuk diberikan penjelasan dan sekiranya perlu dan tidak melanggar peraturan dan undang-undang diadakan satu siasatan awam di bawah pendengaran awam SELCAT.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Klang, jam sudah menunjukkan pukul 1:00 saya memohon sambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 1:02 minit, Dewan disambung semula pada 2:30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.02 tengah hari )

**(Dewan disambung semula)**

**(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat. Dewan disambung semula. Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Tadi saya membicarakan tentang budaya kerajaan negeri “Membetulkan Yang Biasa dan Membiasakan Yang Betul”. Di atas permintaan saya tadi, saya minta pihak kerajaan memberi penjelasan tentang masalah yang melibatkan Jawatankuasa Audit dan Urus Tadbir yang dihalang untuk menjalankan tugas. Dikhabarkan dihalang untuk menjalankan tugas dan keduanya, saya menimbulkan isu projek pembangunan Shah Alam Walk di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam. Sejak dengan ketulusan pentadbiran kerajaan Selangor, Pakatan Rakyat, saya dengan hormatnya memohon kerajaan negeri menyemak aduan terhadap projek pembangunan Shah Alam Walk yang dinamakan sebagai projek menaiktaraf dan mencantikkan Shah Alam Walk yang terletak di Seksyen 14 di mana Majlis Bandaraya Shah Alam telah menganugerahkan projek ini kepada JAD Sdn. Bhd. pada 10 Januari 2004. Saya juga telah menerima aduan dan difahamkan pada peringkat awal projek ini bernilai RM9 juta sahaja. Akan tetapi atas sebab-sebab yang boleh menimbulkan kecurigaan, projek ini ditambah nilai RM3 juta tambahan menjadikan jumlahnya RM12 juta. Namun begitu, MBSA telah dituntut lagi satu jumlah yang besar di Mahkamah Tinggi Shah Alam kerana kononnya hak cipta plaintiff telah dicerobohi.

Maka kes ini telah berlanjutan beberapa tahun sehingga tahun 2012. Menurut makluman yang disampaikan oleh pengadu kepada saya, projek ini merupakan runding terus atas arahan kerajaan negeri ketika itu. Ia dianugerahkan tanpa sebarang tender walaupun melebihi RM5 juta. Di atas nama baik MBSA, penjawat-penjawat awam dan nama baik kerajaan negeri Selangor, saya menyeru agar kerajaan negeri Selangor membuat penjelasan di Dewan yang mulia ini atau sekiranya tidak menyalahi undang-undang, jika perlu SELCAT mengadakan pendengaran awam.

Puan Timbalan Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini di atas beberapa asas. Asas utama, pertamanya adalah kerana ia dibuat tambahan ini berikutan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM). Dan ini adalah selaras dengan hubungan dan tanggungjawab Pusat dan Negeri. Maka, langkah ini adalah langkah yang betul. Asas kedua, kenapa Rang Undang-undang ini betul adalah kerana ia menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri tanpa berhutang atau pun tanggungan defisit. Ini adalah amalan yang betul, yang baik dan lestari. Ketiganya, Timbalan Speaker, penggunaan sejumlah wang iaitu RM40,420,420 bagi projek-projek yang

manfaatkan terus dinikmati oleh seluruh rakyat Selangor dan ini merupakan satu daripada asas amalan demokrasi tulen yang di dokong oleh kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor.

Ketiga-tiga asas ini adalah amalan yang betul dan bukti komitmen kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor untuk “Membiasakan Yang Betul”.

Puan Timbalan Speaker, apa buktinya apabila saya mengatakan dengan izin, kerajaan negeri Selangor Pakatan Rakyat sekarang ini sedang berada *on the right track*. Landasan yang betul bagi saya terdapat tiga (3) perkara :-

1. Setiap penggunaan kewangan diluluskan oleh Dewan yang mulia dan manfaatnya terus didapati oleh seluruh lapisan rakyat.
2. Sesuatu projek itu dilaksanakan di atas maklum balas orang ramai.
3. Pendekatan yang memperkasakan penjawat-penjawat awam tanpa campur tangan politik, ahli-ahli politik dan manfaatkan sifat dan sikap *profesionalisme* kakitangan awam.

Landasan ini betul khususnya melibatkan penggunaan dana yang diluluskan di Dewan yang mulia untuk disalurkan terus kepada rakyat di akar umbi tanpa mengira dukungan mahu pun sokongan politik rakyat. Semua rakyat Selangor yang memenuhi syarat-syarat sesuatu program atau skim diberikan layanan yang sama. Saya buktikan di DUN Hulu Kelang sendiri, seramai 3594 warga emas dengan rekod yang lengkap telah didaftarkan dalam skim Mesra Usia Emas. Seramai 483 orang waris telah mendapat manfaat penuh RM2,500 seorang, yang di DUN Hulu Kelang sahaja kini telah menelan belanja RM1.2 juta. Sejak dilancarkan pada bulan September 2011 sehingga kini, seramai 848 warga emas di setiap lapisan telah menyertai program Jom Shopping yang menelan belanja hampir RM85,000. Sehingga Jun 2012, seramai 104 pemohon telah berjaya mendapat pinjaman di bawah skim MiMBAR berjumlah RM220,200. Seramai 190 pelajar SPM telah mengikuti PTRS (Program Tuisyen Rakyat Selangor) secara percuma. Bantuan berupa 2,000 beg sekolah bagi tahun 2010, 2012 dan 14,000 buah buku tulis bagi tahun 2011 kepada pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Bantuan pendidikan sebanyak RM191,000 kepada 13 buah sekolah agama rakyat pada tahun 2011 dan RM2,201 pada tahun 2012 kepada 15 buah sekolah agama di DUN Hulu Kelang sahaja. Inilah *track record* yang telah dimanfaatkan oleh warga di DUN Hulu Kelang sahaja.

Puan Timbalan Speaker, satu lagi amalan betul Kerajaan Negeri adalah mengagihkan peruntukan MARRIS sebanyak RM2 juta kepada setiap DUN di seluruh Selangor di bawah kawalan, seliaan dan pelaksanaan PBT-PBT yang berkenaan. Pendekatan ini adalah betul kerana proses ini dapat secara tepat, menentukan keutamaan projek

menurut keperluan dan permohonan penduduk. Dialog, pertemuan, perbincangan dan maklum balas orang ramai kepada ADUN membolehkan keputusan dibuat berdasarkan projek-projek yang perlu diutamakan dan didahulukan berdasarkan kepentingan orang ramai. Di DUN Hulu Kelang, *track record* nya, pada peringkat awal empat (4) projek telah dikenal pasti. Anggaran awalnya, berjumlah RM1.97 juta. Tetapi oleh kerana pasukan dari MPAJ telah melaksanakan kerja dengan tekun dan teliti, dua (2) dari projek tersebut, perolehannya adalah melalui sebut harga dan dua (2) adalah daripada tender. Penjimatan sebanyak RM500,000 telah dicapai dan dengan jumlah itu, dua (2) lagi projek dapat dilaksanakan dan kini sedang dinilai dan diselia oleh MPAJ. Jadi ini adalah satu penjimatan yang manfaatnya satu pendekatan yang betul, yang mendapat pandangan rakyat, yang mendapat maklum balas daripada orang ramai, yang diadakan secara berdialog, mendapat pandangan setiap lapisan rakyat, mengenal keutamaan yang akhirnya dengan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak khususnya oleh pelaksana di peringkat MPAJ, penjimatan RM500,000 terus diterjemahkan kepada penambahan projek penurapan jalan. Saya yakin inilah satu pendekatan yang betul, yang perlu dikekalkan dan inilah sebabnya saya mengatakan kerajaan negeri hari ini sedang berada *on the right track*, dengan izin.

Puan Timbalan Speaker, satu lagi amalan betul kerajaan negeri adalah mengagihkan peruntukan Geran Selangorku bagi projek-projek infrastruktur pada setiap DUN, seluruh Selangor di bawah kawalan, seliaan dan pelaksanaan PBT-PBT dan Pejabat-pejabat Daerah yang berkenaan. Sekali lagi, pandangan dan maklum balas orang ramai setempat diperolehi oleh ADUN, Ahli-ahli Majlis dan JKJKK bagi mengenal pasti projek-projek perlu dan utama bagi kepentingan orang ramai. Di DUN Hulu Kelang, lima (5) projek telah diluluskan. Satu (1) telah siap, dua (2) ikut jadual dan dua (2) lagi di dalam proses melibatkan peruntukan RM1.13 juta. Apa yang menarik adalah kualiti kerja yang sangat baik. Kerja-kerjanya sangat rapi. Kerja-kerja turap jalannya sangat rapi hingga ke bucu-bucu, tebing-tebing jalan dikemaskan dan ini menunjukkan komitmen yang telah saya katakan apabila kakitangan awam diperkasakan, diberikan ruang tanpa campur tangan politik, mereka dapat berprestasi dengan cemerlang. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada *Road Gang* MPAJ yang diketuai oleh Ir. Hasrul Nizam. Bukan hanya itu, penyertaan daripada MPAJ sendiri juga melibatkan permohonan pembinaan sambungan jalan dari Kampung Sering ke jalan utama UK Perdana dan tiga (3) lagi permohonan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak yang melibatkan pembaikan longkang, penurapan jalan di Kampung Kemensah, Kampung Klang Gate dan Kampung Pasir. Inilah yang saya nyatakan bahawa *on the right track* ini melibatkan satu proses penyertaan orang awam, orang ramai dan semua pihak yang terlibat untuk kebaikan bersama.

Timbalan Speaker, kesan daripada keikhlasan kerajaan Pakatan Selangor membantu rakyat, satu sifat amanah dan ketelusannya menggunakan wang rakyat, hari ini seramai

300 rakyat di DUN Hulu Kelang telah menyertai Skuad Sukarelawan Selangorku dan Sukarelawan Wanita Selangorku yang digerakkan oleh Pusat Khidmat ADUN Hulu Kelang. Bilangan sukarelawan ini akan meningkat seramai 500 orang dalam masa tidak lama lagi. Kedua-dua sukarelawan ini mendukung slogan Selangorku yang bermakna mereka terpanggil untuk sama-sama bertanggungjawab mempertahankan pentadbiran kerajaan yang amanah, bertanggungjawab dan telus. Inilah dia ciri-ciri masyarakat madani. Masyarakat madani atau dengan izin, *civil society* yang telah berjaya dibina kesan daripada pentadbiran kerajaan yang ikhlas dan amanah kepada rakyat yang dimanifestasikan oleh rakyat di DUN Hulu Kelang.

Baru-baru ini dalam kejadian banjir di DUN Hulu Kelang iaitu di Taman Melawati dan Kampung Fajar, sukarelawan inilah yang tampil menjalankan kerja-kerja bantuan kilat dan pembersihan rumah-rumah mangsa yang terlibat. Hulu Kelang ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sukarelawan-sukarelawan tersebut dan juga Hulu Kelang juga ingin merakamkan penghargaan di atas keprihatinan kerajaan negeri yang menyalurkan bantuan melalui Pejabat Daerah Gombak kepada 75 keluarga mangsa banjir sebanyak RM500 setiap keluarga yang keseluruhannya berjumlah RM37,500. Hulu Kelang juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor yang menyalurkan bantuan kepada 42 orang mangsa banjir sebanyak RM300 seorang yang berjumlah sebanyak RM12,600.

Puan Timbalan Speaker, anggota-anggota sukarelawan dan sukarelawan Wanita Selangorku ini terus menunjukkan komitmen sebagai menghargai jasa Kerajaan Pakatan Rakyat dengan melaksanakan gerak kerja gotong-royong membersihkan kawasan-kawasan perkuburan, sekolah-sekolah agama rakyat, surau-surau dan masjid-masjid di seluruh Hulu Kelang. Menjelang Ramadhan, mereka akan bergerak dari rumah ke rumah untuk menyantuni warga emas terlibat dalam menjaga alam sekitar khususnya dalam program kitar semula sisa minyak masak untuk dijadikan bio diesel dan juga mereka terlibat dalam memastikan Taman Melawati dan Taman Permata sebagai Zon Bersih MPAJ dan juga mereka bergerak untuk memastikan program Pendemokrasian Rakyat anjuran kerajaan negeri Selangor dilaksanakan. Apa yang ingin saya tegaskan di sini adalah kesan daripada pentadbiran yang telus, rakyat berasa berpuas hati dan berbaloi memberi yang terbaik. Skuad Sukarelawan Selangorku adalah bukti dan manifestasi bahawa sekiranya kerajaan ini ikhlas dan betul perjalannya, maka rakyat dan orang ramai juga bersedia menghargai jasa kerajaan dengan memberi sumbangan tanpa berkira bagi kebaikan dan keselamatan bersama. Syabas kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor yang baru empat (4) tahun mentadbir Selangor telah berjaya mengetuk akal budi rakyat untuk memberi yang terbaik untuk rakyat, dari rakyat untuk rakyat. Hulu Kelang berharap skuad sukarelawan seumpama ini dapat dikembangkan di DUN-DUN lain di seluruh Selangor.

Puan Timbalan Speaker, semangat menyumbang dibuktikan oleh PIBG SERAI Taman Keramat. Sekolah Rendah Agama Integrasi, Taman Keramat, di Hulu Kelang. Sebagai sebuah sekolah tanggungan penuh JAIS dari jumlah 60 orang guru keseluruhannya, 25 orang adalah guru-guru KAFA dan 5 orang guru rakyat. Bagi guru rakyat sahaja dengan gaji dan elaun RM900 seorang, PIBG menampung sebanyak RM49,500 setahun. Manakala, elaun tambahan RM60.00 sebulan setiap guru, PIBG menampung sebanyak RM16,500 setahun. Ini bermakna PIBG menampung sebanyak RM6,600 setahun bagi tenaga guru tambahan di sebabkan tidak cukup guru sedangkan SERAI, Sekolah Rendah Agama Integrasi, Taman Keramat adalah sebuah institusi yang sepatutnya ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri Selangor melalui JAIS. Dengan itu Hulu Kelang berpendapat peranan PIBG adalah bagi menambah nilai perkhidmatan pendidikan SERAI dan bukannya menanggung tugas teras dan tonggak perkhidmatan pendidikan SERAI. Tugas ini adalah tugas kerajaan negeri melalui JAIS. Dengan itu, Hulu Kelang mencadangkan kerajaan negeri menyemak dan menilai semula perkara ini dan memberikan serta mengeluarkan peruntukan yang sewajarnya bagi melepaskan bebanan PIBG daripada tanggungan yang tidak sepatutnya ditanggung oleh mereka.

Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang juga menyambut baik Bukit Antarabangsa yang mahukan medan-medan selera mempunyai konsep baru dengan ruang yang lebih selesa, tempat duduk yang cukup dan dilengkapi dengan wifi. Untuk pengetahuan dewan yang mulia ini, awal bulan Julai Jabatan Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan bersama-sama MPAJ telah membuat operasi dan telah mengeluarkan notis menutup 15 buah gerai. Gerai makan di medan selera Taman Sri Keramat AU 2A sehingga 11 Julai ataupun esok. Notis ini dikeluarkan kerana gerai-gerai ini tidak menepati peraturan kebersihan Jabatan Kesihatan. Puan Timbalan Speaker, punca paling utama masalah kebersihan adalah ruang masak yang terlalu sempit. Ini menyebabkan peniaga membuat penambahan bangunan yang tidak teratur hinggakan longkang saluran air di luar menyalurkan air masakan dan basuhan sudah kini berada di dalam kawasan memasak. Keadaan yang tidak teratur ini seterusnya mewujudkan sikap tidak ambil berat para peniaga terhadap aspek kebersihan. Lanjutan itu, ‘standard’ kebersihan semakin merosot sehingga Jabatan Kesihatan terpaksa mengarahkan gerai-gerai tersebut ditutup sehingga menepati syarat-syarat kebersihan yang ditetapkan. Hulu Kelang telah membuat tinjauan, berbincang dengan wakil-wakil peniaga dan pegawai-pegawai MPAJ dan bersetuju agar keadaan ini yang tidak teratur iaitu penambahan bangunan dan terdapatnya longkang luar di kawasan dapur diperbetulkan. Dengan itu, Hulu Kelang ingin menyeru pada kadar segera mungkin kerajaan negeri mengeluarkan sedikit peruntukan dari Geran Selangorku bagi membetulkan keadaan gerai-gerai makan di medan-medan selera yang berisiko menerima notis penutupan daripada Jabatan Kesihatan termasuk medan selera AU 2A DUN Hulu Kelang.

Puan Timbalan Speaker, kembali kepada perbekalan tambahan dengan rekod cemerlang kerajaan negeri, Hulu Kelang menyokong tambahan sebanyak RM40,420,420 bagi projek-projek pembangunan antara lain seperti berikut :

- i. RM2,323,200 bagi kenaikan peruntukan tahunan Ketua Kampung Tradisi, Pengerusi JKKK Kampung Baru, Bagan dan Tersusun dan Ketua Komuniti India.
- ii. RM2,576,000 bagi perbelanjaan rumah ibadat selain Islam.
- iii. RM2,721,220 bagi pertambahan bilangan bantuan hamper hari raya pada rakyat yang miskin.
- iv. RM700,000 bagi keperluan pemberian perumahan rakyat yang tidak mencukupi.

Hulu Kelang yakin setiap RM daripada projek-projek di atas akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat dan akan turun dan terus dinikmati oleh pelbagai lapisan rakyat di Negeri Selangor. Hulu Kelang amat menyokong perbekalan tambahan 2012 di bawah butiran pecahan kepala 10210-01-21001 pelbagai projek sebanyak RM28,000,000 bagi perbelanjaan lain-lain projek. Hulu Kelang mengesyorkan dan mencadangkan agar kerajaan negeri melaksanakan projek-projek di atas dengan menggunakan kaedah yang sama seperti pelaksanaan peruntukan MARRIS 2012 dan Geran Selangorku bagi infrastruktur iaitu dengan mendapatkan maklum balas daripada orang ramai di setiap DUN melalui saluran ADUN, Ahli-ahli Majlis, JKKK dan Ketua-ketua Masyarakat. Terima kasih Puan Timbalan Speaker, Hulu Kelang pohon menyokong.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik, terima kasih. Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang perbekalan tambahan dalam sidang dewan Negeri Selangor. Selamat petang, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia. Rang Undang-undang perbekalan tambahan dikemukakan untuk perbahasan ini dan saya memang setuju di atas perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan kerajaan negeri yang perlu selaras dengan kenaikan kakitangan Wilayah Persekutuan di bawah kerajaan persekutuan dan inilah salah satu yang saya nampak. Walau apa pun terpulanglah kepada rakyat jelata kita untuk menilai lah, tengok selain daripada perbelanjaan untuk menaikkan gaji atau upah kakitangan kerajaan dan jumlah lain itu dalam cara bentuk perbelanjaan yang lain. Sungai Pelek sebagai seorang wakil rakyat perlu menjalankan tugas untuk memastikan hasil negeri betul-betul bermanfaat kepada rakyat jelata di negeri Selangor dan segala hasil dibelanjakan dengan baik dan berhemah.

Puan Timbalan Speaker, hari ini Sungai Pelek ingin mengucapkan tahniah kepada Syarikat Talam. Kini yang dikenali sebagai Trinity. Syarikat Trinity di atas *skill* perundingan perniagaan luar biasa yang mereka tunjukkan kepada kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor. Dalam hal berkenaan dengan langkah mengutip, pengutipan semula hutang. Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor mendakwa bahawa kerajaan negeri telah membawa manfaat kepada rakyat negeri Selangor di dalam langkah mengutip semula hutang dengan Talam. Namun Sungai Pelek fikir pihak yang paling bijak dan mendapat paling banyak manfaat dan keuntungan ialah Talam. Kenapa Sungai Pelek sebut demikian, Puan Timbalan Speaker, Talam telah jual tanah pegangan pajak seluas 2263 ekar yang terletak di Bestari Jaya kepada kerajaan negeri Selangor pada harga RM80,000 seekar dengan nilai jualan RM181,000,000. Namun laporan penilaian bertarikh 11 Oktober 2010 oleh Mitra Value...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mencelah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Dan Property Consultant Sdn Bhd kepada Talam letakkan tanah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek, Sri Muda ingin mencelah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Dengar dulu, biar saya lanjutkan dulu. Kemudian saya bagi.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Sikit saja. Cerita ini dah basi. Cerita ini kita sudah sebutkan pada tahun 2009. Saya tak faham kenapa nak bangkitkan lagi soal ini, soal yang dah lama.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sekarang saya punya *Clause* nanti saya bagi you cakap. Puan Timbalan Speaker.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Benda ini tak ada kena mengena, 2009 dah diluluskan dalam sidang dewan ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda, Sungai Pelek tidak beri laluan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Kenapa waktu itu Sungai Pelek tak bangkit. Sekarang dah 3 tahun dah basi dah berulat baru nak bangkit dalam dewan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek dia tidak membenarkan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ini tanggungjawab saya dan pada 2009 itu adalah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengambil dan dilaksanakan *implement* hanya pada

tahun 2010 dan hari ini kita nampak apa yang sebenar berlaku Mitra Value and Property Consultant Sdn Bhd kepada Talam meletak tanah pegangan pajakan seluas 2263 ekar itu pada harga sebanyak RM139,000,000 atau RM60,000 seekor dengan syarat tanah itu bebas daripada sebarang bebanan. Laporan penilaian ini menjalankan bagi tujuan nilai harga pasaran tanah yang hendak dijual kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan langkah pengutipan semula hutang tersebut. Jadi dalam ini Talam telah berjaya menjual tanah itu dengan harga RM42,000,000 lebih tinggi daripada harga pasaran. Persoalannya yang saya hendak tanya Talam ialah bagaimana mereka dapat jual tanah pada harga yang lebih tinggi dari harga pasaran memandangkan bahawa tanah tersebut masih belum bebas dari bebanan dan juga masih digadai kepada institusi kewangan. Selain daripada itu, saya juga dimaklumkan bahawa daripada 2263 ekar tanah ini, kemungkinan sebanyak 1013 ekar iaitu 44% kepunyaan komplikasi seperti bawah ini adalah berdasarkan maklumat yang terdapat dalam laporan penilaian. 438 ekar tanah adalah tanah yang berada di luar di bawah air, yang apa yang ditunjukkan oleh Y.B Kuala Kubu Bharu semalam, gambar itu dan untuk tanah dan yang bakinya 575 ekar telah dinyatakan sebagai kawasan simpanan untuk hutan dan ekologi yang tidak banyak nilai komersil. Saya pasti ini cuma contoh yang saya tunjukkan sebidang tanah seluas 2263 ekar yang saya bawa dan saya pasti jawapan yang akan diberi adalah jumlah 13 bidang tanah kerajaan negeri mengambil alih daripada Talam di atas menyusul semula struktur pengutipan balik hutang. Saya rasa hairan sedikit lah kenapa kerajaan kita membelanjakan duit begini banyak dan tambahan RM42,000,000 untuk bidang tanah ini 2263 ekar sedangkan Syarikat Talam memiliki *skill* atau Syarikat Talam memiliki *skill* perundingan yang bagus atau kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor tidak tahu mengurus tadbir atau tidak tahu macam mana nak *bargain* dengan syarikat-syarikat berkenaan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Mencelah, nak mencelah lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya bagi.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Cuma bila orang *start* tu tunggulah. Sabar.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Baru hari ini nak ikut peraturan, sebelum ini tak ikut pun.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sri Muda, ok.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih, nak jadi guru hari ini sama seperti Batang Kali, sebelum ini pun masuk mencelah masuk macam tu juga. Apa pun

saya ucap terima kasih banyak. Persoalan saya ialah nak bangkitkan ialah berkenaan dengan hutang Talam ini. Kenapa selepas sekian lama hutang ini tidak dipungut oleh kepimpinan YB dari Sungai Panjang dulu, hari ini tiba-tiba Sungai Pelek, Kuala Kubu Bharu, Batang Kali beria-ia benar nak mengorek dan menceritakan tentang hal ini, padahal ia merupakan satu dakwaan palsu. Tuduhan ini tidak benar. Perkara ini ialah perkara yang dimanipulasikan oleh kerana MCA Selangor tidak mempunyai pemimpin hebat, ambil daripada Johor bawa ke Selangor bentangkan di sini. Ini tuduhan yang saya fikir tidak perlu kita jawab dan ia merupakan satu, saya belum habis lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker, saya dah bagi dah cukup.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Dah bagi platform, saya nak bagilah ni.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Cukup, cukup.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Soalan saya ialah soalan saya kenapa semenjak zaman Sungai Panjang mentadbir negeri Selangor waktu itu Sungai Pelek tak nak bangkitkan. Bangkitlah waktu itu cerita dengan dia, bagi tahu hutan ini tak dikutip, ratusan juta..

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk, duduk

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Kenapa tidak dikutip waktu itu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** OK duduk, duduk, Sri Setia, Sri Muda

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda

**YB TUAN YAP EE WAH:** Nampak muda jugalah. Sungai Pelek merupakan ADUN penggal pertama Sri Muda pun merupakan ADUN penggal pertama, jadi bila you tanya saya kenapa tak soal dalam waktu Barisan Nasional memerintah negeri Selangor, sama juga jawapan saya bagi kamu, kamu pun tak tanya pada waktu itu, kenapa tanya waktu sekarang..

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Saya

**YB TUAN YAP EE WAH:** Dah duduk, duduk saya dah bagi, duduk-duduk Puan Timbalan Speaker kita

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Puan Timbalan Speaker, saya pun tiada dalam Dewan ketika itu, kita ada wakil-wakil...

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda sila hormati.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Saya hormatlah tu tapi saya bagi tahu kita ada wakil walau kita tidak ada pemimpin muda yang duduk dalam Dewan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker, dia sambung lagi. Sambung lagi, sambung lagi

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker, dia pun tak itu

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Muda biar pihak kerajaan beri penjelasan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Nak pertikaikan orang lain sedangkan sendiri pun sama. Jadi bagi saya sendiri saya kemukakan, jika tidak benar Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan jawab nanti dan bukan tanggungjawab Sri Muda untuk menjawab.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teruskan perbahasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya rasa dia tak tahu fasal hal ini

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek, saya cadangkan terus ke perbahasan.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Ini fakta, saya nak jawab

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk, duduk saya tak pandang, saya pandang Puan Timbalan Speaker. Sri Muda duduk. Itu yang saya hairan. Sehingga hari ini Sungai Peleklah rasa pelek juga. Kita ada Penasihat Ekonomi Negeri Selangor dalam hal ini, sampai hari ini satu kenyataan akhbar ada pun tak ada, sama ada ini betul ke tidak, cubalah dan kita bagi peluang saya tanya untuk menjalankan tanggung jawab saya sebagai ADUN dan dapat baca dalam surat khabar, yang saya dapat maklumat dan saya kemukakan untuk Menteri Besar negeri Selangor peluang untuk menjelaskan kan elok. Kenapa ini disebutkan tuduhan, tuduhan, tuduhan sedangkan apa yang Barisan Nasional cakap selama 4 tahun lebih ni tuduhan dan kepada sebelah sana baik daripada PAS, Pakatan Rakyat, DAP

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencelah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** PKR, DAP duduk dulu sekejap, duduk dulu

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak ada DAP, Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ok, Ok

**YB TUAN YAP EE WAH:** Semua orang yang duduk sebelah sana semua betul. Yang dekat sini kononnya cakap semuanya tuduhan, fitnah apa ni janganlah, jangan menuding jari kepada orang saya mengaku, saya belum habis, duduk dulu

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Boleh,

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk dulu

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah-mencelah sikit

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk dulu, saya bagi. Saya mengaku manusia ni bukan *perfect* semua, sempurna semua melainkan Tuhan kadang-kadang lakukan kesilapan, tetapi dalam tiga tahun lebih, empat tahun ini kita menjalankan tugas kita tanggungjawab kita sebagai ADUN. Sungai Pelek setiap kali saya duduk di sini saya menjalankan tanggungjawab saya sebagai ADUN dan hari ini kita nampak kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang betul-betul yang dapat membawa negara kita pergi ke satu tahap yang lebih tinggi dan Perdana Menteri kita pun mengakui, tidak menafikan memang kerajaan baik Barisan Nasional, baik Pakatan rakyat manusia yang biasa kadang-kadang melakukan kesilapan. Jangan hanya nak mempertikaikan orang lain. Ok, saya ingin nak sambung kepada tajuk..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Mintak mencelah tadi. Dah habis tazkirah tadi nak mintak mencelah sikit.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Yang ini DAP ni kalau tak kacau Sungai Pelek atau MCA dia tak senang hati. Memang ..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah, mencelah sikit bagi ke tak bagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk dulu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pelek , Sekinchan duduk dulu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sebut-sebut MCA Sekinchan bagi-bagi

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Bagilah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Pasti bagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pelek ni, cuma saya mintak penjelasan tentang isu Talam yang panjang lebar oleh Sungai Pelek ni yang terkena tempias sebelahnya dengan *civil engineer* dari Kuala Kubu tu, yang terkena tempias tu, soal Talam, soal Talam ini. Saya cuma nak tanya satu, anak Presiden MCA dari Johor pada hari pertama menuduh kerajaan Selangor built out satu

*billion*, hari pertama, hari pertama, 1st day. Second day dia membuat pembetulan sikit angkanya jadi 42 juta. Apa pandangan, kenapa saham tu jatuh begitu mendadak? Tuduhan tu jatuh mendadak bagi satu jawapan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Bila kita adakan satu sidang Dewan semalam sahaja kan. Jangan menuduhlah bahawa MCA, KKB dengan Sungai Pelek tak boleh memberikan perbahasan isu Talam di dalam Dewan ini. Boleh, semalam kan KKB dah cakap hari ini saya sambung sedikit. Jadi yang Pusat nak buat tu biar Pusat buat kalau Sidang Dewan kita sebelum apa kenyataan yang dikeluarkan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya tanya apa pandangan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tunggu saya jawab..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Apa pandangan. Tak ada bagi jawapan. Apa pandangan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tunggu saya jawab. Tunggu-tunggu. Saya belum habis jawab, tak sabar-sabar Sekinchan ni. Kalau Sidang Dewan awal dari apa yang pucuk pimpinan MCA buat saya tak cakap, KKB tak cakap betullah. *And then* sekarang tanya pula satu juta apa pula. Saya sebut 42 juta, saya dapat jawab Sekinchan. OK. Kalau nak tanya tu tanyalah dengan Yang Berhormat Timbalan Menterilah. Jangan,jangan pandang hina sama MCA..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik Sungai Pelek. Saya ingin mengingatkan sebab ramai lagi yang ingin berbahas, saya ingin beri 20 minit setiap bahas.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ya, Ok. 20 ya. Inilah 20 minit nak cakap apa. Lagi satu yang saya nak cakap.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Fokus kepada perbahasan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ok. Lagi satu yang saya nak cakap. Satu kenyataan akhbar yang sudah dikeluarkan pada 10 bulan April. Ok. ‘Senior EXCO kerajaan negeri *mengambil tanah, mengumumkan pengambilan tanah di Daerah Sepang, 2 bidang tanah di Daerah sepang untuk menjadikan kubur bersepadu kepada penduduk di Selangor Selatan termasuk Wilayah Persekutuan*’. Ini yang saya baca apa yang senior EXCO kita cakap dalam sidang akhbar. Tapak yang terletak di Daerah Sepang No. 1 - 400 ekar. Cadangan kubur bersepadu 400 ekar di Pekan Sepang. Ini menang dekat Kampung Baru Sepang yang Sungai Pelek duduk. Rasa saya kalau tahunya kedudukan tanah ini, tahuolah macam mana keadaan di sekitar jalan Salak Tinggi ke Sepang. Rasa saya kalau tahunya kedudukan Pekan Sungai Pelek, Pekan Salak, Pekan Sungai Pelek, Pekan Salak, Pekan Sepang dan termasuk taman-taman, kampung-kampung tradisi yang mengguna pakai jalan Salak Sepang itu memang keadaan sesak. Satu lagi 100 ekar cadangan kubur bersepadu di Bandar Baru Salak

Tinggi menghala ke KLIA Airport. Jangan buat pertanyaan sebab Puan Timbalan Speaker sudah cakap 20 minit, so *please sit down* ibu angkat.

**YB PUAN LEE YING HA:** Saya sekali pun tak pernah tanya. Kali ini pertama kali saya nak tanya.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Biar saya *finish*, biar saya habis nak tanya tu tak masalah. Dua keping tanah ni jumlah 500 ekar letak di Daerah Sepang untuk dijadikan kubur bersepadu. Sungai Pelek tidak akan buat bantahan jika 500 ekar tanah ni untuk kegunaan penduduk di Daerah Sepang. Tetapi kegunaan tanah adalah untuk kegunaan rakyat di Selangor Selatan termasuk Wilayah Persekutuan. Kira-kira punya kira agak-agaklah 3 juta Selangor Selatan 2 juta Wilayah Persekutuan. Dalam 5 juta tu mengikut perangkaan, setahun 1.5% orang akan meninggal. Kali dengan 5 juta lebih kurang 75,000 setahun. Tak apalah kira 75 yang pergi yang *private* punya, yang persendirian punya *balance* 36,000 cukup tak. Dalam 36,000 tu maksudnya setiap hari tapak dua ni, dua tapak ni akan menampung sekurang-kurang 100 orang yang meninggal yang akan ditanam ditapak yang akan dicadangkan. Bayangkan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Minta mencelah.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Bayangkan Sekinchan. Saya tak izinkan Puan Timbalan Speaker, saya banyak isu lagi saya tak mengizinkan. Kalau Puan Timbalan Speaker bagi saya masa lebih panjang..

**YB TUAN NG SUEE LIM:** *Confuse, confuse* minta penjelasan.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Minta cadangan dari Puan Timbalan Speaker.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Cuma minta penjelasan tentang angka tu angka dari mana, macam mana nak tahu macam mana dikira mintalah sikit. Laluan

**YB TUAN YAP EE WAH :** Puan Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tambahan lagi 5 minit.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Saya habis, nanti saya bagi sama *you*. 100 orang akan tanam di tapak yang disediakan atau yang dicadangkan oleh kerajaan negeri. Baik waktu tanam, waktu orang menjalankan pengebumian tu katakan 10 pagi hingga 4.00 petang. Kebiasaannya Orang Chinalah, Orang Melayu tak, Orang India lain. Macam mana rupanya kesesakan lalu lintas itu. Cuba kita bayangkan sekarang keadaan kesesakan lalu lintas Salak ke Sepang tu memang tak boleh tahan dah. Tambahan lagi yang ini setiap hari tidak putus.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Nak mencelah sikit. Minta penjelasan.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Saya memang belum izinkan. Nanti saya bagi biar duduk dulu saya bagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM :** Janji ya.

**YB TUAN YAP EE WAH :** Ok, saya janji, saya bagi. 100 orang setiap hari nak pergi ke sana macam mana keadaan lalu lintas. Tambahan pula Daerah Sepang adalah satu kawasan yang terkenal kita ada KLIA, kita ada SIC, kita ada Sepang Gold Coast. Tahu tak Puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat setiap hari Sabtu Jumaat, Jumaat, Sabtu, Ahad pelancong daripada bandar-bandar mengikut Jalan Salak ke Sepang pergi ke Sepang Gold Coast. Pergi ke Pantai Bagan Lalang pergi ke Tanjong Sepat, sepanjang jalan tu satu, petani yang tanam *dragon fruit* tu buah naga itu memang menjalankan perniagaan yang baik dan bagus. Selain daripada itu, peniaga-peniaga dekat pantai Bagan Lalang, dekat Goldcoast, sama turut dapat menikmati apa yang dibuat oleh kerajaan dahulu untuk orang hari ini dan hari ini saya hairan kenapa pula tiba-tiba bawanya yang ini. Katakanlah kita nak buat pergi melancong, orang bandar memang sudah jump banyak di dalam bandar. Apabila hari Jumaat, Sabtu, Ahad tu, selalu pergi ke luar bandar. Kalau keadaan luar bandar pun macam ini apa nak jadi, nak pergi ke tak nak, rasa saya tak nak tu. Perniagaan, peniaga-peniaga di sepanjang jalan yang bermiaga *dragon fruit* yang jual buah-buahan pasti akan menjelaskan. Perniagaan di pantai Bagan Lalang, perniagaan Sepang Goldcoast pasti akan terjejas.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Yang saya hairan lagi, kenapa, kenapa Kerajaan Negeri nak bawa selain daripada luar daerah Sepang, Selangor Selatan punya penduduk termasuk Wilayah Persekutuan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya rasa orang daerah Sepang tak ada tanggungjawab untuk memikul beban yang berat macam ini. Hari ini penghijrahan, peluang kerja di daerah Sepang memang kurang, memang kurang dan penghijrahan pemuda untuk mendapatkan peluang kerja di...

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** KLIA, di Sepang Goldcoast, duduk, duduk

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Bagi laluan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Duduk, duduk, Di Sepang Goldcoast termasuklah Nilai, Enstek, Seremban, Kuala Lumpur dan Klang Valley. Kenapa boleh jadi begini, kenapa, dan hari ini datang lagi peluang projek macam ini. Kalau kerajaan negeri bawalah industri ringan ke, industri sederhana ke, industri pelancongan ke, saya angkat tangan dan angkat kaki, saya sokong. Saya sebut tadi, saya sokong 500 ekar tanah ni, kalau bagi kepada rakyat daerah Sepang saya tak ada bantahan tetapi saya bantah kalau kita bagi kepada penduduk khususnya di Wilayah Persekutuan. Saya tak tahu, saya fikir sendiri, Menteri Besar Yang Amat Berhormat kita adalah Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, senior EXCO yang buat kenyataan surat khabar adalah Ahli Parlimen Seputeh. Apa kena-mengena? Daerah Sepang ni dengan orang Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Bawa orang yang mati tanam di kawasan saya, di kawasan.....

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Satu minit lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Rasa saya ni memang tidak betul. Satu balas dendam politik yang saya anggap, balas dendam politik yang saya anggap kerana Parlimen Sepang dan 3 DUN di bawah Parlimen Sepang adalah kubu kuat Barisan Nasional. Perindustrian tak nak bawak, pelancongan tak nak bawak, bawak orang politik

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Kubu ke kubur?

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ini bukan satu balas dendam dan kemudian kedua-dua Ahli Parlimen tu akan balik ke kawasan

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan, minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Parlimen masing-masing, mengatakan kepada orang yang di sebelah sana

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Puan Timbalan Speaker, saya minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya akan selesaikan tanah untuk kamu

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta untuk penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Selesaikan tanah untuk kamu. Ini adalah

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Untuk kepentingan politik diri sendiri dan mengabaikan kepentingan khususnya daerah Sepang dan penduduk DUN Sungai Pelek.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Janji tadi, janji tadi, mencelah, janji tadi

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya memang

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Mencelah, sampai sekarang janjinya mana, janji ditepati, mana

**YB TUAN YAP EE WAH:** Puan Timbalan Speaker, boleh, boleh, nanti

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Janji ditepati, mana

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya nak minta izin Puan Timbalan Speaker, kalau boleh saya sambung saya bagi laluan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Janji mana, janji mana

**TIMBALAN PUAN SPEAKER:** Ini bukan pasar malam, minta runding-runding masa ya

**YB TUAN YAP EE WAH:** Bukan pasar malam ok, jadi ini sebahagian yang saya nak cakap, sebenarnya ada lagi. Saya ingin nak sambung lagi. Satu lagi kenyataan....

**TIMBALAN PUAN SPEAKER:** Satu minit sahaja lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Satu minit, nak minta 5 minit boleh tak? 5 minitlah Puan Timbalan Speaker. Satu lagi kenyataan yang dikeluarkan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Satu minit saya nak minta mencelah sebab janji ditepati,

**YB TUAN YAP EE WAH:** Saya bagi...

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Dia nak bagi satu minit, satu minit tambah, dia bagi tapi tak sebutlah

**YB TUAN YAP EE WAH:** Satu minitlah Puan Timbalan Speaker

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Ini dah lebih. Mencelah-mencelah

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tak, kalau 10 minit memang saya bagi.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Apa 5, mencelah-mencelah, itu soal mencelah-mencelah. Ok mencelalahlah

**YB TUAN YAP EE WAH:** Ok, saya sambung.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya tanya teruslah, saya nak tahu lagi orang yang mati

**YB TUAN YAP EE WAH:** Kenyataan daripada senior Exco Kerajaan Negeri

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Bagilah masa

**YB TUAN YAP EE WAH:** Kerajaan negeri menggunakan Akta Pengambilan Tanah di bawah UPEN untuk mengambil alih sebidang tanah, 2 bidang tanah No. lot 99 seluas 0.9981 ekar dan lot 100 No. 100 seluas 1.6234 ekar untuk kegunaan SJK(C) Chee Ming Sungai Pelek. Dalam kenyataan surat khabar tu yang saya baca, memang cantik, kata kerajaan Pakatan Rakyat menyelesaikan masalah pendidikan cina khususnya di kawasan DUN Sungai Pelek. Tetapi apabila yang saya baca dalam kenyataan surat khabar yang hujung sekali berbunyi begini “sama seperti kes yang lain kos perbelanjaan pengambilan dan kos ukuran tanah akan digantungkan kepada pihak sekolah tersebut”, maksudnya SJK(C) Chee Ming, Sungai Pelek, baik. Pengambilan tanah itu dijalankan oleh kerajaan negeri, bekukan tanah, tunggu SJK(T), SJK(C) Chee Ming Sungai Pelek mengumpul dana untuk membeli tanah yang ada, baru keluarkan notis, notis apa itu rasa saya Pejabat Tanah akan bagi tahu. Notis untuk mengambil tanah itu sekiranya SJK(C) Chee Ming dah ada dana untuk mengambil.

Daripada harga pasaran saya nak bagi tahu di sini kepada senior Exco yang ada dalam kenyataan akhbar satu ekar 300 iaitu tanah pertanian yang dimaksudkan. Tetapi jual beli 3 tahun yang lepas seekar tanah itu adalah sejuta lebih RM1 juta lebih dan bukan pada hari ini, seekar itu boleh jual RM300,000.00. Memang saya setuju kalau pengambilan itu diambil, dikuatkuasa oleh kerajaan negeri dan saya bercadang kalau betul-betul mementingkan pendidikan mandarin SJK(C), tunjukkan contoh. Selain daripada membekukan, mengambil tanah ini, carilah tanah sepenuhnya untuk membiayai sekolah ini, pengambilan tanah ni kerana selepas itu banyak lagi projek yang kena dibuat oleh pihak sekolah. Jadi biar kita jangan main politik, hanya satu *rhetoric* politik saya sudah menggunakan Akta 3(1)(a) untuk membekukan tanah, untuk tujuan SJK(C) Chee Ming tetapi duit susah cari. Orang kampung saya bukan main lagi tau *happy*, gembira tetapi apabila tengok, kaji, teliti, eh, kita kena cari duitlah, duit bukan 300 ribu yang disebut-sebut tu tau. Kita kena cari RM1 juta sekurang-kurang untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 1 ekar tanah yang sekarang diambil oleh, dibekukan atau yang nak diambil oleh kerajaan negeri. Bagi saya.....

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Puan Timbalan Speaker, minta laluan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Bagi saya inilah cara

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Satu pertanyaan

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kajang ingin mencelah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Inilah cara, sebelum Kajang saya bagi Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak balik pada soalan tadi sebab tunggu soalan tadi mengatakan orang yang mati dari Wilayah Persekutuan. Saya nak tanya sejak bila

orang yang dah mati ni ada kategori Parlimen mana nak ditanam ada kategori, ini penghuni hantu ke apa, saya nak tahu.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Memang tak ada pun, memang tak ada, memang tak ada sejak bila orang yang mati cari tempat untuk tanam, orang yang kaya boleh pergi Nilai Memory Park. Macam Sekinchan saya tak tahu mana dia nak pilihlah. Satu hari nantilah bukan sekarang, mungkin 2, 30 tahun lah. Walaupun kita tak sama parti. 20, 30 tahun cukup ha, cukup ha, cukup ha, Sepang, Sepang tak mengalu-alukan. Bagi saya Kerajaan Negeri perlunya cari tapak kubur ini di setiap daerah. Ini baru praktikal, setiap daerah tu wujudkan satu tapak kubur bersepadu untuk daerah tu. Satu; menyenangkan mereka pergi buat tanah bila sudah mati. Nombor 2; orang cina bila Chee Ming tu

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Penuh dengan kenderaan penuh dengan ahli keluarga pergi sembahyang kubur, betapa jemnya kalau ditumpukan, disatukan di kawasan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**YB TUAN YAP EE WAH:** Er... Kajang.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya tak bagi juga, saya

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Baik, terima kasih Timbalan Puan Speaker dan terima kasih kepada Sungai Pelek. Pertanyaan saya berkaitan dengan tanah yang diambil untuk sekolah atau kah Sungai Pelek tanah, tanah yang diambil untuk sekolah sepatutnya diambil, diminta oleh Suruhan Tanah Persekutuan, Suruhanjaya Tanah Persekutuan untuk sekolah. Ini adalah amalan biasa dan sepatutnya pihak persekutuan yang harus mengambil tanah untuk kegunaan sekolah dan oleh kerana masalah-masalah yang timbul kerana persekutuan tidak menjalankan tugas maka kerajaan negeri membantu pihak lembaga untuk dapatkan tanah.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Tadi saya dah sebut Kajang, selalu menuduh orang salah

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** 5 minit sahaja lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Itu kuasa siapa, kuasa kerajaan negeri. Saya dah cakap, niat kerajaan negeri untuk kepentingan pelajaran mandarin SJK(C) saya tidak pertikaikan kalaunya, kalaunya bidang tanah itu dibeku, diambil dan dibayar segala untuk sekolah itu oleh kerajaan negeri Selangor, saya tidak mempertikaikan, tidak Kajang, tidak. Jangan hanya bekukan dan minta pihak sekolah untuk mencari dana. Kami ni orang kampung bukannya orang bandar, bukan senang nak cari duit, bukan

senang. Saya tidak tahu samada senior Exco kita pernah pergi tengok tak bangunan sekolah SKJ(C) Chee Ming ini, memang cantik pun. Sehingga hari ini cantik lagi bangunan itu dan bukan apa yang dia sebut di dalam itu tak cukup ini, tak cukup itu, baik.

Tadi saya sampai mana dah. Inilah, hari ini saya bagi pihaklah penduduk di daerah Sepang khususnya DUN Sungai Pelek, saya harap kerajaan negeri akan mengkaji semula 500 ekar tanah kubur bersepadu di daerah Sepang yang dianggarkan RM300,000.00 seekar adalah merupakan RM100 juta duit untuk pengambilan tanah. Tanah yang dicadangkan oleh kerajaan negeri menjadi kubur bersepadu adalah bersebelahan dengan tapak kubur cina Hock Pek Sepang. Pada 2007 Jawatankuasa

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, satu minit lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Jawatankuasa Hock Pek kubur cina dah mohon dengan kerajaan negeri tambahan 10 hektar. Exco jumpa Exco ini jumpa, Exco tu jumpa sehingga hari ini tidak selesai dan saya difahamkan bahawa 10 hektar itu jadi 10 ekar pun jadilah jawatankuasa terkini, tetapi sehingga hari ini tak ada satu keputusan yang dibagi oleh kerajaan negeri kepada mereka. RM100 juta boleh ambil, 10 ekar hanya 3 juta tak boleh ambil dan ini adalah oleh, ini adalah tempat yang mereka sudah tanam dan ingin membesar tanah itu sahaja. Saya hairan macam mana boleh buat macam ini. Hari ini punya orang kita boleh duduk selesa dekat sini, kita boleh jalan dengan selesa, bebas tetapi hari ini kebanyakan orang lupa bersyukur, lupa bersyukur kepada diri sendiri, kepada society kita, kepada ibu bapa kita, kepada kerajaan kita. Saya terharu bila, saya tengok TV

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa dah sampai. Sila duduk ye, masa sudah sampai.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Seminit lagi boleh

**TUAN SPEAKER:** Saya dah bagi kata seminit, tadi Timbalan Speaker pun dah bagi 5 minit, kena adil. Saya ikut rekod kat sini dah setengah jam.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Sekian sahaja, terima kasih, Tuan Speaker dan rakan-rakan sekalian.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya hadkan untuk 20 minit setiap orang.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** 20 minit

**TUAN SPEAKER:** Ya

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Bangi berdiri untuk menyokong Enakmen Perbekalan Tambahan 2012. Bangi berpendapat bahawa pertambahan bekalan tambahan 2012 adalah wajar dengan melihat tentang pertambahan *reserve kerajaan negeri* yang telah melonjak daripada 2008.14 bilion kepada 2012 sebanyak RM2.1 bilion. Dengan pertambahan elau atau gaji kepada kakitangan yang dipecahkan kepada 12 bahagian daripada sejumlah RM120,115,327.23 adalah sesuatu yang wajar dan sesuai. Memandangkan kita tidak ber hutang tetapi kita mempunyai sumber kewangan yang mana jumlah tadi adalah sebahagian sahaja daripada jumlah RM2.1 bilion dalam *reserve kerajaan*. Kita berharap daripada pertambahan ini akan menghasilkan prestasi yang lebih cemerlang dari segi pentadbiran yang melibatkan 29 bahagian jabatan-jabatan dan berbagai-bagi lagi jawatan.

Kita berpendapat bahawa prestasi yang kita nak capai supaya adalah negeri Selangor menjadi contoh sebagai negeri model utama dalam pemerintahan di negeri Selangor ini baik dari segi pentadbiran, ekonomi dan juga di dalam berbagai-bagi segi. Pertambahan umpamanya kalau kita lihat Adun Bangi tidak akan menyentuh semua aspek oleh kerana masa terhad tetapi sebagai contoh) pertambahan kepada pejabat Menteri Besar iaitu sebanyak RM3,259,312.45. Kita harap ini akan memberi semacam insentif kepada pegawai-pegawai untuk bekerja dengan lebih kuat lagi dan dengan lebih efisien bahkan kita mengharap daripada mereka akan menjanakan idea-idea berasas yang boleh menjadi panduan terutama kepada jabatan-jabatan dan semua pihak di dalam negeri Selangor. Umpamanya kalau kita lihat idea yang mencetuskan ‘MES’ umpamanya sesuatu idea yang berasas yang kita banyak (ertinya kita gunakan dalam kerja politik kita) memperkenalkan ‘MES’ ini sendiri.

Kita mengharapkan juga akan tercetus lagi idea-idea yang lebih berasas daripada (terutamanya) peringkat paling tinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Selangor umpamanya kita mengharap ada umpamanya di sana ada ‘MIS’ ringkasnya Menjana Idea Selangor. Ertinya ada kelompok-kelompok akan terus berfikir (memberi pandangan-pandangan) yang berasas, yang dapat kita jana dan kita dapat jadikan dia sebagai suatu amalan kita kerana kalau kita dapat menemui sesuatu idea yang berasas sebenarnya dia adalah merupakan sumbangan intelek yang bererti/yang berharga kepada kita untuk kita lakukan.

Beginu juga umpamanya pertambahan kepada Dewan Negeri sebanyak RM259,386.36 juga kita mengharapkan daripada bahagian kakitangan di Dewan Negeri dapat memberi sumbangan idea kepada peningkatan Dewan Negeri itu sendiri. Umpamanya kalau kita

lihat kewujudan SELCAT, begitu juga kebebasan maklumat. Ini adalah cetusan idea yang bernes yang telah kita sumbangkan dalam dewan yang kita memang merasakan ini sesuatu yang amat berharga yang telah dapat kita wujudkan atau cetuskan daripada dewan ini sendiri. Barangkali di sana banyak lagi kita perlu kepada idea-idea yang bernes yang dapat dijanakan.

Sebab itu barangkali perlu kita ada ‘MIS’ itu sendiri (Menjana Idea bagi Selangor - MIS) menjana idea Selangor dan ini memerlukan kepada satu kelompok pemikir-pemikir baik dari peringkat Pejabat Menteri Besar ataupun pada peringkat Dewan Negeri Selangor ini sendiri yang dapat memikirkan pendekatan-pendekatan terbaik yang kita dapat cetuskan, yang kita menjadi pemimpin dari segi umpamanya pentadbiran dan juga dari segi perjalanan Dewan Negeri Selangor ini sendiri. Dan sebenarnya sekarang, kita pada hakikatnya memang sudah berada di hadapan baik dari segi pentadbiran negeri dan juga perjalanan Dewan Negeri Selangor itu sendiri.

Selain daripada itu, kita melihat umpamanya pertambahan-pertambahan peruntukan yang diberi. Katakan, pertambahan yang melibatkan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang merupakan kedua terbesar selepas daripada peruntukan perbendaharaan perbelanjaan am iaitu RM18,155,122, maka Jabatan Agama Islam adalah yang kedua jumlahnya iaitu RM15,550,833.05. Kita faham ertinya pertambahan yang banyak ini oleh kerana keterlibatan tugas yang begitu besar umpamanya melibatkan bukan saja pentadbiran di jabatan-jabatan yang ada di setiap daerah tetapi juga melibatkan pentadbiran masjid yang berjumlah sebanyak 386 buah masjid dengan surau pula (1,800 surau) dan juga termasuk sekolah-sekolah yang jumlahnya lebih daripada 600 buah melibatkan pelajar hampir RM1 juta dengan gurunya juga berjumlah ribuan guru. Dan ini melibatkan satu jumlah yang besar, tenaga yang besar dan peruntukan yang besar di samping pertambahan daripada peruntukan zakat sebanyak RM330 juta lebih.

Tetapi, kita melihat di sana ada lompong-lompong yang barangkali perlu diperbaiki. Kita melihat umpamanya (maaf terpaksa disebut) antara pentadbiran pejabat agama dengan EXCO Pendidikan umpamanya semacam tidak ada kerjasama atau keselarian atau pendekatan yang rapat. Kita melihat umpamanya EXCO Pendidikan hanya tertumpu kepada Sekolah Cina, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Tamil. Ini umpamanya kerja yang boleh melibatkan pendidikan ini tidak dijanakan secara bersama antara pendidikan di JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor) dengan EXCO. Jadi, oleh kerana pemisahan seolah-olah ada pemisahan ini semacam tidak ada keselarian dan ini merugikan dari segi kepentingan negeri itu sendiri dari segi pendidikan. Padahal, ertinya baik di bawah JAIS apa lagi yang di bawah EXCO Pendidikan, semuanya duit ini datang daripada negeri Selangor sendiri.

Sebab itu saya fikir ini perlu diperbaiki untuk kepentingan pendidikan di negeri Selangor ini sendiri supaya peruntukan yang begitu besar ertinya tidak hanya dihabiskan dengan barangkali boleh dipersoalkan dari segi hasil dan mutu pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan. Banyak perkara-perkara yang boleh diperbaiki jika ada kerjasama dan barangkali juga peruntukan ini kalau digunakan dengan lebih baik seperti melibatkan fizikal dan infrastruktur sekolah-sekolah yang memang kita dapati daif baik di mana-mana jajahan sahaja. Begitu juga umpamanya kita boleh perbaiki dari segi kurikulum pendidikan itu sendiri yang boleh meningkatkan prestasi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah berkenaan, latihan guru umpamanya barangkali boleh diperbaiki bahkan pentadbiran di Jabatan Agama Islam dari segi pendidikan itu sendiri. Ini kita tidak masuk dalam bidang-bidang yang lain. Jadi, barangkali dengan jumlah yang begitu besar yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri sebanyak RM15 juta tambahan ini kalau kita lihat dalam bajet tahunan sendiri, kedudukan peruntukan agama Islam ini berada pada perintah kedua lepas pada kerja raya dan sebagainya. Jadi, jumlah yang begini besar yang kita gunakan kalau dia tidak dapat memberi satu hasil yang baik barangkali merugikan kita sendiri.

Satu hal yang lain lagi, memang kita akui selepas pada kerajaan Pakatan mengambil alih pemerintahan negeri ini, maka kita telah memperbaiki dari segi pentadbiran masjid dan surau itu sendiri. Dan hasilnya kita dapati ertinya pemilihan-pemilihan pentadbir di masjid dan surau itu dibuat oleh rakyat itu sendiri. Hasilnya / ertinya perjalanan masjid dan surau maju, makmur, pendidikan-pendidikan berjalan lancar. Tetapi saya terpaksa sebutkan ada gangguan-gangguan tertentu perjalanan yang begini indah dan cantik dipilih oleh rakyat secara demokrasi ada gangguan yang menyekat atau disekat atau tersekat oleh beberapa sebab umpamanya barangkali penduduk tempatan itu sendiri yang tidak bersatu padu, yang berpecah belah. Yang ini kita alami. Ada beberapa masjid termasuk juga di tempat saya. Dan barangkali juga oleh gangguan-gangguan yang lain yang menyebabkan perjalanan masjid dan surau itu (terutama masjidlah) terganggu. Kita mengharapkan ertinya apa yang kita letakkan asas selama ini secara demokrasi. Ertinya pimpinan setempat / pimpinan bagi sebuah masjid dipilih oleh rakyat tempatan dihormati atas kehendak rakyat itu sendiri tetapi tidak ertinya diganggu.

Saya rasa dukacita umpamanya di tempat saya ada sebuah masjid (sebenarnya ada beberapa masjid tapi yang lebih teruk satu masjid), kita telah berunding setengah tahun. Maknanya kedua pihak ini agak itu tidak boleh berkompromi hingga akhirnya tiba pada peringkat akhir sepatutnya kita diberi maklumat ambil tandatangan kita, kita setuju tetapi pada akhirnya tidak dimaklumkan pada pemilihan peringkat akhir dari segi persetujuan, tiba-tiba diumumkan sahaja begitu. Jadi kita merasa kecil hati. Oleh kerana rundingan-rundingan yang telah dilakukan sebelum ini tidak dihormati / pemilihan oleh masyarakat tidak dihormati.

Jadi, sebab itu saya fikir sepatutnya kita memberi hak kepada rakyat setempat untuk memilih pentadbiran di tempat masing-masing. Oleh kerana masa terhad saya nak sentuh juga tentang PADAT (Perbadanan Adat Melayu dan Warisan). Jadi, ini amanah yang diberi kepada kita. Kita sebenarnya selepas amanah diberi ini kita cuba untuk memperbaiki PADAT ini sebaik mungkin. Kita mempunyai projek untuk membina muzium sukan (bukan membina). Dia sudah ada bangunan perpustakaan lama yang diserahkan kepada PADAT dan kita nak jadikan dia muzium sukan. Kita tidak mempunyai peruntukan. Bangunannya dah ada. Sebab itu kita mengharap (dalam pertambahan ini tidak ada peruntukan), kita harap pada masa hadapan dapat diberi peruntukan muzium sukan ini yang kita akan muatkan daripada sejarah sukan negeri Selangor yang agak cemerlang tanpa mengira kaum dan bangsa yang kita abadikan dalam muzium sukan itu. Kita mempunyai ruang yang banyak, tetapi setakat ini tidak mempunyai peruntukan.

Begitu juga kita nak membaik pulih rumah tradisi yang kita (tradisi Selangor), kita mencari-cari identiti Selangor dah lama Adun Bangi dengar tapi sekarang kita menemui rumah-rumah tradisi yang kita cuba mengabadikan. Rumah ini dah hampir runtuh dan kita nak bawa daripada Kuala Selangor ke medan di muzium ini (sedang berkira tempat yang paling sesuai) yang boleh menceriakan dia sebagai bangunan tradisi yang berunsur Melayu. Ertinya kita nak bawa di sini dan barangkali juga memerlukan kepada sesuatu peruntukan untuk membaik pulih rumah yang berkenaan.

Begitu juga kita mempunyai menjalankan projek cari gali. Projek cari gali ini saya ingat satu projek yang penting. Oleh kerana kita di negeri Selangor ni berhampiran dengan negeri Perak, kalau negeri Perak telah menemui ‘Perak Man’ yang berusia 11 ribu tahun (ini satu yang besar yang baru diiktiraf sebagai salah satu warisan dunia). Kalau dekat Perak dekat dengan kita, tak mustahil ertinya Selangor juga mempunyai

#### **TUAN SPEAKER: ‘Selangor Man’?**

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya? Mempunyai ‘Selangor Man’. Mungkin ya sebab tak jauh. Bukan mustahil. Barangkali ini perlu kita gali (cari gali) terutama di kawasan Klang kerana Klang ni dah lama disebut-sebut dalam manuskrip lama. Peta ini mencatatkan Klang dalam peta yang lama dia (1,000 tahun sebelum Masihi dia dah ada catat dah kenal Klang). Barangkali ada di bumi Klang itu ‘Selangor Man’ tapi ertinya kita kena kerjasama dengan pakar-pakar dari segi ertinya cari gali lah ya. Dan sebenarnya sekarang kita sedang berlatih-latih membuat cari gali di Kuala Selangor. Maaf di kuala Langat dan kita sebenarnya sebelum pada ini telah menemui syiling-syiling pada zaman pemerintah Sultan Sulaiman 1860-an begitu banyak syiling yang kita temui. Ini permulaan usaha kita, alhamdulillah telah berhasil. Dan sekarang kita sedang mencari gali di Kuala Langat atas bukit di Kuala Langat itu dan kita harap dapat menemui sesuatu sejarah. Lepas pada kita pelajari pada peringkat permulaan

kita nak pergi lebih jauh lagi nak mencari apa nin Selangor Man. Kalau bolehlah. Dan kita juga mempunyai apa ni, rancangan untuk membuka muzium Islam. Ini baru-baru ini minggu lepas kita telah diserah oleh pihak Jabatan Agama Islam sebenarnya ini adalah istana yang dibina 1912 oleh Sultan masa tu Sultan Sulaiman dijadikan istana hinggap, kemudian pernah di ambil alih oleh Jepun menjadi markas *military* dia, kemudian pihak PBT Kelang, kemudian Pejabat Agama paling akhir menggunakan bangunan ini saya ingat 1965 hingga 2010. Baru-baru ini kita terima dan kita mencadangkan untuk menjadikan bangunan ini sebagai muzium Islam kerana ia banyak berhubungan dengan yang bersifat Islam. Terutama di situ juga ada Kolej Islamnya, ada monumen-monumen yang berhubung dengan Islam, masjidnya dan sebagainya. Jadi kita juga berusaha, tetapi kita amat terhad dari segi peruntukan kewangan. Sebab itu kita harap dapat benda ini peruntukan untuk kita menggerakkan daya usaha ini. Kita sudah mengadakan kerjasama dengan pihak Universiti Malaya fakulti sastera yang berhubung dengan arkeologi dan mereka sedang berusaha mencari gali di Kuala Langat sebelum kita pergi lebih jauh lagi dalam bidang-bidang arkeologi yang lebih mendalam,

Selain daripada itu kita juga berharap untuk mengeluarkan penerbitan-penerbitan daripada PADAT itu sendiri. Kerana apa-apa hasil yang kita kaji kita perlu mengabadikan dalam penulisan. Kalau kita tidak tulis dia akan hilang begitu sahaja. Alhamdulillah setakat ini kita telah menerbitkan empat lima buah penerbitan dalam masa saya menjadi Pengurus ni kita telah berhasil menerbitkan dua buah buku. Antara nya masjid lama di negeri Selangor. Barangkali juga barangkali kuil dan sebagainya kita boleh keluarkan juga kalau ada pakar dan sebagainya. Rumah-rumah tradisi orang Cina dan sebagainya sebagai warisan ini kita perlu kepada kepakaran-kepakaran dalam bidang-bidang berkenaan. Jadi ertinya kalau kita mahu benda ini melonjakkan identiti Selangor dan kita maju dari segi kemajuan moden kita juga perlu menoleh ke belakang tentang tradisi yang ada di negeri kita. Kita tidak dapat menuju ke hadapan tanpa benda ini melihat ke belakang dan langkah pertama adalah gerakan kemajuan ke depan adalah bermula dengan langkah pertama. Dan kita sekarang sedang bergerak mulai dari langkah pertama. Dan kita harap apa yang kita lakukan ini akan benda ini mendapat tunjangan, bantuan daripada peringkat pihak negeri untuk memajukan Selangor dari segi aspek permuziuman adat dan warisan. Setakat itu, sekian.

**YB PUAN GAN PAI NEI:** Tuan Speaker.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan enakmen perbekalan

tambahan 2012. Sebelum saya mengulas lebih lanjut tentang penambahan perbekalan pada tahun ini ingin saya ingatkan wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional yang tadi asyik saya rasa mereka minat macam mana Kerajaan Negeri kita boleh bertambah, menambahkan rizab. Katakan kenapa tidak kita gunakan untuk pendidikan percuma. Tetapi ingin saya jelaskan di sini bahawa mereka juga adalah wakil rakyat untuk negeri Selangor yang mana sebenarnya Selangor ini selama ini menyumbangkan sebanyak RM16 bilion ringgit kepada Persekutuan setiap tahun dari segi bayaran bentuk cukai, tetapi peruntukan yang disalurkan kembali untuk pembangunan negeri Selangor hanya ialah semata-mata RM400 juta sahaja setiap tahun. Jadi kalau wakil rakyat Barisan Nasional betul utamakan rakyat, saya minta mereka jangan cabar kita beri pendidikan percuma, tapi cabar Kerajaan Persekutuan beri balik peruntukan itu kepada kerajaan negeri Selangor dan lebih banyak lagi program yang boleh kita laksanakan untuk rakyat di Negeri Selangor berdasarkan cukai yang setimpal kita bayar kepada kerajaan persekutuan. Jadi itu bukan soal kalau saya rasa dengan adanya dengan ini kita boleh laksanakan pendidikan percuma tak ada *problem*. Tetapi dengan syarat itu diberikan.

**YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Yang Berhormat minta minta laluan

**TUAN SPEAKER:** Nantilah Taman Templer, orang tengah cakap ini. Dah bangun pun tunggu dia habiskan cakap tu. Duduk dulu, duduk, minta pun, duduk dulu duduk dulu. Awak cakap dengan cara baik mencelah berdiri duduk dulu.

**YB DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker cakap dengan cara baik lah. Saya berdiri, baru berdiri. Mungkin terlepas pandang.

**TUAN SPEAKER:** Sila, sila Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Teruskan ya.

**TUAN SPEAKER:** Teruskan.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Okey. Walau bagaimana pun saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Tan Sri Khalid dan barisan EXCO kerana berjaya meneruskan dasar merakyatkan ekonomi negeri Selangor ini yang berpaksikan kepada kepedulian kepada rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, tadi Sungai Burong bangun.

**YB DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Benarkan tak.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Okey saya benarkan.

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**YB DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Saya hendaklah penjelasan sama ada Rawang tahu selain peruntukan secara langsung yang diberikan oleh kerajaan persekutuan, kerajaan persekutuan banyak membelanjakan pelaburan di negeri Selangor termasuk pembangunan infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam, seperti jalan raya *highway*, *airport* dan sebagainya. Saya ingat jumlah peruntukan atau pun perbelanjaan yang disumbangkan kepada kerajaan kepada negeri Selangor membolehkan negeri Selangor ini menjadi sebuah negeri yang makmur dan juga menjadi tarikan yang begitu banyak kepada rakyat negeri luar datang ke Negeri Selangor termasuk juga daripada luar negara. Jadi saya ingin menjelaskan sedarkah Rawang bahawa peruntukan yang telah diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada negeri Selangor ini jauh lebih banyak jika dibandingkan sebagaimana yang dibayangkan tadi selain daripada peruntukan secara langsung daripada cukai yang diberikan oleh rakyat.

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Saya rasa infra, *airport* semua ini sama ada beri kepada syarikat atau konsesi besar atau pun kepada rakyat, saya rasa rakyat sendiri boleh nilai. Tetapi yang pentingnya saya rasa dalam perlembagaan persekutuan kita ada menyatakan apa tanggung jawab kerajaan persekutuan, apa tanggung jawab kerajaan negeri. Jadi kalau yang cukai yang diberi itu patut di beri balik kepada negeri Selangor itulah patut kerajaan persekutuan laksanakan. Tapi paksinya penting ini tidak kira Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional ini adalah wang rakyat. Patut kita gunakan balik untuk rakyat. Tidak patut kita pertikaikan persekutuan atau negeri, tapi wang itu mesti digunakan kembali untuk rakyat.

Jadi saya ingin gambarkan bahawa dasar ini harus diteruskan dengan usaha bersepada dengan semua pihak bagi membantu rakyat daripada golongan yang memerlukan melalui sistem yang telus dan cekap tanpa melalui birokrasi yang terlalu banyak supaya rakyat boleh terus menikmati hasil dan manfaat negeri ini.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Aspek keselamatan telah memang menjadi semakin runcing dan membimbangkan. Baru-baru ini kita nampak banyak kes rompakan yang berlaku termasuk di tempat-tempat letak kereta, *shopping center* dan sebagainya. Walau pun Menteri Dalam Negeri telah menolak tawaran kerajaan negeri Selangor untuk menempatkan polis bantuan untuk mengurangkan kadar jenayah dan menjaga keselamatan warga negeri Selangor, namun saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan negeri Selangor supaya menggunakan ataupun memperuntukkan sejumlah wang negeri yang sedia ada untuk mengujudkan satu dana keselamatan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan melalui Jawatankuasa Bandar

Selamat yang sedia ada untuk kita menaik tarafkan ciri-ciri keselamatan infrastruktur khasnya seperti memasang *spot light*, lampu-lampu jalan di tempat-tempat awam yang gelap. Untuk makluman semua saya baru semak dengan Jawatankuasa Bandar Selamat yang ada di MPS. Tahun ini sahaja mereka cuma ada peruntukan lebih kurang lima belas ribu daripada dua puluh ribu untuk melakukan kajian sahaja. Itu memang tidak mencukupi sebab ada permohonan dan permintaan yang tinggi daripada *community* tempatan untuk menambahkan ciri-ciri keselamatan di tempat yang mereka duduki ini memandangkan kadar jenayah semakin meningkat. Walau pun pihak polis dan pihak Menteri Dalam Negeri asyik katakan KPI untuk kadar jenayah telah ditepati, tetapi realitinya yang kita terima maklum balas dari *community* tempatan, hari-hari mereka kata tidak kira di luar, duduk dalam rumah pun pencuri masuk. Macam mana mereka mahu tingkatkan semua ini. Jadi saya cadangkan untuk Kerajaan Negeri peruntukan satu dana kepada Jawatankuasa Bandar Selamat ini khasnya dalam aspek meningkatkan tahap keselamatan seperti lampu jalan di tempat yang gelap dan sebagainya untuk PBT. Dan saya juga ingin mencadangkan bahawa dana keselamatan ini harus terbuka kepada persatuan penduduk, rukun tetangga ataupun NGO-NGO yang selama ini menganjurkan dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti menjaga keselamatan di *committee* mereka.

Rawang juga ingin mengetahui status terkini tentang PBT manakah yang telah menujuhkan Jawatankuasa Teknikal Orang Kelainan Upaya iaitu OKU bagi merancang dasar di setiap PBT untuk mengujudkan suasana persekitaran yang bebas kekangan *free barrier* dengan izin dan senang diakses oleh golongan kelainan upaya. Rawang ini mencadangkan supaya setiap PBT membuat laporan audit kemudahan OKU dengan izin dengan adanya peruntukan daripada kerajaan negeri untuk mengenal pasti sejauh manakah perancangan perbandaran yang sedia ada ini adalah mesra OKU dan cadangan pembaikan yang perlu dilaksanakan. Dan kalau perlu dari semasa ke semasa sebenarnya Ahli Jawatankuasa yang duduk dalam Jawatankuasa ini perlu diberi latihan dan informasi dan juga sokongan supaya mereka boleh *up to date* dengan izin dengan keperluan golongan-golongan OKU ini dalam negeri Selangor ini.

Rawang juga ingin menyentuh tentang kos zon bersih ataupun zon hijau yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Pandamaran sebelum ini. Pembersihan dan pengurusan sisa pepejal merupakan satu aspek yang penting bagi menjamin kesejahteraan komuniti tempatan. Kerajaan negeri perlu ujudkan satu perancangan yang lebih holistik yang memberi penumpuan kepada mengambil alih aspek pembersihan daripada Alam Flora dan memulihkan tapak pelupusan sampah. Malahan saya ingin mencadangkan supaya industri sisa pepejal ini perlu distrukturkan semula dengan sama ada menujuhkan satu konsortium ataupun satu badan yang mana boleh ditugaskan untuk memungut, memantau dan mengisar semula sisa pepejal yang dikutip. Konsep zon bersih yang mana kita nampak sekarang lebih kepada

membersihkan sampah sepatutnya diintegrasikan dengan zon bersih, zon hijau dan saya cadangkan dengan satu nama yang kita panggilkan zon mampan iaitu *sustainable zon* yang mana kita dengan izin supaya fokus kepada *innovative* untuk menggabungkan sumber alam sekitar, seperti air, solar serta sistem pepejal yang ada dalam sesbuah komuniti itu untuk mengujudkan suasana persekitaran yang mampan. Kempen kesedaran kepada masyarakat umum untuk mengasingkan sampah, menjalankan kompos di rumah, mengitar semula sampah yang dibuang dan dikutip untuk menjaga alam sekitar haruslah dipergiatkan. Hasil sampah yang dikutip ini seharusnya boleh di kitar semula seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang tadi. Sebenarnya minyak masak juga boleh dikitarkan semula. Dan ada contoh di Taiwan yang mana kerajaan tempatan mereka sendiri mengumpul minyak masak nanti dibuat sebagai sabun untuk dijual semua. Jadi sebenarnya semua ini sebagai idea kreatif supaya kita boleh hasilkan barang yang mesra alam dan seterusnya dijual untuk satu sumber ekonomi baik untuk ekonomi tempatan atau pun untuk kerajaan negeri Selangor.

Dengan ini saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri juga menambahkan peruntukan untuk alam sekitar supaya kempen-kempen kesedaran seperti forum hijau, boleh diadakan di setiap DUN di negeri Selangor. Sebagai contoh pada tahun lepas Rawang juga telah mengadakan forum ini supaya kita boleh mengadakan satu sesi dialog antara EXCO dengan penduduk-penduduk tempatan, dan banyak idea sebenarnya dilontarkan semasa sesi forum tersebut dan juga menunjukkan keprihatinan rakyat kita terhadap isu alam sekitar di tempat tinggal mereka, mereka telah membangkitkan isu tentang pembangunan di cerun bukit, macam mana mereka bersama-sama boleh melibatkan diri dalam kempen-kempen alam sekitar yang dijalankan oleh kerajaan negeri Selangor.

Usaha seperti ini perlu diteruskan supaya rakyat memahami polisi kerajaan yang sedia ada dan seterusnya melibatkan diri untuk bersama-sama melindungi alam sekitar di Selangor, dan seperti juga di Kajang pada tahun ini sempena hari bumi juga diadakan karnival, dengan kampung-kampung di kawasan Kajang. Ini adalah satu ciri atau program yang kita melibatkan komuniti yang saya rasa begitu penting dalam kita mewujudkan satu sistem yang kita panggilkan demokrasi penyertaan iaitu parti dengan izin yang mana kita melibatkan rakyat dalam segala aspek membuat keputusan dan terus melibatkan mereka dalam tenaga yang semua kita cadangkan ini. Dan Rawang juga sebenarnya menyokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bangi tadi, yang mana kita juga perlu memberi aspek penekanan kepada warisan budaya dan sebagainya. Selangor sebagai sebuah negeri yang maju, kita mahu maju bukan sahaja dari segi infra tetapi yang paling pentingnya inti pati dan rakyat tersebut yang mana kita mahu lahirkan satu masyarakat yang bukan sahaja berilmu, berbudaya yang mana penting mereka boleh juga gunakan semua ini untuk pembangunan masyarakat dan

negeri kita. Jadi rakyat Rawang menyambut baik usaha kerajaan negeri Selangor yang telah mewujudkan Tabung Pendidikan Anak-anak dan Badan-badan Berkanun negeri berjumlah 10 juta pada bulan Mac tahun ini untuk memberi biasiswa, dermasiswa dan bantuan kepada warga kerja anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor dan anak-anak mereka yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, tetapi saya ingin tahu kalau boleh kerajaan negeri memberi penjelasan tentang berapa ramai orang kah? yang telah mendapat manfaat-manfaat daripada tabung ini.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri Selangor juga membuka tawaran biasiswa ataupun pinjaman tabung ini kepada orang awam khasnya orang muda memandangkan permintaan untuk permohonan adalah begitu tinggi, seajar dengan dasar kerajaan negeri Selangor yang hendaklah melahirkan warga yang berilmu, saya sendiri juga selalu berjumlah dengan ibu bapa yang mana anak mereka mahu melanjutkan pelajaran sama ada tempatan atau luar negara tetapi menghadapi maksudnya dari segi kekurangan biasiswa untuk anak-anak mereka meluluskan pendidikan yang lebih tinggi.

Jadi saya berharap tabung ini juga boleh terbuka kepada mereka yang lebih memerlukan, bukan sahaja terhadap kepada warga kerja anak-anak syarikat dan juga anak-anak mereka tetapi terbuka kepada semua anak Selangor, dan mereka yang telah menamatkan pengajian melalui tabung ini saya cadangkan juga harus ditawarkan peluang pekerjaan yang berbentuk kontrak untuk mereka bekerja dengan anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor dan agensi-agensi kerajaan negeri Selangor supaya ilmu kepakaran mereka boleh di gharab dan sumbangkan balik kepada pembangunan masyarakat dan negeri Selangor.

Selain itu, Rawang juga menyambut inisiatif kerajaan negeri Selangor dengan baik untuk mengadakan *wi-fi* percuma di seluruh negeri Selangor, Namun saya rasa dan saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan negeri Selangor supaya usaha ini disegerakan. Nampaknya kalau ikut jawapan yang diberi sebelum ini tahun 2015 sahaja seluruh tempat-tempat awam di negeri Selangor akan dilengkapkan dengan *wi-fi* percuma, tapi kalau boleh kita harap tahun ini semua tempat ini disiapkan ya..khasnya di kawasan-kawasan awam dan mungkin kalau ada keperluan pihak Kerajaan Negeri perlu tambahkan peruntukan untuk kita segerakan projek *wi-fi* percuma ini yang mana saya nampak amat memberi manfaat dan mendapat sambutan yang baik khasnya di facebook saya sendiri pun selepas pengumuman kerajaan negeri, hari-hari kita ditanya bila *wi-fi* akan sampai ke DUN kita masing-masing, yang mana saya mohon kalau boleh pihak kerajaan negeri boleh segerakan usaha ini. Rawang ingin mencadangkan info desa iaitu satu kawasan lap komputer yang sedia ada boleh dikaji bilangannya yang ada sekarang dan diadakan kelas komputer percuma untuk warga desa bagi kita merapatkan jurang informasi ataupun teknologi yang ada antara bandar dan desa yang ada sekarang.

Dan kerajaan negeri juga saya ingin mencadangkan kalau boleh memberi komputer secara percuma kepada pelajar-pelajar ataupun keluarga yang miskin yang kurang mampu yang mana mereka juga menghadapi kesukaran, kurang mampu dan miskin untuk dapatkan beli komputer supaya mereka juga boleh memberi manfaat daripada dasar kerajaan untuk mengurangkan jurang informasi yang sedia. Akhir sekali saya sebenarnya menyambut baik penyelaras emolumen ataupun gaji yang mana mengambil kurang 30% daripada pembekalan tambahan kita, tetapi saya juga ingin memohon supaya pihak kerajaan negeri supaya memberi perhatian kepada kerani kawasan setiap ADUN yang bertugas sekarang. Saya ingin mengambil kesempatan supaya mencadangkan supaya kerajaan negeri juga mengkaji semula kadar gaji kerani kawasan setiap ADUN yang ada sekarang, memandangkan tanggungjawab mereka sudah meningkat. Untuk makluman semua gaji kerani kawasan kita sekarang lebih kurang RM1,400 sahaja, tambah tolak dengan kolar, ini di bawah garis kemiskinan yang ditentukan oleh kerajaan negeri Selangor yang kita katakan satu RM1,500 itu, tetapi yang pentingnya yang ingin saya tekankan kenaikan gaji ini kita bukan minta dengan secara buta tuli, tetapi kita nampak prestasi yang mereka buat selama ini, yang mana mereka berkhidmat kepada masyarakat yang penting beban kerja mereka sudah meningkat dengan program Jom Shopping yang kita adakan bukan sahaja untuk golongan usia emas, tetapi sekarang Jom Shopping untuk anak-anak TAWAS, jadi yang ini kita minta supaya kadar gaji mereka dikaji semula, sejajar dengan hasrat kerajaan negeri yang menjaga kebijakan rakyat dan juga sejajar dengan prestasi kerja tidak kira kita punya pegawai kakitangan kerajaan awam dan juga pegawai kita yang telah berkhidmat dan kalau boleh dari masa ke semasa kita membuat latihan dan menawarkan latihan kemahiran dan *training* sumber manusia kepada kerani-kerani kawasan kita supaya mereka boleh sentiasa menawarkan perkhidmatan yang terbaik dan mesra rakyat. Sekian sahaja Rawang menyokong Enakmen tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Terima kasih Tuan Speaker, isu pertama yang Subang Jaya mahu bangkitkan mengenai perbelanjaan pembekalan tambahan pertama 2012 ialah prestasi agensi kerajaan dan anak syarikat kerajaan, dengan penambahan gaji rakyat Selangor mahu melihat perkhidmatan yang lebih cemerlang daripada mereka, prestasi Pejabat Daerah Tanah terutamanya Pejabat Daerah Tanah Petaling mesti diperbaiki, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun ke DUN Bukit Gasing untuk mengadakan dialog bersama penduduk mengenai isu pembaharuan pajakan tanah, skim pembayaran premium tanah, dan caruman perkuburan. Daripada maklum balas yang kita terima malam itu, penduduk kecewa dengan masa yang telah diambil oleh Pejabat Daerah Tanah Petaling untuk memproses permohonan mereka, ada yang diberi alasan fail masih tidak dapat dicari kerana Pejabat Tanah berpindah ke tempat baru, pemindahan ini kalau tidak silap saya

sudah melebihi satu tahun, saya ada beberapa contoh kes yang telah dimaklumkan kepada saya surat peringatan telah pun saya hantar tetapi masih belum menerima maklum balas.

Kes pertama, Heng Juen Cheng, dokumen dihantar Ogos 2011, sehingga hari ini tiada maklum balas, kes kedua, Kor Weng Yu permohonan dihantar Februari 2012, bayaran satu ribu telah dibayar masih tiada status, ketiga Johan Tung Abdullah sejak Februari 2012 permohonan telah dihantar tak ada maklum balas, yang kelima pun sama. Terdapat juga penduduk Subang Jaya yang tidak menerima bil cukai tanah mereka, apabila ditanya ini jawapan daripada Pejabat Tanah Daerah Petaling, berkenaan alamat di bil hasil tanah yang bertukar ke alamat lama, hal ini disebabkan pertukaran bentuk hak milik daripada sementara kepada kekal.

Untuk makluman sistem cukai dan sistem geran adalah dua sistem berbeza yang tidak berhubungan, apabila pertukaran bentuk hak milik tersebut berlaku, alamat di bil hasil tanah akan dikemas kini mengikut alamat di dalam geran, kebanyakan alamat dalam geran menggunakan alamat yang lama iaitu alamat dalam SMP, oleh itu mohon pemilik tanah mengisi borang 26A borang pertukaran alamat dan dihantar ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor supaya alamat terkini dapat di kemas kini dalam bil hasil tanah.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh memastikan sistem cukai dan sistem geran diselaraskan supaya bil cukai tanah sampai kepada rakyat, kalau bil tak sampai bagaimana cukai dapat dikutip dengan efisien, sehingga hari ini masih ramai penduduk yang tidak tahu lokasi baru pejabat Daerah Tanah Petaling, dan memang menyusahkan penduduk untuk mengisi borang 26A untuk tukar alamat disebabkan pertukaran bentuk hak milik daripada sementara kepada kekal. Saya berharap Pejabat Daerah Tanah Petaling boleh memperbaiki sistem dan prestasi perkhidmatan mereka dengan penambahan gaji servis mesti juga ditingkatkan.

Berkenaan dengan agensi anak syarikat kerajaan ataupun GLC Negeri Selangor saya berharap pimpinan GLC-GLC ini boleh [ *fine tune* ] cara mereka membuat *business* supaya ia mencerminkan prinsip-prinsip kerajaan negeri yang cekap, telus dan akauntabiliti kepada rakyat. Di sini saya ada menerima satu aduan daripada Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor yang mengatakan bahawa pihak PKNS dalam urusan pindah milik suratan hak milik strata tanah telah meminta bayaran RM50 tunai setiap transaksi untuk PKNS memproses permohonan kebenaran pindah milik, pihak peguam telah meminta resit untuk bayaran untuk lima puluh ringgit ini tetapi mereka tidak diberikan resit, ini tidak mencerminkan prinsip ketelusan kerajaan negeri. Saya berharap kerajaan negeri boleh memberi satu jawapan mengapa resit tidak diberikan kepada orang awam.

Yang keduanya juga berkaitan dengan PKNS, baru-baru ini kes cadangan memajukan padang PKNS di Kelana Jaya telah menerima bantahan yang sangat kuat kepada penduduk setempat dan seluruh proses sebelum menghantar permohonan tidak berbincang dahulu dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Setia, supaya tahu maklum balas dan hasrat penduduk setempat, penukaran zon rancangan tempatan juga tidak dapat dijalankan mengikut undang-undang, ini telah memberi satu gambaran yang cukup tidak baik kepada kerajaan negeri, jadi saya minta bukan sahaja PKNS tetapi GLC yang lain juga harus memberi perhatian dalam perkara ini, dan saya menggesa supaya pihak kerajaan negeri memberi petunjuk *good practices* kepada GLC-GLC ini.

Untuk Jabatan Kerja Raya Selangor pula, saya berharap tenaga kerja yang secukupnya boleh diberikan kepada JKR Petaling, kerana mereka meliputi kawasan yang luas dan padat penduduk, selalunya dengan adanya aduan mengenai lampu jalan rosak, lampu isyarat rosak, jalan berlubang, JKR Petaling tidak dapat mengambil tindakan yang cepat. Kerajaan negeri harus memberi peruntukan untuk mengupah lebih tenaga kerja untuk JKR Petaling.

Untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa pula, berikutan pendedahan dan pendengaran awam [ RTPJ 2 ] saya berharap Jabatan Perancangan Bandar dan Desa boleh mengkaji balik semua kelulusan kebenaran merancang yang telah diberikan kepada pihak pemaju yang tidak mengikut plot ve show yang telah diwartakan dan melapur balik kepada Dewan ini kes-kes sebegini. Pembangunan yang tidak mampan mesti dihentikan saya juga mahu pihak PBT dan Jawatankuasa Perancang Negeri untuk berani membatalkan sebarang kebenaran merancang yang tidak mengikut perancangan tempatan ataupun seperti dalam kes Dorsett seperti di SS 12 Subang Jaya, apabila pemaju menjual bilik Hotel mereka dan ini tidak menepati kebenaran merancang yang telah diberikan.

Untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor pula saya melihat dalam bajet tambahan ini kerajaan negeri memperuntukkan Sepuluh juta enam ratus ribu untuk bencana alam. Saya difahamkan untuk daerah Petaling kita masih belum mempunyai pelan tindakan banjir, saya berharap kerajaan negeri dapat memperuntukkan bajet yang lebih tinggi memandangkan kerajaan persekutuan telah menyekat peruntukan mencegah banjir untuk JPS Selangor. Mencegah lebih baik daripada merawat, saya juga mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada JPS Selangor status pemasangan kunci air dan pemasangan siren untuk kawasan USJ 1 bila projek ini akan dilaksanakan.

Untuk caruman kepada wang pembangunan pula, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberikan peruntukan kepada sekolah *mission* dan bukan sahaja untuk sekolah agama, sekolah cina dan sekolah Tamil. Saya juga berharap peruntukan

MARRIS untuk setiap DUN untuk ditambah lagi setiap tahun. Sememangnya RM1 atau RM2 juta memang tidak mencukupi untuk menurap jalan-jalan yang lama terutamanya di kawasan DUN Bandar yang mempunyai kawasan perumahan yang cukup luas. Sekarang ini di Subang Jaya, saya hanya berani memilih jalan-jalan utama untuk diturap. Kerana jika saya memilih jalan-jalan perumahan contohnya Jalan/1 untuk diturap, Jalan/2, Jalan/3, Jalan/4 dan seterusnya akan mempersoalkan kenapa jalan mereka tidak dipilih. Dan kami mempunyai beratus-ratus jalan yang sebegini yang perlu diturap. Dengan adanya *feedback* daripada ADUN, jalan-jalan yang mempunyai banyak aduan boleh dipilih untuk penurapan berdasarkan maklum balas penduduk. Saya difahamkan ada kawasan yang tidak pernah diturap selama 20 tahun. Dan apabila ADUN Bukit Lanjan melawat penduduk beliau, ada yang cukup gembira dengan projek MARRIS ini sehingga ADUN dipeluk-peluk kerana terlalu gembira.

PBT – PBT telah gagal memperuntukkan bajet yang mencukupi untuk tujuan pembangunan infrastruktur. Saya difahamkan untuk DUN Subang Jaya di bawah bajet MPSJ hanya lebih kurang RM600 ribu sahaja yang telah diperuntukkan untuk tahun 2012. Jadi saya meminta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya menyalurkan RM3 juta ataupun RM4 juta setiap tahun khas untuk memperbaiki jalan. Saya juga mahu EXCO PBT melaporkan kepada Dewan ini jumlah wang yang telah dikutip hasil daripada kelulusan pembinaan *Unipole* dan *Billboard* di MPSJ. Di DUN Subang Jaya, *Unipole* yang besar telah dibina di rizab jalan yang cukup dekat dengan sekolah di SS15, di rumah SS18 dan SS17 di Persiaran Tujuan. Adakah ini pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri dan adakah kerajaan negeri setuju dengan pendekatan ataupun kelulusan yang telah diberikan kepada syarikat *Unipole* ini tanpa *consultation* dengan izin. Subang Jaya mahu kerajaan negeri mendedahkan secara telus hasil kutipan *Unipole* dan *Billboard* – *billboard* ini. Saya juga mahu kerajaan negeri melalui Geran Selangorku membina satu jejantas menghubungkan USJ 13 ke USJ 11 di Persiaran Tujuan. Ini melibatkan isu keselamatan para pelajar SMK USJ 13 dan ini kali ketiga saya telah bangkitkan dalam Sidang Dewan yang mulia ini. Saya berharap pembinaan jejantas ini boleh ditunaikan oleh kerajaan negeri kerana MPSJ tiada bajet tetapi lukisan dan pelan terperinci telah pun disediakan oleh mereka. Anggaran kos jejantas RM651 ribu. Memandangkan Persiaran Tujuan antara laluan kepadatan trafik yang tinggi, kaedah untuk meletakkan sistem lintasan pejalan kaki adalah tidak sesuai kerana akan menyebabkan kesesakan lalu lintas. Saya juga telah diberitahu bahawa baru-baru ini ada protes di depan Bangunan SUK untuk kes tanah Matang Pagar. Dan saya telah menerima aduan daripada pihak NGO yang terlibat bahawa mereka menunggu lama di bawah cahaya matahari yang terik dan pintu SUK ditutup. Saya faham mungkin isu ini melibatkan isu sekuriti. Tetapi penduduk berasa ini kurang mesra penduduk. Dalam keadaan matahari yang terik dan kena tunggu lama untuk maklum balas daripada pihak kerajaan negeri, mereka teringat pula waktu pentadbiran di bawah Barisan Nasional dahulu yang bersifat tidak menghiraukan

penduduk. Oleh itu saya meminta di bawah Geran Pendemokrasian satu bajet diperuntukkan untuk pembinaan satu dataran demokrasi yang selesa berdekatan pagar SUK untuk membolehkan penduduk menyuarakan sebarang ketidakpuasan. Dataran ini seperti satu *speakers corner* untuk rakyat Selangor. Saya berharap cadangan ini boleh dipertimbangkan.

Dan akhir sekali Subang Jaya mahu kerajaan negeri mengambil tindakan undang-undang terhadap The Selangor Times yang telah pun dilancarkan baru-baru ini oleh Dato' Seri Mohd. Zain Mohamad yang merupakan koordinator Barisan Nasional Selangor. Selangor Kini, kita ditiru oleh Barisan Nasional menjadi Selangor Terkini. Dan sekarang Selangor Times menjadi The Selangor Times. Ini sememangnya satu usaha untuk mengelirukan rakyat Selangor yang telah biasa membaca surat khabar Selangor Times, akhbar komuniti yang diterbitkan setiap Hari Jumaat.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Minta laluan.

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Ya.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih kepada jiran saya, Yang Berhormat Subang Jaya. Seri Setia cuma hendak bertanya mengapa mereka perlu menggunakan strategi tersebut sedangkan mereka sudah ada akses kepada media arus perdana?

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Saya rasa jumlah pembaca untuk *main story media* telah menurun dan mereka harus meniru cara *our success story* untuk mempertingkatkan *readership* mereka. Subang Jaya mahu meneruskan. Ini sememangnya satu usaha untuk mengelirukan rakyat Selangor yang telah biasa membaca surat khabar Selangor Times. Dan apabila saya membuka laman The Selangor Times ini oleh Barisan Nasional

**YB TUAN PENGERUSI:** Yang Berhormat Sri Muda.

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Terima kasih Subang Jaya. Jiran juga di. Seri Setia jiran Subang Jaya dan saya pun jiran dengan Subang Jaya. Soalan saya ialah berkenaan dengan pelancaran yang disebut tadi The Selangor Times oleh koordinator Barisan Nasional. Satu ketika dahulu pihak pembangkang Selangor menafikan penglibatan mereka dalam pengedaran Selangor Terkini dan juga penglibatan The Selangor Times. Jadi saya hendak tanya dengan Yang Berhormat apakah hari ini mereka terpaksa mengaku disebabkan mereka sudah lagi tidak mempunyai kepercayaan kepada penyebaran akhbar oleh Utusan Malaysia dan juga akhbar-akhbar yang pro kepada Barisan Nasional?

**YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Untuk The Selangor Times, saya rasa mereka tak menyembunyikan bahawa mereka adalah orang yang bertanggungjawab untuk The Selangor Times kerana ada gambar Dato' Seri Mohd. Zain ini dalam laman tersebut dan juga dihadiri oleh Dato' Wong Chun Wai daripada The Star. Dalam The Selangor Times, mereka hanya menerbitkan propaganda Barisan Nasional. Saya hanya petik 3 sahaja yang saya baca satu *main website* mereka ya.

1. BN wil continue to proof RM1 billion isue
2. Selangor BN to have programe to public wouls
3. P. Yong reviews more on RM1 billion scandals

*Everything is on Talam RM1 billion scandals.* Barisan Nasional memang telah ketandusan idea dan hanya tahu meniru dan menipu, meniru dan menipu. Oleh itu, saya berharap kerajaan negeri akan mengkaji tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap The Selangor Times. Saya mohon ini dipertimbangkan. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Dato' Speaker, Menteri Besar, kabinet Kerajaan Negeri, pembangkang walaupun Ketua Pembangkang tak ada dan seluruh Ahli Dewan, pemerhati, sidang media yang saya kasihi sekalian. Saya mengucap terima kasih di atas kesempatan kali ini untuk sama-sama sekali lagi membahaskan perincian serta perbahasan terhadap peruntukan tambahan bagi negeri Selangor bagi tahun 2012. Mengikut daripada rekod yang kita peroleh, sesungguhnya peruntukan ini merupakan tambahan pertama yang telah diusulkan oleh pihak kerajaan negeri untuk menambah sedia ada peruntukan yang telah diberikan dalam belanjawan tahun sebelumnya. Jika kita melihat kepada beberapa sejarah yang lepas, peruntukan tahun ini ternyata sangat kecil jika dibandingkan dengan apa yang telah ditambah dengan tahun lepas. Tahun lepas kita telah menambah sebanyak RM199,981,700.12 sen yang meliputi angka lebih kurang 14% daripada jumlah peruntukan ataupun perbekalan bagi tahun terbabit iaitu pada tahun 2011. Dan pada tahun ini peruntukan tambahan yang telah dicadangkan oleh pihak kerajaan negeri adalah sekitar RM120 juta lebih dan ia meliputi sekitar 7.5% daripada kadar belanjawan yang telah dibentangkan oleh pihak Kerajaan pada belanjawan kita pada tahun 2012 iaitu pada tahun lepas.

Tuan Speaker, saya melihat masih ada lagi suara-suara daripada beberapa Ahli Dewan dan pihak tertentu yang menunjukkan dan mengandaikan bahawa pertambahan perbekalan ini ataupun pertambahan belanjawan ini merupakan suatu kegagalan bagi

pihak kerajaan negeri. Tetapi kalau kita mengambil sedikit masa menyemak fakta dan keterangan serta data yang sedia ada ternyata apa yang telah diamalkan oleh kerajaan pusat dan kerajaan negeri menunjukkan bahawa kerajaan negeri membuat pertambahan yang lebih sedikit berbanding daripada yang ditambah, kalau diukur daripada sudut peratusan. Kita kena adil, kalau tidak nanti kita membandingkan di antara telur dengan ikan yu. Jadi susah kita hendak bandingkan. Contohnya pada tahun 2011 kerajaan negeri telah menambah daripada segi peratusan sebanyak 14%. Kerajaan pusat telah menambah sebanyak RM24 bilion dan jumlah itu meliputi 14.8 ataupun dibundarkan kepada nombor yang hampir sama sekitar 15%. Dan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri menambah dengan nilai yang lebih sedikit. Begitu juga dengan kadar belanjawan tambahan yang telah diumumkan oleh kerajaan Najib Tun Razak pada belanjawan baru-baru ini, dalam sidang Dewan yang lepas, Sidang Dewan Parlimen. Kerajaan pusat telah menambah sekitar RM13 bilion dengan kadar belanjawan itu, tambahan itu bernilai sekitar 7.16 atau 7.2 dan kerajaan negeri Selangor menambah sedikit lebih sekitar 0.3% iaitu Kerajaan negeri Selangor menambah sekitar RM120 juta iaitu pada kadar 7.5%. Jadi isu pertambahan ini menunjukkan kegagalan dan sebagainya, saya rasa tidak ada isu ataupun tidak ada hujah yang boleh dipertahankan. Tetapi kalau kita menyemak dengan lebih terperinci di peringkat bawah, saya suka untuk mencungkil balik apa yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa. Apabila membangkitkan tentang pecahan. Pecahan perbelanjaan tambahan yang dibuat oleh kerajaan pusat. Daripada RM13 bilion yang dipohon oleh kerajaan pusat, 100% ditumpukan kepada belanjawan mengurus. Tetapi bagi pihak kerajaan negeri, daripada RM120 juta yang kita pohon sekitar 67% iaitu yang meliputi hampir RM80 juta sahaja kita uruskan untuk belanjawan mengurus dan jika tidak berkaitan dengan pertambahan ataupun pelarasaran gaji SSM, sudah pasti nilai itu sangat kurang dan nilai itu jauh lebih kecil daripada apa yang kita adakan. Dan jika kita menilai dengan lebih terperinci di peringkat bawah, dengan beberapa hujah yang kita ada dengan hutang kerajaan pusat sudah mencecah hampir-hampir kepada loceng bahaya iaitu pada sekitar 55% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar sebagaimana yang diakui sendiri oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam soalan Dewan Rakyat yang lepas iaitu pada kadar hampir 55% pertambahan itu yang menumpu kepada penggemukan pengurusan kerajaan yang tidak melimpahkan kepada rakyat yang akhirnya urus setia serta perjalanan kerajaan menjadi satu kerajaan yang obes, dengan izin. Dan akhirnya pergerakan yang perlahan dan tidak membawa pembangunan kepada rakyat dan pembangunan yang selalu dicanangkan sebagai mesej dan imej Barisan Nasional ternyata adalah satu laungan dan omongan kosong belaka.

Tuan Speaker, justeru apa yang saya hendak sebutkan dalam Dewan ini dengan apa rekod pada kerajaan negeri, iaitu pada kerajaan negeri pada waktu ini sekitar pada bulan enam daripada rekod kita dengan rizab kita sudah mencecah RM2.1 bilion dengan rekod simpanan yang konsisten bagi setiap bulan iaitu pada kadar 20% yang

tak dapat dinafikan oleh mana-mana akaun ataupun audit daripada mana-mana pihak membuktikan bahawa negeri Selangor lebih layak menambah dan juga membuat peruntukan tambahan dan perbekalan ini. Apatah lagi ada komitmen yang jelas oleh pihak kerajaan negeri yang tidak hanya menggemukkan pengurusan dan eksekutif kerajaan negeri sebaliknya melimpahkan hampir 40% daripada belanjawan tambahan ini untuk aktiviti yang dipanggil sebagai aktiviti pembangunan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi sekalian. Justeru saya kira ada beberapa tohmahan-tohmahan yang dilontarkan tadi adakah kita ini hendak buat semata-mata hendak bayar gaji, kita guna duit MARRIS dan sebagainya, sebagaimana yang dilontarkan oleh Kuala Kubu, saya rasa ia tidak ada asas yang kukuh sebaliknya hanyalah cuba meraba-raba dalam gelap, tersilap-silap terpegang duri. Saya ingin mencungkil balik ataupun mengembangkan balik dan membangkitkan balik tentang soal hutang. Saya rasa Kuala Kubu ada soalan khusus kepada Menteri Besar berkenaan dengan hutang kalau lihat daripada senarai hutang. Dan daripada rekod yang kita ada yang saya rasa pernah dibahaskan oleh Bukit Antarabangsa dalam membahaskan Belanjawan Negeri pada tahun lepas. Laporan Audit menunjukkan pada tahun 2010, laporan audit yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara menunjukkan bahawa kerajaan negeri Selangor adalah satu-satunya negeri yang mampu membayar hutang sebanyak RM253 juta dan mengurangkan beban RM829.86 juta hutang dalam bentuk lebih daripada 40 hutang yang ditinggalkan oleh pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional yang lepas. Ia boleh diceraikan kepada RM173 juta yang merupakan hutang pokok dan RM79.7 juta yang merupakan *annuity* tahunan yang perlu dibayar oleh kerajaan negeri. Jadi dibandingkan dengan negeri Pahang yang telah menunjukkan pertambahan hutang yang bertambah dan hanya mampu membayar kadar hutang kira-kira RM3 juta berbanding dengan RM173 juta kerajaan negeri walau pun Pahang banyak balak dan banyak tanah. Berbanding dengan negeri Melaka yang mempunyai Dataran Satu Malaysia yang pertama di dunia menurut kerajaan negeri Melaka tak mampu membayar apa-apa hutang pun kepada kerajaan pusat. Justeru, saya kira dengan angka sangat jelas ini pertambahan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri saya kira sangat munasabah dan sangat berpatutan apatah lagi melibatkan beberapa angka-angka yang saya kira sangat-sangat baik apatah lagi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di sana duduk di sini, tuan-tuan tahulah nak minta duit dengan Menteri Besar, punyalah susah. Tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat saya kasihi sekalian...

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE:** Saya setuju. Saya setuju.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Setuju ah!. Jangan sokong lebih-lebih. Kena buang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian dalam sidang kali ini saya lihat masih lagi dibangkit oleh ..

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat satu minit.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Ah! satu minit, Allahuakbar. Tak apalah. Akhirnya saya rasa saya boleh simpulkan dalam dewan ini supaya kita tidak teraba-raba sebagai mana kes Talam dan sebagainya yang rasa ada penjelasan yang terperinci oleh pihak kerajaan nanti yang saya lihat mereka teraba-raba daripada melihat pada isu pokok yang sebenar. Hutang yang diambil balik dianggap *built out*, sedangkan syarikat itu yang sepatutnya bankrap dan tanah milik kerajaan negeri yang diserah akan hilang kita berjaya selamatkan, dia tuduh kita *built out* Talam. Saya tak faham. Tak apa, kerajaan negeri boleh bagi *lecture*, saya rasa Menteri Besar bekas seorang guru, saya rasa dia mempunyai pengalaman yang lebih baik bagi mana mengajar orang yang teraba-raba di sana. Saya rasa saya ambil kata-kata daripada, daripada Ronggo Wosito berkenaan dengan Jamal Medan, ini Ng Suee Lim sangat faham. Iaitu mengingatkan kita ia itu betapa pun untungnya orang yang lupa pada prinsip masih lebih beruntung lagi orang yang ingat dan juga waspada. Inilah ingatan yang saya rasa perlu tinggalkan kepada wakil-wakil kita agar kita berhati-hati dalam sidang ini dan berhati-hati dalam membahaskan setiap perkara dan butiran yang kita keluarkan supaya tak terjadi seperti Batang Kali. Saya dengar di luar Batang Kali tadi. Ya Allah. Perkara yang telah jelas bila dibangkitkan kes Altantuya dan juga hubungan dengan Najib Tun Razak, dia kata dah selesai. Selesai dekat mahkamah mana? Dato' Seri Anwar dah selesai dua kali mahkamah. Dianggap tak selesai lagi. Mengulang lagi kes. Melibat Bukit Antarabangsa, saya tahu dia tegur berkenaan dengan DNA. DNA dah ambil dua kali. Tapi sebab hari-hari baca Utusan dia tak baca berita lain, dah tu baca The Malaysian Selangor Times, lepas itu baca Selangor Kita atau pun Selangor Terkini, atau pun lepas itu baca laman web yang hidupnya hanya bergantung dengan cerita seks dan cerita di dalam tandas, nasib Negara dan nasib dasar Negara ditentukan berkenaan dengan cerita seks, saya rasa ingatan Ronggo Wosito itu sangat penting kepada kita supaya kita tidak terbiasa dan membiarkan rakyat memilih kerajaan berdasarkan daripada cerita-cerita palsu, fitnah dan seks dan sebagainya. Dah habis masa dah.

**TUAN SPEAKER:** Dah! Sampai masa dah.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker. Terima kasih. Insya-Allah jumpa lagi. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pun 4.30 petang. Saya menangguhkan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012 pada hari ini. Sebelum itu, di hadapan saya terdapat permohonan untuk membuat ucapan penangguhan dan bersesuaian dengan Peraturan Tetap 16 (2)

sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kg. Tunku untuk membuat ucapan penangguhannya. Dipersilakan. 10 minit.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Ucapan saya adalah seperti berikut. Kerajaan Selangor perlu menyelesaikan dengan cepat dan efektif masalah kekurangan tanah kubur di negeri Selangor. Negeri Selangor merupakan negeri mengalami kadar penambahan penduduk tertinggi di Malaysia. Susulan dengan itu keperluan rakyat Selangor terhadap tanah kubur juga antara yang tertinggi di Malaysia. Masalah kekurangan tanah kubur di Selangor semakin tenat disebabkan dasar kerajaan negeri dahulu yang tidak tegas dalam melindungi tanah-tanah rizab kubur dan menambah caruman tanah kubur. Dalam satu pertemuan dengan penduduk-penduduk Petaling Jaya pada 5 Jun 2012, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memberitahu bahawa caruman kepada Tabung Amanah Tanah Kubur perlu dinaikkan supaya kerajaan mempunyai wang yang mencukupi untuk mengambil tanah-tanah yang bersesuaian sebagai tanah kubur. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa JPBD telah mengatakan bahawa keadaan di Majlis Perbandaran Subang Jaya MPSJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya MPAJ, Majlis Perbandaran Selayang MPS dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya MBPJ adalah antara yang paling kritikal. Kawasan Petaling Jaya sudah tiada lagi tanah kubur yang mencukupi dan beliau juga membangkitkan dua cara penyelesaian iaitu tapak kubur setempat dan tapak kubur bersepodu untuk menyelesaikan masalah ini. Justeru itu kerajaan perlu memberi perhatian khas kepada masalah ini. Salah satu penyelesaian terhadap masalah kekurangan tanah kubur di Petaling Jaya ialah dengan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan cara pembakaran mayat *crematorium*. Kerana ini sangat menjimatkan kos dan tanah. Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya PJCCA telah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk mewartakan Krematorium mereka di Kg. Tunku sebagai rizab tanah kubur. Mereka juga memohon sebidang tanah kecil di luar bangunan mereka untuk didirikan menara habuk mayat. *Ash Tower* untuk menjimatkan tanah. Malangnya permohonan telah ditolak oleh JPBD atas alasan bahawa tanah mereka bukan tanah rizab kerajaan. Tambahan lagi JPBD juga mengatakan bahawa sudah terdapat tanah *crematorium* di kawasan yang sama. Apabila Selangor amnya dan Petaling Jaya khasnya menghadapi kesuntukan tanah kubur, alasan-alasan JPBD ini memang tidak munasabah. Pada masa yang sama Persatuan Perkuburan Cina Hulu Yam Lama telah menulis untuk memohon sebidang tanah kubur yang baru. Permohonan ini sudah mengambil satu masa yang lama sehingga terdapat mayat yang terpaksa dikebumi atas tanah persendirian. Justeru itu, sementara kerajaan Selangor membuat rancangan buat masa panjang untuk menyelesaikan masalah ini, kerajaan juga perlu memastikan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Petaling Jaya dan Hulu Yam Lama ini diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Saya persilakan pihak Kerajaan, 10 minit.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ah! Dato' Speaker, saya berterima kasih kepada apa tu rakan kita yang telah membangkitkan mengenai isu perkuburan. Satu kertas kerja telah yang begitu lengkap telah disediakan oleh pihak Perancangan Negeri yang menyediakan pelan untuk rancangan kawasan-kawasan perkuburan sehingga tahun 2060, Jadi, dia dipanggil cadangan tapak perkuburan bersepada yang kita telah mula lakukan dan terdapat proses-proses yang kita lakukan. Taklimat keperluan tapak perkuburan kepada ADUN, Ahli Parlimen, Orang Besar Daerah yang kita telah buat pada 16 Ogos 2011. Kemudian kita juga telah membuat taklimat keperluan tapak perkuburan kepada penganut-penganut Kristian kawasan Wilayah Persekutuan dan Kuala Langat dan Gabungan Persatuan Kubur Cina Wilayah Persekutuan dan Selangor pada 5 April 2012. Majlis dialog penduduk, kita juga adakan dan terangkan pada 5 Jun 2012. Walau bagaimanapun hari ini kita mendengar, walau pun rancangan kita, kita rasa sesuai, terdapat juga kenyataan daripada Yang Berhormat Sungai Pelek tentang rintihan masyarakat yang akan menghadapi jangkaan mereka masalah kawasan perkuburan di tempat mereka. Tapi apa yang jelas ah! kita tidak boleh mempunyai konsep kubur di kawasan-kawasan seperti di Petaling Jaya sebab tak ada, tak ada tempat melainkan ada satu tempat yang kita rasa mungkin akan berlaku iaitu apabila tanah ladang *Rubber Research Institute* yang akan dijadikan kawasan pembangunan itu boleh ada penempatan dan kajian kita kalau kita tidak mula, tidak mula menyediakan kawasan-kawasan perkuburan ini besar kemungkinan masalah akan lebih, lebih besar dan juga kosnya akan lebih tinggi. Jadi saya berterima kasih di atas penelitian dan Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau dan merancangkan usaha ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan itu Dewan ditangguhkan sehingga hari esok Rabu, 11 Julai 2012 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang)**